

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 21**

**Khamis**

**19 Disember 2013**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan  
(Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 (Halaman 29)  
Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013 (Halaman 73)  
Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia)  
(Pengesahan) 2013-12-20 (Halaman 87)  
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 (Halaman 98)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Khamis, 19 Disember 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selamat pagi, salam sejahtera, salam bahagia kepada semua. Kita mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Silakan Yang Berhormat.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah strategi kerajaan dalam mengekang kos rawatan dan perubatan kesihatan yang semakin meningkat setiap tahun.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yunus. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini sebelum saya menjawab saya hendak memberikan satu senario keadaan sekarang di Malaysia iaitu sekarang ini bajet untuk tahun 2013 bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM20 bilion manakala pada Bajet 2014 sebanyak RM22 bilion. Daripada bajet itu, kos untuk perubatan, ubatan dan *consumeable* maknanya yang bukan ubat, jenis tiub pakai buang, *vaccine reagent* semua sekali semua sekali RM3.3 bilion di antaranya, yang lain adalah untuk emolumen dan pentadbiran yang lain. Itu senarionya.

Jumlah pesakit dalam, saya hendak cerita dahulu sebelum saya menjawab. Jumlah pesakit *in patient* adalah 2.2 juta pesakit untuk hospital kerajaan dan hospital swasta lebih kurang satu juta dan jumlah pesakit luar adalah 11 juta tetapi tiap-tiap pesakit luar dia datang kadang-kadang sampai sebulan sekali, setahun sampai 12 kali datang. Jadi, jumlah kedatangan lebih kurang 50 juta tetapi jumlah pesakit luar adalah 11 juta. Maknanya, satu jumlah yang banyak. Ini tidak termasuk pula jumlah pendatang asing yang masuk, ini pun satu bebanan juga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, strategi kita ialah untuk mengurangkan pesakit yang datang mendapatkan rawatan di hospital kita iaitu pesakit dalam dan pesakit luar. Dengan ini, kerajaan pada tahun 2010 telah melancarkan program yang dipanggil NSP-NCD iaitu *National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases*, penyakit yang tidak berjangkit. Ini telah dilancarkan pada tahun 2010 dan melibatkan 10 kementerian. Maknanya ada kerjasama dan hubungan antara kementerian ini untuk kita

berkempen dengan izin, *awareness campaign* kepada semua masyarakat Malaysia tentang tanggungjawab mereka untuk mengubah cara hidup dan mengubah cara makan.

Cara hidup ialah kita hendak hari ini supaya masyarakat kita lebih aktif, *exercise* dan sebagainya supaya dapat mengurangkan berat badan dan membakar lemak-lemak yang ada di dalam badan. Manakala cara makan pula kena berhati-hati dan kita juga ada program untuk menerangkan kepada semua masyarakat tentang cara makan yang sihat. Kita tidak mahu mereka makan terlalu banyak lemak dan terlalu banyak gula, karbohidrat dan sebagainya.

Ini akan menyebabkan kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit, *actually* penyakit-penyakit yang tidak berjangkit iaitu seperti kencing manis, darah tinggi, kanser, *hypercholesterolemia* dan sebagainya. Ini adalah penyakit yang boleh kita cegah sendiri. Oleh sebab itu kita menjalankan kempen-kempen pencegahan *awareness campaign* supaya ramai yang tidak sakit dan tidak perlu masuk hospital ataupun tidak perlu pergi ke klinik.

Kempen-kempen telah kita buat secara menyeluruh Tuan Yang di-Pertua daripada anak kecil sehingga dewasa, sehingga kanak-kanak sekolah hingga ke universiti. Kita ada program COMBI contohnya, *cost pain*. Jadi penyakit ini- kumpulan-kumpulan dalam masyarakat yang membantu kita untuk bekerja dapat supaya menerangkan tentang *awareness campaign* ini. Di sekolah-sekolah, kita ada program Doktor Muda contohnya dan di universiti kita ada PROSIS iaitu *awareness campaign* juga Tuan Yang di-Pertua di universiti. Kita ada program contohnya 10,000 langkah sehari, kita menggalakkan masyarakat supaya berjalan, *exercise*. Sebanyak 10,000 langkah setiap hari lebih kurang antara lima kilometer hingga tujuh kilometer, kalau tinggi maknanya jauh sedikitlah.

Dalam hal ini, kita juga bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan NGO. Baru-baru ini kita juga ada menjalinkan hubungan dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga KKLW. Selain daripada itu, kerajaan juga memperuntukkan sejumlah besar iaitu lebih kurang RM54 juta untuk pendidikan kesihatan. Ini adalah usaha kerajaan menerapkan pengetahuan tentang kesihatan juga. Ini dikendalikan oleh kementerian sendiri, maknanya kita ada program untuk sekolah, program untuk masyarakat melalui pamflet, media dan pelbagai-pelbagai cara.

Kita juga ada satu program yang dipanggil MySihat, ini untuk NGO. NGO yang boleh membantu kita dalam hal kesihatan, kerajaan bagi geran kepada mereka. Ini penyakit yang tidak berjangkit, NCD ataupun *non-communicable diseases*. Bagi penyakit berjangkit juga ada kawalan supaya penyakit-penyakit ini tidak merebak seperti penyakit tibi, leptospirosis, denggi, malaria. Ini semua kita ada skim juga kita untuk kita- ada bahagian kawalan masing-masing, kawalan penyakit yang memang aktif mengesan, mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga selain daripada strategi mengurangkan pesakit yang memerlukan bantuan dan rawatan di hospital ataupun di klinik, kita juga ada skim di mana kita cuba hendak mengurangkan kos ubat-ubatan.

#### ■1010

Dalam hal ini pihak kerajaan banyak menggunakan ubat-ubat generik, jadi bermakna ubat yang dikeluarkan, ubat ini semua sebenar ubat-ubat yang sama ada dikeluarkan di dalam negeri atau pun diimport daripada luar negara. Ubat generik bukan bermakna tidak bagus, ia bagus. Ubat-ubat yang

dikeluarkan di Malaysia memang di bawah GMP iaitu *good manufacturing practice* memang dikawal ketat. Jadi memang kualitinya sangat baik.

Jadi kita dalam lingkungan 81% memang kita gunakan ubat generik. Ini murahlah, murah kalau berbanding dengan ubat *original*. Ubat *original* ialah ubat yang sama ada diimport atau pun dibuat di Malaysia, kebanyakan diimport. Ini adalah kerana ubat ini masih lagi ada paten. Jadi tidak boleh kita hendak dikeluarkan di Malaysia atau di mana-mana dengan kadar yang lebih murah. Jadi ubat *original*, jadi kita tunggu bila paten habis, boleh kita keluarkan soal generik.

Bermakna kita menggunakan banyak ubat generik, kurangkan *original* dan kita kurangkan import. Ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah tentang galakan rawatan di rumah. Bermakna selepas pesakit ini-sekarang ini doktor, kalau boleh dia hendak *discharge* cepat daripada hospital supaya pesakit boleh dibawa balik ke rumah dan buat rawatan di rumah. Perkara ini kita sudah ada tiap-tiap klinik kesihatan, hospital sudah ada kumpulan *home nursing care* Tuan Yang di-Pertua. Itu bermakna pasukan yang akan pergi ke rumah, mana-mana kes yang dirujuk kepada mereka, mereka akan pergi membuat lawatan ke rumah. Ini dapat mengurangkan *hospital stay*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, bebanan daripada pekerja asing. Ini pun satu perkara yang pada peringkat awal memang berat kerana pekerja asing kebanyakannya dululah sebelum ini. Sebelum dikenakan insurans, memang mereka banyak berhutang. Sekarang ini kita sudah ada skim untuk insurans pekerja asing dipanggil SPIKPA, di mana semua pekerja asing diwajibkan mengambil insurans ini. Sekarang ini sudah ada 1.75 juta pekerja asing yang berada di bawah skim ini Tuan Yang di-Pertua. Itu saja jawapannya Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya ialah adakah cadangan supaya kementerian dan Majlis Peraturan Malaysia (MMC) mengkaji semula jadual bayaran di bawah Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 agar dapat menyediakan garis panduan terkini yang lebih relevan dan sesuai serta berbeza dari segi kos yang dikenakan kepada pesakit dari golongan rendah dan sederhana agar mereka tidak dibelenggu bil hospital yang tinggi jika menerima rawatan di hospital, contohnya hospital swasta.

Ini kerana terdapat aduan yang kos rawatan di hospital swasta tidak dikawal dan meningkat saban tahun yang sudah tentu membebankan pesakit yang kurang mampu. Ini supaya hak-hak pengguna dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya Yang Berhormat, soalnya?

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Ya, sekejap. Rawatan di hospital swasta dinyatakan dalam Akta Kemudahan dan Jagaan, Kesihatan dan Peraturan Kemudahan Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Swasta 2006 mendapat pembelaan dan tidak ditindas serta mesra pelanggan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya fi yang dikenakan oleh kerajaan dan juga oleh hospital swasta adalah dikawal di bawah Jadual Fi Tuan Yang di-Pertua. Termasuk juga di hospital swasta memang ada Jadual Fi ke-13, Peraturan 433, Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Swasta memang ada dikawal. Tahun 2006 ya dikawal. Maknanya kalau ada rungutan

boleh kita membuat aduan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat insurans pun sudah pandai, bijak, mereka *engage* satu kumpulan, satu kepakaran yang dipanggil *medical* audit. Sebelum pihak insurans bayar *claim* itu, mereka hantar kepada pihak ini untuk audit dan pihak ini akan audit. Dilihat kalau ada kajian, ujian atau pun *investigation* dibuat dengan cara yang tidak perlu *unnecessary* maka dipotong.

Saya difahamkan bahawa pihak syarikat-syarikat insurans ini telah pun dapat menjimatkan bukan hanya insurans, pihak-pihak agensi mana yang melibatkan yang *engage* sesuatu. Dengan cara ini mereka dapat mengurangkan bil mereka lebih kurang 20%. Ini bermakna sekarang ini mereka tidak bayar terus, mereka audit dulu bil itu dan kalau mana-mana yang tidak betul, ada yang terlebih buat atau pun *investigation* tidak perlu, mereka potong yang akhirnya dibayar yang perlu sahaja. Jadi penjimatan lebih kurang 20% Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua juga kepada Timbalan Menteri yang jawab tadi. Daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita dapat lihat di mana kebanyakan ada panel daripada syarikat insurans yang dia akan telitikan dengan bil-bil yang akan dikenakan. Akan tetapi yang akhir itu, pesakitlah yang kena tanggung semua kos sebab insurans ini tolak. Dia katakan ujian-ujian ini tidak diiktiraf, tidak boleh dijalankan.

So, bila benda ini berlaku selepas rawatan sudah selesai. So, yang mana akhirnya pesakit ini kena tanggungkan semua kos-kos itu. So, saya ingin penjelasan daripada kementerian, macam mana tindakan kerajaan boleh ambil untuk ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut tadi bahawa memanglah *tendency* pihak hospital swasta yang tidak bertanggungjawab ini, mereka buat macam-macam yang tidak perlu. Ini sudah jadi *trend* macam di luar negara, mereka buat semua sekali, yang tidak perlu pun mereka buat. Akhirnya memanglah kesannya adalah kepada pesakitlah.

Memang insurans akan bayar mana yang *disclaim* saja, yang lebih itu dia akan tuntutan kepada, hospital akan tuntutan daripada pesakit, ini satu perkara yang belum ada penyelesaian lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak boleh hendak jawab sekarang. Saya perlu lagi maklumat tambahan ya, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kriteria yang diguna pakai dalam penentuan kelulusan permohonan pertukaran guru dan apakah statistik permohonan yang diterima serta peratusan diluluskan dan ditolak untuk lima tahun lepas.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mempunyai dasar yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran dan penempatan. Pertukaran guru dilaksanakan dua kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Jun setiap tahun.

Proses pertukaran guru melibatkan permohonan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah. Guru boleh memohon untuk bertukar ke lokasi yang mereka kehendaki secara atas talian melalui sistem e-GTukar. Di antara kriteria yang telah kita tetapkan, kriteria utama yang diambil kira

dalam penentuan penempatan guru baru dan juga kelulusan pertukaran guru ialah yang pertama keperluan perkhidmatan dan yang kedua kekosongan opsyen. Ada kriteria-kriteria lain akan saya jelaskan kemudian.

Kekosongan opsyen yang terdapat di negeri tersebut. Bilangan guru di sesebuah negeri tidak boleh melebihi bilangan yang diluluskan mengikut waran perjawatan negeri berkenaan. Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu memastikan keperluan opsyen yang kritikal diisi dengan guru opsyen berkenaan agar murid mendapat tenaga pengajar yang kompeten dan mencukupi.

Untuk maklumat Yang Berhormat, keperluan atau pun peratusan kelulusan dan statistik permohonan lima tahun itu ada pada saya, akan saya serahkan. Akan tetapi secara pengetahuan am, ingin saya huraikan untuk tiga tahun kebelakangan. Tahun 2011, 2012, 2013 dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tahun 2011 jumlah pemohon yang mohon untuk pertukaran ialah 29,532 dan daripada jumlah ini 16,938 sekolah rendah, 12,594 daripada sekolah menengah. Kelulusan yang kita beri secara keseluruhan sekolah rendah dan sekolah menengah ialah untuk 7,699 cikgu.

#### ■1020

Maksudnya, 26% kelulusan. Tahun 2012 pula, seramai 36,133 guru memohon. Pecahannya 19,678 dari sekolah rendah dan 16,455 dari sekolah menengah. Kelulusan yang diberi keseluruhan sekolah rendah dan sekolah menengah ialah 6,841 iaitu 18.9%. Tahun 2013, 39,497 guru memohon yang mana 22,212 dari sekolah rendah dan 17,285 dari sekolah menengah. Jumlah keseluruhan yang diluluskan ialah 6,820 iaitu lebih kurang 17%. Kita nampak ada peningkatan. Tahun 2011 – 29,532, tahun 2012 - 36,133 dan tahun 2013 – 39,497.

Kementerian sentiasa mengikut kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan dan juga kriteria-kriteria lain contohnya kita juga mengambil kira kadang-kadang ancaman keselamatan. Kita juga mengambil kira sakit-sakit kronik diri, pasangan dan anak-anak mereka. Ada di antara mereka ingin mengikut pasangan. Ia juga diambil kira dan juga cukup tempoh perkhidmatan. Akan tetapi yang paling penting, pokoknya ialah dua kriteria yang telah saya sebutkan tadi iaitu kekosongan opsyen dan keperluan perkhidmatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab yang bagi saya amat meyakinkan. Soalan tambahan saya ialah dalam memberi keutamaan kepada pertukaran guru-guru ini, sungguhpun memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, apakah Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan yang agak *exceptional* setelah memenuhi syarat-syarat tadi kepada pasangan-pasangan ini? Saya mendapat banyak aduan ini, sudah tujuh tahun tidak dapat tukar. Suami mengajar di Johor, isteri mengajar di Kuala Terengganu, sudah tujuh tahun. Zuriat pun tidak dapat. Hendak bertemu susah ya. Itu mungkin kes-kes terpencil.

Kedua ialah bagi guru-guru yang betul-betul mengajar di kawasan pedalaman seperti Sabah dan Sarawak. Apakah kementerian bercadang untuk mengkaji dipendekkan syarat lima tahun itu kepada tiga tahun supaya mereka ini dapat bertukar di tempat yang mereka mahu dan tempat mereka digantikan dengan guru-guru lain secara bergilir-gilir?

Akhir sekali ialah tentang elaun guru-guru yang di kawasan pedalaman ini. Mungkin terkeluar sedikit. Apakah imbuhan yang sedia ada ini mencukupi untuk mereka yang betul-betul mengajar di kawasan pedalaman yang saya faham ada kategori-kategori tertentu? Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas keyakinan yang telah diberikan kepada kementerian kerana itulah tanggungjawab kita untuk melaksanakan tanggungjawab kita untuk memberi keyakinan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi kepada tenaga pengajar yang kita sentiasa memberi penghormatan.

Pertimbangan atau *exceptional* di antara kelulusan yang kita beri Tuan Yang di-Pertua, kita memberi keutamaan kepada pasangan yang telah berpisah, keutamaan. Kita hendak memastikan guru-guru, pasangan yang berpisah ini, walaupun tidak ramai, daripada jumlah guru-guru yang berkhidmat, 5% kita nampak pasangan berpisah. Sekiranya pasangan berpisah itu hendak kembali bersama pasangan untuk berkhidmat bersama pasangan, bukan menjadi masalah. Kita boleh. Contohnya pasangan guru, suami di Johor, isteri di Kuala Terengganu. Kalau mereka hendak berkhidmat bersama, tiada masalah.

Mungkin kita boleh beri tawaran kepada kedua-dua guru tersebut pergi contohnya ke negeri Melaka. Boleh. Kita boleh hantar suami yang dari Johor, isteri dari Terengganu, pergi ke Melaka. Boleh tetapi masalahnya pasangan ini hendak balik kampung. Bila hendak balik kampung, maka kita menghadapi masalah. Contoh kampung mereka mungkin di Kelantan. Di Kelantan, Terengganu, Kedah dan juga Perlis, kita mempunyai masalah kerana waran kekosongannya tidak ada. Kalau hendak balik kampung memang sukar. Itu masalah yang kita alami dan kita cuba sedaya-upaya untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang terdekat.

Kepada guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kerana ada guru- saya berjumpa dengan seorang guru semalam yang berkhidmat di Sarawak sudah beberapa tahun. Saya tanya dia, "*Tidak mohonkah bertukar?*" Dia kata, "*Tidak apa. Saya amat selesa di sini*". Sebenarnya ia bukan lima tahun. Opsyen tahun ini kita antara perkara yang kedua atau ketiga tetapi yang paling penting ialah seperti mana yang saya telah jelaskan sebentar tadi, keperluan perkhidmatan dan juga kekosongan opsyen. Ini dua sangat penting. Selepas itu, baru kita tengok opsyen. Ia biasanya kita ada dasar- bukan dasar, secara kita ambil tiga tahun purata apabila memberi perkhidmatan.

Atas elaun kawasan pedalaman, memang ada. Kita ada beri sampai RM1,500 tertakluk kepada kawasan pedalaman yang guru itu berkhidmat. Kita sentiasa, kita rela membuat kajian semula sekiranya keperluan ini tetapi kita memang memberi elaun-elaun khas kepada guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Berapa banyak bilangan permohonan yang diterima oleh kementerian untuk pertukaran suka sama suka antara guru yang berlainan tempat mengajar itu? Berapa banyak bilangan yang mengemukakan permohonan sedemikian dan berapa banyak yang telah diluluskan? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kita ada menerima tetapi jumlahnya secara terperinci tidak ada kepada saya. Sekiranya diperlukan, saya boleh beri kepada Yang Berhormat

Senator. Akan tetapi jumlahnya tukar suka sama suka ini Yang Berhormat, merupakan satu kaedah ucapan yang kita buat sentiasa tetapi jarang-jarang berlaku. Ini kerana suka sama suka ini tidak memenuhi opsyen, susah juga. Kalau tidak ada kekosongan ataupun opsyen, contoh suka sama suka, guru mengajar opsyen matematik dan sains, seorang lagi guru mengajar Bahasa Malaysia, suka sama suka pun tidak boleh Yang Berhormat Senator. Tidak boleh.

So, ia kena tengok dua perkara penting yang saya katakan tadi selain daripada jumlah tempoh masa perkhidmatan. Suka sama suka, kita pun suka juga tetapi tidak boleh kerana tidak sesuai tetapi sekiranya memenuhi keperluan-keperluan yang telah ditetapkan oleh kementerian, maka kita akan memberi sokongan tersebut. Terima kasih.

**3. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, langkah dan inisiatif baru Kerajaan bagi membantu dan memudahkan perniagaan francais tempatan supaya mampu kekal berdaya saing dalam pasaran yang kompetitif.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Hasan bin Malek]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan jawapan pantun itu saya buat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Secara bertulis [*Ketawa*]

**Dato' Hasan bin Malek:** Secara bertulislah. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan matlamat untuk memantapkan infrastruktur sokongan bagi pembangunan francais termasuk mewujudkan suasana yang mesra bagi perniagaan francais tempatan mahupun asing untuk berkembang di negara kita.

Antara program pembangunan francais sebagaimana soalan yang dibuat, francais yang sedia ada yang dilaksanakan adalah penyediaan dana bantuan francais serta misi promosi francais di dalam dan luar negara. Kerajaan juga sentiasa memperkenalkan langkah dan inisiatif baru dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman. Antara lain, kerajaan telah memperkenalkan konsep sistem francais mikro yang bermatlamat untuk menggalakkan syarikat francais menawarkan pakej francais dengan modal permulaan yang kecil iaitu kurang daripada RM50,000 bertujuan untuk memperluaskan peluang perniagaan francais kepada semua lapisan masyarakat.

■1030

Francais *for all* terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana selaras dengan konsep francais untuk semua. Jenis perniagaan francais mikro yang dibangunkan adalah seperti francais bergerak, kios dan *pushcart*. Program francais mikro ini menepati matlamat kerajaan untuk membantu menjana pendapatan serta membangunkan kemahiran keusahawanan di kalangan bakal usahawan yang kurang atau tiada pengalaman perniagaan. Selaras dengan itu juga, kerajaan telah memperkenalkan program francais komuniti yang diwujudkan secara khusus untuk mempromosikan bidang keusahawanan francais mikro kepada masyarakat.

Program tahunan ini dianjurkan secara berkala mengikut zon. Antara pengisian program adalah pameran oleh syarikat francais mikro, agensi kerajaan dan institusi kewangan serta klinik francais yang meliputi sesi perkongsian pengalaman francais dan sesi taklimat mengenai industri francais. Melalui



program seumpama ini, kerajaan berhasrat untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat setempat merebut peluang yang ditawarkan ini sekali gus menceburi perniagaan francais dengan harapan dapat memperbaiki taraf hidup masyarakat bagi mengimbangi pendapatan dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi daripada semasa ke semasa.

Selain daripada itu, kerajaan juga turut berusaha untuk menambahbaikkan proses pendaftaran francais. Dalam hal ini, kerajaan telah membangunkan sistem pendaftaran francais secara atas talian yang dikenali sebagai sistem *Malaysia Franchise Express (MyFEX)*. Sistem *MyFEX* ini menukarkan sistem pendaftaran secara konvensional kepada sistem baru secara atas talian bagi mempermudah semua urusan pendaftaran francais. Tempoh pemprosesan permohonan pendaftaran francais juga telah berjaya disingkatkan kepada hanya 7 hari bekerja sahaja. Bagi memudahkan lagi pendaftaran insentif cukai bagi francais juga telah diluluskan pada tahun 2011 dan berkuat kuasa mulai tahun 2012.

Di samping itu juga, kerajaan bakal memperkenalkan kaedah penarafan francaisor pada penghujung tahun ini. Penarafan ini akan mengklasifikasikan perniagaan francais dari segi keupayaan, prestasi dan kapasiti masing-masing. Melalui sistem penarafan ini, rating, kelemahan dan kekuatan sesebuah perniagaan francais akan dapat dikenal pasti dan pihak kerajaan akan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap aspek-aspek kelemahan yang telah dikenal pasti bagi membantu perniagaan francais tempatan untuk lebih berdaya maju dan berdaya tahan.

Melalui sistem penarafan ini juga, kerajaan akan berupaya untuk mengenal pasti perniagaan francais yang berpotensi untuk dimajukan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kerajaan yakin bahawa segala dasar yang mesra perniagaan, strategi sedia ada dan baru yang terancang dan berkesan, pelaksanaan yang baik dan komitmen dari semua pihak, lebih banyak jenama perniagaan francais tempatan akan berkembang dengan pesat di dalam dan di luar negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang. Tahniah kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna. Saya juga rasa hendak merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhinggalah di atas jamuan, hadiah dan diharapkan bukan kementerian ini sahajalah, kementerian-kementerian lain pun eloklah sekali skala bagi kepada kami. Terima kasihlah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat soalan itu.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya memaju dan membangunkan perniagaan francais negara ini. Walaupun kebanyakan masyarakat beranggapan perniagaan francais ini sukar untuk diceburi kerana memerlukan modal yang tinggi.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah dana di bawah Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) telah berjaya dan mampu menarik lebih ramai usahawan khususnya usahawan bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang francais ini dan adakah usaha pihak kementerian untuk membantu francaisor tempatan mengembangkan perniagaan francais mereka di luar negara. Setakat ini, berapakah bilangan jenama francais tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran luar negara dan sejauh

manakah kejayaan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) sebagai peneraju pembangunan industri francais tempatan mampu memantapkan lagi perniagaan francais negara ini khususnya membantu francaisor dan francais tempatan mengembangkan perniagaan francais di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun, saya fikir dia minat dalam bidang francais ini. Soalan dia ada dua. Satu berkenaan dengan dana yang telah ada dan satu lagi berkenaan dengan perkembangan ke luar negara. Saya ambil pertama dulu, soal dana. Sejak daripada tahun 1990, saya melihat perniagaan francais ini sudah mula dikenali dan rakyat sudah mula memasuki program ini. Oleh sebab itu saya melihat hari ini saya anggap keadaan perniagaan francais berada dalam keadaan cukup matang, *very matured*.

Oleh sebab itu, dana yang kita ada yang disediakan oleh kerajaan melalui Skim Pembiayaan Kecil Francois (SPKF) itu berjumlah RM8 juta telah berjaya membantu bakal-bakal usahawan untuk menyertai perniagaan francais. Sehingga hari ini, sejumlah 280 usahawan francais mikro baru telah berjaya diwujudkan di bawah skim SPKF ini. Daripada 280 usahawan tersebut, 233 usahawan bumiputera telah dibiayai melalui skim pinjaman ini. *The detailnya* dari segi saya ada angka-angka ini, kalau diperlukan oleh Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun, saya bersedia untuk memberikan statistiknya yang menunjukkan bagaimana seriusnya kita membantu dan bagaimana pula kejayaan mereka ini.

Jadi hubung kait dengan apa yang disebut tadi soal pengembangan kita ke luar negara. *Alhamdulillah* sebenarnya dari segi kita, sehingga kini sejumlah 55 syarikat francais tempatan Malaysia telah menembusi 52 buah negara di seluruh dunia. Sehingga di Moscow, Russia kita ada barang kita dijual secara francais di Moscow. Begitu juga di Stockholm, Sweden dan Johannesburg di Afrika Selatan dengan jumlah *outletnya* sebanyak 1,962 *outlet*.

Apa bentuk perniagaannya, ada sentiasa, ada butirannya dengan saya. Kalau diperlukan, saya bersedia hendak menunjukkan kita, kita bangga dengan kejayaan ini. Kita bantu dia orang dan dia orang komited dengan dasar kerajaan melalui Akta Francois ini saya melihat program ini sungguh amat berjaya sekali terutamanya di bawah program *Malaysian Franchise Goes Global*. Francois Malaysia bergerak ke arah negara global, jadi *alhamdulillah*.

Pada tahun lepas sahaja, kementerian dengan kerjasama pihak MATRADE telah menyertai 10 buah misi perdagangan yang melibatkan francaisor tempatan. Kita tidak bersendirian. Bersama MIDA, bersama MATRADE, kita sama-sama pergi ke negara luar ini. Saya pun baru balik daripada Cairo itu menghadiri- Dubai, Pameran dan Kongres Timur Tengah OIC Kedua di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu. Saya melihat perkara ini sungguh bangga. Semua sebahagian besar daripada francaisor di negara-negara luar datang ke negara kita dan mereka begitu yakin bahawa kemampuan, kebolehan dan juga mutu barangan. *Alhamdulillah* syukur dan ini akan terus kita tingkatkan untuk masa yang akan datang. Bila kita lagi berkembang, akan banyak bantuan kita untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Senator-Senator sekalian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengambil kesempatan ucap tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Hasan bin Malek yang telah menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan dengan harapan *insya-Allah* supaya perniagaan kaum bumiputera khususnya dapat di tingkatkan. Dalam bidang francais ini, tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri peruntukan sebanyak RM8 juta, saya rasa cukup kecillah, terlalu kecil peruntukan yang sebanyak itu.

■1040

Walaupun berbagai-bagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk menarik minat peniaga-peniaga terutamanya IKS, terutamanya dari golongan bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan francais ini termasuklah program penerapan francaisor yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya tertarik dengan seorang pakar motivasi Dr. Azizan yang boleh menarik minat orang ramai sehinggakan satu kursus hadir 4,000 orang baru-baru ini di Stadium Melawati.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, soalan. Teruskan soalan.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Jadi, yang hadir itu kena bayar RM400. Jadi, saya hendak *insya-Allah* supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini boleh menarik minat peniaga-peniaga kita supaya mereka ini diberi kefahaman tentang bidang perniagaan termasuk francais ini agar mereka lebih maju. Itu permintaan saya, terima kasih.

**Dato' Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya alu-alukan juga cadangan tadi dan mengaitkan pula dengan peranan Dr. Azizan, salah satu daripada individu yang berjaya dan menarik bercakap, menerangkan soal perniagaan ini. Soal kita di kementerian, kita juga ada program turun ke padang ini. Kita buat ikut zon-zon. Kita sudah melaksanakan di Johor Bahru, di Kuantan. Baru-baru ini di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan saya tengok dari segi sambutanannya begitu baik.

Tinggal lagi kalau kita hendak kaji dari segi kejayaannya tadi kadang-kadang tahulah orang kita ini meniaga *a bit slow*. Walau bagaimanapun, dana yang telah disebutkan tadi akan kita tengok dari segi keperluannya. Kalau keperluannya agak begitu baik sekali, kita tidak ada masalah. Bagi kerajaan kita hari ini, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Kita laksanakan. Kalau ini mendapat penarikan yang baik, kita akan tambahkan dana ini dan kita juga bersedia untuk membantu Yang Berhormat Senator kalau minat dalam bidang ini. Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Menteri dia sendiri yang hadir, saya benarkan satu lagi soalan Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Noriah.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah banyak-banyak kepada Yang Berhormat Menteri ini. Setiap kali datang jawab memang Menteri ini menjawab. Kita berikan tepukanlah kepada Yang Berhormat Menteri yang rajin. Cuma hari itu taklimat, minta maaf saya tersesat. Tidak dapat sagu hati yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh hantar, hantarlh [*Ketawa*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini saya kalau boleh ulang-ulang balik Tuan Yang di-Pertua soalan ini. Apakah kerajaan mempunyai plan tertentu untuk jangka panjang bagi menggalakkan bumiputera terutamanya di kawasan luar bandar walaupun telah dinyatakan tadi bagi melibatkan diri dalam

perniagaan francais bagi meningkatkan ekonomi mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua sebenarnya maklumat-maklumat banyak daripada atas tetapi saya rasa tidak turun ke bawah, akar umbi.

Semua sekali ini sudah ada dekat atas. Jadi, orang yang di bawah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tidak dapat benda ini. Oleh sebab itu tadi yang dapat pinjaman baru 280 orang. Itu sedikit sangat di seluruh Malaysia. Cuba kita kira berjuta, dapat 280.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul itu Yang Berhormat. Terus pada soalan.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Itu soalan saya yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang kedua itu saya minta maklumat-maklumat itu supaya turun ke bawah, boleh pinjam apa, berapa boleh dapat, kelayakannya berapa? Minta Yang Berhormat Menteri hantar orang-orangnya turun pergi luar bandar. Jadi, supaya semua orang, peniaga-peniaga di luar bandar ini dia tahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Datuk Senator Noriah, saya anggap ini pun satu galakan pada kitalah. Bagi kita tidak ada masalah. Kita sudah ada buat macam turun ke bawah, pergi ke akar umbi, bertemu dengan peniaga-peniaga melalui dewan perniagaan dan sebagainya. Kita buat ini. Macam saya sebut tadi kita buat ikut zon. Johor Selatan, Pantai Timur di Kuantan, di tengah di Cheras Kuala Lumpur baru-baru ini, di Pulau Pinang, utara dan sebagainya.

Kalau difikirkan ada keperluannya untuk kita pergi ke peringkat yang lagi bawah di kawasan luar bandar *we always prepared*. Tidak ada masalah. Apatah lagi kalau ini diambil daya utamanya oleh Yang Berhormat Senator sendiri. Saya cukup bersedia untuk membantu. Kita tidak ada masalah. Macam saya sebutkan tadi, kita ini ada macam-macam sektor yang kita bantu. Sektor makanan, pakaian, *accessories*, perkhidmatan penyelenggaraan, pusat pembelajaran asuhan kanak-kanak. Macam *kindergarten* ini cukup hebat dia punya sambutan dia. Rawatan kecantikan dan kesihatan, kedai serbaneka, IT dan juga lain-lain perniagaan. *Insyallah* saya cukup bersedia untuk berbincang dan sebagainya.

Untuk yang pertama tadi, yang urusan-urusan yang lain itu boleh bertemu dengan Yang Berhormat Timbalan sayalah. Dia yang menguruskan ini. Kalau ada apa-apa yang baik itu, itu datang daripada saya. Manakala, yang tidak elok itu Yang Berhormat Senator lah [*Ketawa*] Okey, terima kasihlah.

**4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta Perdana Menteri menyatakan, kaedah yang terperinci dalam menentukan Indeks Harga Pengguna (CPI) dan apakah barangan/komponen yang diambil kira dalam menentukan kadar CPI tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Indeks Harga Pengguna Malaysia (IHP) adalah kadar perubahan paras harga runcit bagi 512 item dalam bakul IHP yang dipungut harga setiap bulan daripada 137 pusat pungutan harga di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pengelasan item-item tersebut berpandukan kepada piawaian antarabangsa iaitu *United Nations Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP) dalam 12 kumpulan berikut:

- (i) makanan dan minuman bukan alkohol;
- (ii) minuman alkohol dan tembakau;

- (iii) pakaian dan kasut;
- (iv) perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api yang lain;
- (v) hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah;
- (vi) kesihatan;
- (vii) pengangkutan;
- (viii) komunikasi;
- (ix) perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan;
- (x) pendidikan;
- (xi) restoran dan hotel;
- (xii) pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Dalam penyediaan IHP, perubahan harga bagi pelbagai komponen item telah diwajibkan *waited* menggunakan wajaran yang mewakili kepentingan relatif setiap komponen berkenaan. Pemilihan item bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan dan juga wajaran yang digunakan adalah berdasarkan kepada corak sebenar perbelanjaan. Corak sebenar perbelanjaan penduduk Malaysia seperti yang diberikan oleh isi rumah dalam penyiasatan perbelanjaan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap lima tahun sekali.

Bermula keluaran Januari 2011, corak sebenar perbelanjaan adalah berdasarkan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2009, 2010. Item yang digunakan dalam pungutan harga dan wajaran yang digunakan bagi pengiraan IHP adalah mewakili pengalaman sebenar perbelanjaan penduduk dalam negara ini secara keseluruhannya.

Pengiraan IHP adalah berdasarkan kepada standard dan prosedur yang diterima pakai di peringkat antarabangsa dengan menggunakan formula Laspeyres. Laspeyres ini ialah nama orang. Bukan *last payers*. *The Laspeyres*- "L-A-S-P-E-Y-R-E-S", iaitu purata berwajaran indeks item. Ini perlu supaya dapat mengeluarkan satu indeks yang setaraf dengan negara-negara lain untuk tujuan perbandingan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah adakah mekanisme atau kaedah dalam menentukan Indeks Harga Pengguna ini atau *Consumers Price Index* mencerminkan keadaan sebenar di bawah. Maksudnya keadaan harga di pasat. Dalam tempoh tiga dekad, Indeks Harga Pengguna ini berkisar pada 3% tetapi kita tahu misalnya tahun lepas harga ikan kembung di pasar RM8.50 tetapi sekarang harganya RM13.50 atau RM14. Soalan saya atau pertanyaan saya adakah indeks ini mencerminkan keadaan sebenar, realiti sebenar di bawah?

■1050

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Banyak itu sahaja soalan Yang Berhormat? Okey, yang ini bila kita buat CPI ini kita berdasarkan kepada kita masukkan satu bakul. Seperti yang saya sebutkan tadi, bakul itu kita ambil 512 item yang saya sebutkan tadi dan semua itu dibuat penyiasatan dan dikira dan ini yang kita dapat, iaitu CPI kita seperti yang telah disebutkan. CPI ini, ia akan menandatangani kepada inflasi. Kita kena ambil secara keseluruhan sebab ikan kembung ini pun saya tahu sekejap RM3, kalau sekiranya masa banjir ini, harga kembung murah tapi kadang-kadang mahal. Padahal ikan paling

banyak masa banjir sebab bila banjir berlaku dia datang dekat dengan pantai tapi orang tidak boleh ambil ikan kerana banjir.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang mahal, kadang-kadang murah. Ikut kadang-kadang mahal, di Pantai Timur murah. Akan tetapi ia akan menentukan kadar inflasi. Ini setelah kita ambil kira semua aspek dan kadar inflasi Yang Berhormat saya hendak beritahu sedikit, inflasi kita kalau hendak kira yang tertinggi sekali ialah 2008 iaitu 5.4%, 2009 0.6%, 2010 1.7%, 2011 3.2%, 2012 1.6% kemudian 2013, Januari sampai November 2.0%. Ini kadar inflasi. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita tidak boleh mengambil harga di Kuala Lumpur kerana itulah harga pasaran kita. Sebab harga di Changlun lain, harga di Kuala Perlis lain, kemudian harga di selatan lain. Kadang-kadang barang yang sama daripada tauke yang sama tapi diletakkan harga pelbagai. Kepelbagaian ini menjadikan ia sebagai CPI dan kesannya ialah kepada inflasi dan kadar inflasi di Malaysia ini 2.0%.

Saya ingat saya tidak payah sebut sebab kalau saya sebut nanti orang selalu perlu saya. Dia kata pengurusan banjir yang terbaik. Ini nanti kita kata pula inflasi ini ialah di antara yang terendah di dunia tentulah orang akan perlu lagi. Akan tetapi inilah keadaannya di Malaysia. Walaupun Yang Berhormat lawan pencen RM820 itu naikkan RM900 tapi kenaikan kita 2% setahun.

Cuba Yang Berhormat kira 2% setahun sudah melebihi daripada kadar RM900 sebab semalam saya tidak boleh tidur bila Yang Berhormat tekan saya selepas makan nasi beriani. Hari ini pun akan ada nasi beriani lagi. Apakah tidak dinaikkan kepada RM900 tetapi kerajaan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini cerdik. Dia tidak bagi macam itu. Dia bagi tiap-tiap tahun ada kenaikan 2% bagi semua pencen rakyat Malaysia. Kenaikan 2% itu sebenarnya bersamaan dengan kadar inflasi. Jadi orang pencen dia dapat menghadapi inflasi.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, dalam keadaan sekarang ini kita lihat rakyat di bawah agak kelam-kabut dengan keadaan katanya tarif elektrik akan naik, tol akan naik, Indah Water akan naik, cukai pintu akan naik. Segala-galanya akan naik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah pendapatan tertentu untuk membolehkan rakyat hidup secara sederhana dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu rakyat dalam keadaan resah gundah-gulana di bawah sana? Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Soalan Yang Berhormat ini macam hebat sekali. Agak sukar untuk dijawab secara mulut dan kita kena bagi tahu secara bertulis. Akan tetapi yang saya hendak jawab untuk dua tiga item yang kita tengok ada kenaikan. Kenaikan elektrik, penyetaraan kadar tarif elektrik ke atas pengguna domestik yang berkuat kuasa 1 Januari 2014 tidak akan memberi kesan kepada kadar inflasi kerana unit yang diukur dalam 'baku IHP' ialah bagi jenis penggunaan 201 sehingga 300 kilowatt.

Jadi sekarang ini kalau sekiranya yang 301 sehingga 400 itu yang kena tarif, yang lain tidak kena tarif. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi resam rakyat Malaysia yang dia tidak kena pun dia tumpang sana. Contohnya kadar cukai pintu hanya dinaikkan di Wilayah sebab sudah tidak naik dengan

begitu lama tapi yang di Kelantan pun tumpang gaduh sama. Di Perlis, di Johor pun tumpang sama kerana mereka hendak kata ini barang telah naik.

Banjir ini yang semua tempat macam di Pekan dikatakan bahawa pengurusan yang terbaik. Di Rompin terbaik, di Maran terbaik, di Mersing terbaik, di Batu Pahat baik. Kemudian di Dungun dengan Kemaman lepas hari yang pertama baik. Di Kuantan ada keluh-kesah sedikit untuk hari yang pertama tapi hari yang kedua terbaik tetapi dia main pukul rata bahawa banjir ini diuruskan dengan tidak terbaik kerana peristiwa di Kuantan yang kita jangka satu pusat akan berpindah 500, dia menjadi 5,000 ke atas. Jadi orang lain tumpang cakap.

Demikian juga tentang gundah-gulana ini kerana gundah-gulana orang-orang di Kuala Lumpur, maka gundah-gulana itu telah disebarkan di seluruh Malaysia. Macam gundah-gulana yang melibatkan rakyat Malaysia boleh, contohnya masalah Syiah. Itu gundah-gulanalah sebab ia melibatkan seluruh rakyat Malaysia tetapi tentang kenaikan harga barang ini kerajaan beri perhatian kepada perkara-perkara yang menjadi keutamaan kepada kita. Kalau ia tidak naik ia akan jadi masalah dan kenaikan itu dia tidak melibatkan secara khusus kepada bakul 512 barangan yang saya sebutkan tadi. Sebab 512 barangan yang saya sebutkan tadi sebahagian besarnya menerima subsidi daripada kerajaan tapi keluh-kesah yang berlaku, dua saya sebutkan tadi iaitu satunya sebaran cerita yang kena, di satu tempat sebaran cerita di seluruh negara. Jadi contohnya barang-barang yang dalam bakul CPI Yang Berhormat yang diberi subsidi yang cukup besar yang merupakan keperluan kepada kehidupan kita ialah:

- (i) petrol RON95;
- (ii) diesel;
- (iii) minyak masak kelapa sawit;
- (iv) tepung gandum;
- (v) gula;
- (vi) elektrik, gas dan bahan api yang lain; dan
- (vii) roti dan juga bijirin lain.

Jadi melihatkan kepada keadaan tersebut, Kerajaan Malaysia masih lagi di peringkat bertahan dan terkawal tetapi kita kena terima hakikat bahawa ada barangan-barangan lain di bandar-bandar tertentu memberi tekanan kepada rakyat Malaysia. Dengan itu projek kerajaan memberi penekanan kepada perkara-perkara lain yang boleh meringankan rakyat Malaysia.

Contohnya macam mereka sewa rumah terlalu tinggi. Pengenalan PR1MA iaitu untuk berpendapatan RM2,500 sehingga RM7,500 yang rumah berharga di antara RM100,000 sehingga RM400,000 kita akan bagi peluang sehabis-habisnya bagi mereka yang tinggal di pinggiran bandar kita akan bagi perumahan PR1MA dan perumahan PR1MA ini bukan sahaja ditetapkan kepada yang berkeluarga, termasuk juga orang-orang bujang yang keluar universiti juga akan diberi rumah berdasarkan 1+1, 1+2, 1+3 dan juga 1+4.

Gundah-gulana rakyat Malaysia, kerajaan faham tetapi sudah pasti dengan pendekatan beberapa perkara baru termasuk BR1M yang akan diberikan tidak lama lagi boleh mengurangkan masalah dan juga rasa sanubari 'asmarama'. Yang lain-lain Yang Berhormat oleh kerana soalan Yang Berhormat itu ada sedikit yang berbentuk teknikal, saya pohon menjawab secara bertulis.

**5. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, inisiatif kementerian di dalam memastikan para pegawai polis tidak sewenang-wenangnya menyebarkan gambar-gambar mangsa di tempat kejadian jenayah ke dalam internet di mana tindakan ini adalah salah dari segi etika seorang pegawai polis bertugas.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia, selamat pagi, salam 1Malaysia, salam kepada Dato' Nallakaruppan.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia amat memandang serius berhubung dengan penyebaran gambar-gambar mangsa di tempat kejadian jenayah. Sekiranya ada tindakan menyebarkan gambar mangsa sama ada melalui media jalur lebar, *Facebook*, *WhatsApp* dan lain-lain, yang boleh menjatuhkan imej PDRM dan mencerminkan sikap tidak profesional dalam menjalankan tugas kepolisian di kalangan pegawai dan anggota polis, perbuatan ini amat diberi perhatian oleh pihak PDRM.

■1100

Sehubungan dengan itu, satu arahan telah dikeluarkan oleh pucuk kepimpinan PDRM agar semua ketua dan penyelia dikehendaki menentukan setiap pegawai dan anggota di bawah seliaan tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan imej PDRM dan perbuatan tersebut hendaklah dihentikan dengan serta-merta sebelum tindakan tatatertib atau pun mahkamah ke atas siapa yang gagal mematuhi arahan yang telah dikeluarkan.

PDRM mengambil pendekatan tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan bagi memastikan amalan disiplin yang tinggi dipatuhi termasuk tindakan terhadap individu yang dibuktikan telah menyebarkan gambar-gambar mangsa di tempat kejadian jenayah ke dalam *internet*. Berdasarkan rekod PDRM pada tahun 2010, seramai dua orang anggota polis telah diambil tindakan tatatertib kerana didapati dengan cuai telah menyebabkan gambar mangsa jenayah tersebar. Perintah tetap Ketua Polis Negara iaitu perintah D108A telah menggariskan tatacara rakaman, penyeliaan, penyimpanan, keterangan gambar digital dalam apa jua situasi, gambar digital tidak boleh dihantar menerusi jaringan telefon bimbit atau sistem e-mel yang tidak selamat. Jadi untuk menjawab persoalan, ya memang betul kesalahan itu adalah salah daripada segi etika dan disiplin seorang polis yang bertugas. Terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan Polis Diraja Malaysia ke atas pegawai-pegawai yang telah melakukan kesalahan kedengkian? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih. Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi kita akan melihat daripada dua sudut. Sudut yang pertama, kita melihat daripada sudut sama ada dia melakukan satu-satu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang. Umpamanya, apa yang berlaku di- saya cukup yakin ini terlintas di pemikiran Senator Dato' Nallakaruppan berhubung dengan apa yang berlaku di AmBank yang telah *went viral*.

Jadi kes ini telah disiasat dan masih dalam siasatan. Kertas siasatan telah dibuka di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, masih dalam siasatan. Dalam masa yang sama, kertas tatatertib juga telah dibuka untuk menyabitkan dan melihat sama ada berlaku di bawah *Inspector*



*General Standing Order* (IGSO) untuk menyabitkan dan berhubung kesalahan Prosedur Tatacara Rakaman Pengendalian Simpanan Gambar Digital yang telah saya sebutkan tadi.

Jadi dalam keadaan yang demikian, kita akan melihat dua perkara dilakukan secara serentak. Satu, penyiasatan daripada sudut kesalahan undang-undang negara iaitu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan yang satu lagi melihat dari sudut kesalahan disiplin. Kalau didapati ada cukup bukti membuktikan bahawa di boleh dituduh di bawah undang-undang negara Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dia akan dituduhkan dahulu di mahkamah.

Apabila dituduh di mahkamah dan kalau didapati bersalah di mahkamah, susulan akan *direfer* dan dirujuk kepada Suruhanjaya Polis. Apabila dirujuk kepada Suruhanjaya Polis, Suruhanjaya Polis akan membawa perkara tersebut dalam mesyuarat sama ada diputuskan dalam beberapa kategori kesalahan hukuman yang boleh ditetapkan daripada pemotongan gaji, penggantungan kerja ataupun dibuang kerja.

Jadi ini adalah tindakan yang boleh diambil apabila didapati bersalah tetapi apabila tidak didapati bersalah oleh pihak mahkamah, itu juga pihak PDRM akan mempertimbangkan kerana tadi saya sudah sebut kertas siasatan disiplin telah dibuat, akan melihat dan menilai ada atau tidak kesalahan disiplin telah dibuat yang saya dimaklumkan dahulu zaman saya ada satu sampai 66 kesalahan disenaraikan di bawah kesalahan disiplin daripada IGSO ini. Akan tetapi sekarang dirangkumkan kepada satu kepada 55 kesalahan dan termasuk kesalahan *to bring the police into disrepute* ataupun mencemarkan nama polis PDRM di khalayak ramai.

Dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, cukup peruntukan yang kita adakan dan sediakan untuk mengambil tindakan ini. Tindakan susulan yang kita buat sekarang ialah memberi amaran kepada semua pegawai supaya patuh kepada syarat-syarat disiplin. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan. Tadi saya tengok iaitu berhubung dengan soalan ini, saya hendak tahu berhubung dengan orang awam yang membuat penyebaran gambar-gambar tadi, apakah pihak polis juga boleh mengambil tindakan atau pihak mana yang akan mengambil tindakan?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang selari dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Senator Dato' Nallakaruppan. Sebenarnya kalau berlaku kepada orang awam, kita tidak menyebut lagi soalan disiplin sebab masyarakat umum di luar sana tidak ada garis panduan disiplinnya selain apa yang dibolehkan oleh Perlembagaan bebas untuk membuat apa-apa sahaja.

Jadi akhirnya kita kembali kepada undang-undang yang saya sebut tadi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini. Jadi kalau kita selidik di situ dan berlaku kesalahan-kesalahan, kita boleh menilai sama ada dia melakukan kesalahan di bawah ini atau pun kalau perkara-perkara tersebut berhubung dengan perkara betul-betul terhad, kita ada undang-undang lain lagi iaitu untuk mendedahkan perkara yang *diprotect* atau dijaga oleh undang-undang umpamanya, perkara yang terhad atau perkara yang *confidential* didedahkan dalam itu, kita akan siasat di bawah undang-undang lain. Jadi tindakan kita ada.

Walau bagaimanapun, semasa saya berbincang berhubung dengan perkara ini, saya bangkitkan adakah undang-undang kita mencukupi dalam keadaan yang sekarang ini? Kalau tidak, kita perlu

mengambil tindakan untuk meminda undang-undang kita supaya memperlengkapkan undang-undang ini supaya setiap masyarakat mengetahui tugas dan tanggungjawab ada batasan-batasan tertentu mengikut kebebasan yang telah diberi oleh pihak perlembagaan. Terima kasih.

**6. Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pendidikan menyatakan, mata pelajaran Sejarah telah pun dijadikan mata pelajaran wajib lulus. Tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia. Langkah ini amat tepat pada masanya. Apakah kementerian mempunyai perancangan untuk menjadikan mata pelajaran Matematik dan Sains juga sebagai mata pelajaran wajib lulus memandangkan kedua-dua mata pelajaran ini sangat penting untuk pembangunan individu dan juga negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Syed Ibrahim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,*

*Gunung daik bercabang tiga,*

*Wajib lulus mata pelajaran Sejarah,*

*Penting juga Sains, Matematik membina otak geliga.*

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, untuk makluman mata pelajaran Sains dan Matematik merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari oleh semua murid dan menduduki awam. Kementerian Pendidikan Malaysia buat masa ini tiada perancangan untuk menjadikan mata pelajaran Sains dan Matematik sebagai mata pelajaran wajib lulus.

Walau bagaimanapun, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2035 Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan murid-murid menguasai bukan sahaja kemahiran sains dan matematik malah teknologi dan kejuruteraan atau dikenali sebagai STEM ataupun sains, teknologi, *engineering* dan matematik.

#### ■1110

Hal ini penting bagi menyediakan tenaga kerja yang berorientasikan sains dan teknologi bagi masa hadapan. Bagi memenuhi dasar nisbah 60:40 aliran sains teknikal dan sastera, maksudnya 60% aliran sains teknikal, 40% aliran sastera, maka pendidikan STEM adalah signifikan dan diberi lebih tumpuan berbanding aliran sastera dan telah mula dalam gelombang satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini daripada tahun ini sehingga tahun 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan satu jawapan yang komprehensif tadi. Mata pelajaran Sejarah sering dikatakan membosankan dan rata-rata pelajar tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran ini.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang memberi suntikan baru dengan memperkenalkan kaedah pembelajaran yang lebih interaktif dan efektif? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengambil tindakan untuk mewajibkan lulus mata pelajaran Sejarah.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kaedah pembelajaran sejarah ini akan diadakan dengan lebih mudah dan selesa. Pada masa yang sama untuk mata pelajaran Sejarah ini kita juga akan ada dua jenis pemeriksaan. Satu secara praktikal, *exam*, peperiksaan biasa dan satu lagi kerja-kerja praktikal. Antara contohnya ialah mereka mungkin diberi satu gerak kerja untuk membuat satu temu duga dengan seorang sejarawan untuk mendapatkan pengalamannya. Ini merupakan projek-projek yang akan diberi kepada anak murid supaya mereka memahami. Bukan sahaja mereka menghafal tahun-tahun dan sebagainya, tetapi mereka juga akan diberi peluang untuk mengkritis dan membuat kajian sendiri. Inilah yang hendak kita amalkan.

Pada masa yang sama untuk mata pelajaran sains juga kita juga ada latihan-latihan praktikal. Ia tidak akan menjadi satu kaedah yang mana kita gunakan dalam bilik darjah lagi. Pembelajaran akan diadakan di luar bilik darjah. Kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mengorak langkah awal-awal supaya pembelajaran alam maya atau pun, dengan izin, *virtual learning environment* ini akan memudahkan anjakan penambahbaikan mata pelajaran-mata pelajaran yang kita akan amalkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Memandangkan kelakuan generasi muda kita semakin sukar diawasi. Jadi, adakah ini berkaitan dengan mata pelajaran Moral diambil ringan? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kelakuan generasi muda ini kalau hendak dikaitkan dengan mata pelajaran moral, saya mohon maaf. Saya tidak begitu setuju. Kelakuan ini banyak sebab. Latar belakang, pergaulan, sahabat-sahabat yang dipilih merupakan di antara elemen-elemen menjadi punca mengapa segelintir, bukan ramai, segelintir generasi muda ini sukar kita kawal.

Akan tetapi, sekolah memainkan peranan yang penting. Kita juga harus memastikan generasi muda ini jangan terpesong dengan ajaran politik songsang [*Tepuk*] Jangan. Ini di antara kaedah kita harus kawal. Pengajaran dan penglibatan dengan parti-parti politik yang memberi maklumat palsu, yang menyebarkan fitnah, yang menyebarkan cara-cara kelakuan yang tidak baik, mengajar rakyat jangan menghargai jasa baik kerajaan, ini yang akan mencederakan generasi muda ini. Kalau kita betulkan ini saya pasti generasi muda ini merupakan satu generasi yang kita boleh harapkan. Pemimpin-pemimpin masa depan berada di sana. Kita akan memastikan negara kita ini terus maju dengan adanya sistem pendidikan yang membantu mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

**7. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Perdana Menteri** menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa siswa-siswi Malaysia yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti-universiti luar negara dan memperoleh kelayakan dalam bidang teknologi tinggi dapat diberi pekerjaan di negara ini selaras dengan kelayakan mereka supaya mereka tidak terpaksa kerja di luar negeri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan yang terakhir dalam Dewan Negara ini untuk saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang terakhir bukan hendak berhenti. Ini untuk penggal ini ya. Kalau saya berhenti rugi, elaun belum diputuskan lagi ya [*Ketawa*]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil bagi memastikan graduan tajaan JPA termasuk mereka yang memperoleh kelayakan dalam bidang teknologi tinggi kembali berkhidmat di dalam negara setelah tamat belajar. Langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) setiap pelajar tajaan JPA yang diwajibkan untuk memohon jawatan daripada pihak berkuasa melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Polis, badan-badan berkanun Persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan sebagai sebahagian dari proses melaporkan diri setelah menamatkan pengajian;
- (ii) kerajaan melalui JPA telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama dengan TalentCorp Malaysia di bawah inisiatif *Student Talent Attraction and Retention* (STAR). Inisiatif ini bagi membolehkan graduan tajaan JPA yang belum dilantik ke sektor awam untuk berkhidmat di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, GLC, entiti-entiti jaminan kerajaan, syarikat swasta yang beroperasi di Malaysia atau organisasi-organisasi tidak berasaskan keuntungan yang terpilih sebagaimana diarah atau dipersetujui kerajaan bagi tujuan melaksanakan syarat-syarat kontrak perjanjian biasiswa Persekutuan;
- (iii) kerajaan juga melalui JPA telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama *Razak School of Government* (RSOG) di bawah inisiatif *Talent Acceleration in the Public Service* (TAPS). Inisiatif ini merupakan platform untuk mengenal pasti bakat-bakat terbaik di kalangan pelajar-pelajar JPA dan seterusnya akan ditawarkan untuk berkhidmat dengan kerajaan dalam skim yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik peserta. Pelajar tajaan yang terpilih menyertai TAPS akan mengikuti pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh RSOG seperti sangkutan di agensi kementerian dan juga latihan pembangunan yang sesuai dengan keperluan peserta.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, apa yang menarik perhatian saya ialah adakah pelajar-pelajar ini yang dilatih dalam bidang teknologi tinggi dapat menyumbang untuk memajukan industri dan teknologi negara ini? Nampaknya dalam jawapan yang diberi ramai daripada mereka yang telah tamatkan pelajaran mereka, hanya dibawa balik untuk berkhidmat dengan kerajaan. Macam mana dengan industri-industri dan teknologi-teknologi, misalnya macam *nuclear technology*? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, ini adalah pelajar tajaan JPA. JPA kita tahu bahawa pelajar yang dihantar ke Germany lebih kurang 300 orang dalam jawapan kita yang lepas dan bagi pelajar-pelajar perubatan dan juga lain-lain bidang, JPA boleh menajanya setelah mereka menduduki peperiksaan terutamanya *medic*. Sekarang ini yang menjadi buruan ibu bapa dan juga buruan ejen-ejen yang sah dan tidak sah ialah untuk anak-anak kita masuk dalam bidang *medic*. Akan tetapi, JPA hanya mampu beri kepada 500 orang walau pun yang belajar *medic* sekarang ini mungkin angkanya sudah sampai 10,000 di luar negara terutamanya negara Indonesia.

Jadi apabila mereka balik, mereka telah dimasukkan di bawah program yang telah saya sebutkan termasuk GLC. GLC ini kiranya swasta atau pun swasta yang tidak bermotifkan keuntungan. Jadi saya rasa untuk JPA sudah mencukupi.

■1120

Akan tetapi ada student lain yang bukan JPA, yang persendirian. Itu yang saya rasa paling banyak sekali dan mereka sewajarnya masuk ke bidang-bidang Yang Berhormat telah sebut. Kalau JPA juga hendak dimasukkan bidang, yang student lain juga patut diberi peluang. Akan tetapi student lain juga bukan, ini bukan student JPA saja. Student lain juga layak untuk masuk ke program yang saya sebutkan tadi. Kalau sekiranya mereka mempunyai kelulusan yang dibenarkan. Di bawah Program STAR tadi, STAR yang disebutkan itu, swasta yang berteknologi tinggi. Yang Berhormat sebutkan itu, memang student JPA di hantar ke sana sebab dalam program ini seperti yang saya sebutkan tadi, STAR dan TAPS tadi memberi ruang kepada mereka untuk berkhidmat dengan kerajaan dan juga swasta.

Akan tetapi saya khususkan kepada sebut agensi-agensi kerajaan dan juga GLC tadi dan saya ingat tidak ada masalah untuk kita juga memberi ruang dan peluang kepada mereka yang pergi belanja secara persendirian. Sudah pasti mereka juga sekarang ini berpuluh ribu yang berada di luar negara. Pada satu masa dulu kita lihat 30,00 lebih yang berada di luar negara yang bukan mendapat tajaan daripada JPA tetapi mereka belanja sendiri. Mereka juga balik dan memerlukan peluang pekerjaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dari segi pekerjaan. Apakah lulusan pelajar tempatan mendapat layanan yang sama dengan pelajar-pelajar luar negara? Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, penjelasan akan diberikan. Yang Berhormat, melalui program STAR dan juga TAPS. Jadi, STAR ini untuk masuk syarikat swasta ataupun GLC ataupun jabatan kerajaan. Yang ini untuk STAR, kemudian TAPS ialah untuk diserapkan terus ke jabatan kerajaan. Untuk maklumat Yang Berhormat, JPA taja 10,000 pelajar tempatan dan yang lain-lain itu seperti yang saya sebutkan tadi, untuk ke luar negara iaitu untuk *Germany* punya program untuk teknikal dan juga *medic* kita taja sebanyak 500 orang.

Jadi, pelajar tempatan yang 10,000 juga masuk ke ruang lingkup program yang telah saya sebutkan tadi. Kalau ditanya apakah program ini hanya untuk luar negara, tidak. Termasuk dalam negara, mereka juga boleh masuk program yang telah saya sebutkan. Tentulah Yang Berhormat bertanya, apakah ada perbezaan di antara luar negara, dalam negara? Tidak ada perbezaan, cumanya nampak ada lebih sedikit luar negara kerana student yang kita hantar pergi ke luar itu ialah student yang sudah pasti mempunyai kelulusan yang terbaik untuk masuk ke universiti-universiti yang telah dipilih.

Semua graduan tajaan JPA sama dalam ataupun luar negara, mereka hendaklah memohon daripada SPA dan juga lain-lain badan untuk memohon pekerjaan dan pekerjaan kita bagi berdasarkan kepada kekosongan. Yang melantik sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum ialah SPA dan lantikan dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada kekosongan tadi. Saya juga hendak sebutkan

kepada Yang Berhormat bahawa pada tahun 2010, ini termasuk awam dan juga luar negara, daripada 2010 sampai 2013.

Saya rasa Yang Berhormat Senator ingin tahu bahawa sejumlah 11,782 orang graduan JPA dalam negara dan luar negara telah dilantik dalam perkhidmatan awam melalui JPA. Ini adalah satu angka yang cukup menarik tetapi juga satu angka yang cukup menarik yang harus didengar bahawa tajaan kita adalah 10,000 dalam negara, 500 dan juga 300 luar negara. Jadi, kalau hendak dikira itu masih ada lagi yang menganggur dan mereka itu boleh terus memohon dan dalam masa yang sama mereka boleh mengikuti program-program kerajaan yang dibuat dalam pelbagai bidang termasuk bidang untuk graduan, termasuk program francais dan juga lain-lain lagi.

Macam katakan di sebuah negeri di Malaysia, kalau mereka datang, mereka itu seorang graduan untuk memulakan perniagaan francais dan lain-lain lagi, kita terus memberi sokongan untuk membuat pinjaman TEKUN yang telah ditentukan berapa yang mereka boleh dapat pinjaman. Sebenarnya ruang kerja adalah terbuka untuk rakyat Malaysia dan kalau kita letakkan pemikiran bahawa bukan kerja kerajaan sahaja yang harus ditunggu tetapi apa saja bidang pekerjaan boleh kita masuki, sudah pasti peluang pekerjaan terbuka di Malaysia. Malah kalau hendak kira pendatang asing yang datang ke sini, jumlah pendatang asing yang datang ke sini dan menguasai peluang pekerjaan. Kalau pekerjaan itu diambil oleh para graduan kita, sudah pasti tidak ada graduan yang menganggur di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, soalan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

**8. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) status pelaksanaan Program Pembangunan Bersepadu di perkampungan Orang Asli; dan
- (b) status projek infrastruktur bagi bekalan air terawat dan jumlah perkampungan Orang Asli yang masih belum mempunyai bekalan air terawat dan bekalan elektrik seluruh Malaysia.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah diluluskan peruntukan khusus di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bermula pada tahun 2013 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur di perkampungan Orang Asli meliputi:

- (i) komponen Program Bantuan Rumah (PBR);
- (ii) pembinaan jalan perhubungan; dan
- (iii) penyediaan kemudahan bekalan elektrik.

Sejumlah RM21.5 juta telah disalurkan pada tahun 2013 bagi pelaksanaan projek-projek tersebut. Manakala sejumlah RM70 juta lagi akan disalurkan pada tahun 2014. Merujuk kepada persoalan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri saya peluang untuk mengalu-alukan tetamu kita. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bersama kita pada pagi ini adalah pelajar-pelajar dari kawasan Parlimen Pagoh yang terdiri daripada 80 orang pelajar-pelajar dan guru-guru, pengiring-pengiring dari Sekolah Kebangsaan Felcra Bukit Kepong dan Sekolah Kebangsaan Kampung Tui, Bukit Kepong yang diketuai oleh Cikgu Mazlan Kudin [*Tepuk*] Terima kasih, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, sehingga kini sebanyak 168 unit rumah PBR telah siap dibina dan 110 unit rumah PBR lagi sedang dilaksanakan. Manakala sebanyak 36 projek infrastruktur telah siap dilaksanakan dan 22 projek lagi sedang dalam pelaksanaan di kawasan penempatan Orang Asli. Ini hanya pada tahun 2013 ya. Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan kemudahan bekalan air terawat dan bekalan elektrik di perkampungan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat daripada 852 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, sebanyak 175 kampung iaitu kira 20.5% masih belum mempunyai kemudahan bekalan air terawat.

Pada tahun 2013 ini, sebanyak RM56.7 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli yang melibatkan sebanyak 60 kampung. Projek-projek tersebut sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap selewat-lewatnya pada Mei tahun 2014. Manakala sejumlah RM20 juta lagi akan disalurkan pada tahun 2014 bagi pelaksanaan projek tersebut secara berterusan. Berdasarkan rekod sehingga kini, perkampungan Orang Asli yang masih belum lagi mendapat kemudahan elektrik adalah berjumlah 250 kampung iaitu 29.3%. Masalah perkampungan yang tiada kemudahan elektrik ini akan ditangani menerusi peruntukan sedia ada yang disalurkan ke kementerian ini atau menerusi peruntukan khas daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

#### ■1130

Isu berkaitan kemudahan bekalan elektrik termasuk kemudahan asas yang lain dijangka akan dapat ditangani sepenuhnya menjelang tahun 2017 nanti menerusi pelbagai peruntukan yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asli. Perkara ini membuktikan bahawa pihak kerajaan begitu komited untuk membangunkan masyarakat Orang Asli di seluruh negara kita di Semenanjung lebih lagi.

#### ***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]***

Pihak kementerian menerusi JAKOA perlu mengkaji serta meneliti keperluan projek pembangunan masyarakat Orang Asli dari masa ke semasa dan melaksanakannya mengikut keutamaan. Menerusi usaha-usaha kerajaan melaksanakan projek pembangunan yang berterusan ini akan dapat memastikan kumpulan minoriti ini dapat bergerak seiringan dengan masyarakat umum di dalam arus perdana. Pihak kementerian menyasarkan menjelang tahun 2017, masalah kemudahan asas perkampungan Orang Asli akan dapat ditangani sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan satu jawapan yang cukup baik dan jaminan daripada pihak kerajaan bahawa masalah-masalah kemudahan asas di perkampungan Orang Asli ini

akan dapat diselesaikan dalam tahun 2017. Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan asas ini juga sebenarnya adalah penyumbang kepada berlakunya keciciran di kalangan pelajar-pelajar ini kerana kadang-kadang anak-anak ini terpaksa bangun pukul 4 pagi, pukul 5 pagi untuk ke sekolah ditambah lagi dengan keadaan pengangkutan yang tidak begitu baik. Terima kasih kerana jaminan diberikan untuk menyelesaikan masalah ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa lebih kurang 5,000 keluarga masyarakat Orang Asli lagi memerlukan rumah PBR seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi bilakah, adakah tempoh-tempoh tertentu untuk menyelesaikan masalah ini? Soalan keduanya, apakah program-program pembangunan ekonomi yang akan dilaksanakan lagi untuk meningkatkan ekonomi di perkampungan-perkampungan masyarakat saya ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menangani masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat kira-kira 5,000 lagi keluarga, kebetulan tidak ada pada saya buat masa sekarang sama ada 5,000 ini adalah angka yang sebenarnya ataupun angka yang mungkin dalam jangkaan sahaja. Akan tetapi ia sebenarnya kementerian sesungguhnya akan- oleh kerana jika ada keperluannya, sesungguhnya memang membantu di dalam isu perumahan projek PBR ini.

Oleh kerana itu, kita ada unjuran. Tadi saya telah menyebut sampai tahun 2017 nanti, masalah di kalangan masyarakat Orang Asli kita sasarkan kita boleh tangani sepenuhnya. Jadi PBR ini juga satu daripada komponen pembangunan yang kita akan salurkan kepada masyarakat Orang Asli. Perlulah kementerian secara tepat lagi Jabatan Kemajuan Orang Asli mengetahui. Jangan risaulah Yang Berhormat Senator kerana JAKOA memang tahu akan tanggungjawab dan juga mengumpul sepenuhnya data-data untuk menepati berapa sebenarnya projek PBR yang amat diperlukan. Kerajaan bertekad untuk kita memenuhi keperluan ini untuk kita membela Orang Asli dalam Projek Bantuan Rumah.

Kemudahan asas bagi masyarakat Orang Asli, seperti mana yang telah disebut juga kita ada sasaran tahun 2017 dan dalam jawapan-jawapan yang telah diberi dalam penggulungan juga banyak kita sudah yakinkan semua Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa Jabatan Kemajuan Orang Asli dan kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini kita banyak memerlukan peruntukan kerajaan daripada Kementerian Kewangan.

Saya nampak dalam Dewan ini Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala ada dalam Dewan, saya berharap kita mengambil peluang bagi mengemukakan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala yang memainkan peranan begitu penting sekali dalam kerajaan dalam Unit Perancangan juga akan keperluan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini memerlukan sangat peruntukan yang besar untuk menangani masalah-masalah di luar bandar termasuk juga masalah-masalah pihak masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya walaupun saya bukan Orang Asli tetapi Orang Asli ini mungkin sebahagian daripada hidup kita kerana undi Orang Asli ini undi bonus kepada kita. Kita mengucapkan tahniah dan berterima kasih banyak-banyak kepada Orang Asli yang selama ini telah menyokong Barisan Nasional. Kita berikan tepukan kepada Orang Asli walaupun dia tidak dengar [*Tepuk*] Dato' Muhammad Olian sahaja yang dengar.



Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli sebenarnya sekarang ini sudah ramai yang moden, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tidakkah Yang Berhormat menteri bercadang untuk membawa rumah PR1MA kepada Orang Asli, ke kawasan Orang Asli supaya Orang Asli dapat kita modenkan dan kita majukan dari masa ke semasa. Saya rasa Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bersetuju dengan saya. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Binti Mahat yang sesungguhnya begitu prihatin kepada bukan sekadar segelintir atau segolongan masyarakat di Malaysia, tetapi kesemua masyarakat berbilang kaum di seluruh negara Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan itu.

Jadi projek PR1MA ini bukan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan tepat sekalilah Yang Berhormat berpeluang pada pagi ini supaya didengar dan berharap Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala yang mengetahui unit yang begitu penting dalam kerajaan bukan sekadar mengambil nota dan perhatian, akan tetapi dengan secara lebih proaktif membantu masyarakat Orang Asli yang sudah maju ke hadapan untuk mendapat juga bahagian untuk perumahan PR1MA ini. Terima kasih.

**9. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Pendidikan menyatakan, secara terperinci masalah-masalah yang dihadapi di dalam Aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan bagaimanakah kerajaan mengambil langkah yang lebih efektif dan drastik untuk menaiktarafkan kelemahan akses sistem ini agar ia tidak membebankan tugas guru-guru sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti beberapa kelemahan dalam penggunaan infrastruktur ICT khususnya keupayaan komputer pelayan ataupun *server* dengan izin, bagi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan semak dalam talian. Antara punca utama yang telah dikenal pasti serta langkah penyelesaiannya adalah seperti berikut:

- (i) isu kapasiti pemprosesan yang telah ditetapkan di pusat data;
- (ii) aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah sedia ada memerlukan keupayaan pemprosesan yang tinggi kesan penggunaan teknologi lama; dan
- (iii) jadual kemasukan data yang sangat fleksibel menyebabkan pengguna memasukkan data pada penghujung tahun yang mengakibatkan kesesakan di pusat data.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil pendekatan baru dalam pengurusan kapasiti pemprosesan di pusat data secara *on demand* dengan izin, bagi membolehkan keupayaan pemprosesan ditingkatkan mengikut keperluan.

#### ■1140

Ini akan memastikan pengguna tidak menghadapi isu *auto log out* atau *server* yang perlahan atau tidak dapat mencapai aplikasi tersebut. Inilah masalah pokok dan kita mengambil masalah ini dan

mencari penyelesaiannya. Ini kerana saya sendiri telah diberi peluang mendapat satu *password* daripada seorang guru, mencuba sistemnya. Saya sedar setiap data yang dimasukkan mengambil masa satu minit empat puluh lima saat. Sekiranya cikgu itu ada 100 orang murid, di sinilah guru-guru menghadapi masalah. Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang membangunkan Modul Penaksiran Berasaskan Sekolah yang baru berasaskan teknologi Java dan *hypertext markup language version 5* (HTML 5), dengan izin, yang lebih cekap dan ringan berbanding teknologi sebelumnya, penggunaan SPPBS menggunakan pelantar pembangunan *cold fusion*, dengan izin.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam modul PBS baru iaitu menyediakan keupayaan *catch* bagi membolehkan PBS terus beroperasi walaupun secara *offline*. Ini akan bantu guru-guru. Bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru modul PBS di integrasi dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) sebagai *single window*, dengan izin, bagi kemasukan data di sekolah.

Untuk menangani isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan dasar kemasukan data yang sama fleksibel tetapi perlu dilaksanakan secara berkala dalam tempoh masa yang lebih singkat. Cadangannya ialah sekali dalam tempoh masa dua bulan bagi mengelakkan kesesakan yang dialami pada penghujung tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia berharap agar langkah-langkah penyelesaian yang telah disebutkan dapat menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan SPPBS dan 1BestariNet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Mariyan binti Mohammad Yit:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah secara panjang lebar menjelaskan kepada kita semua. Namun, saya ingin berkongsi apa yang *diremotek* oleh guru-guru yang mohon saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri. Didapati Yang Berhormat tadi ada menyebutkan bahawa satu pelajar satu perpuluhan berapa minitkan? Akan tetapi pada hakikatnya apa yang disampaikan kepada saya ialah sekiranya seorang guru itu ada murid seramai- kebanyakan mereka 200 hingga 300 orang. Jadi, seorang murid boleh kata dalam 20 minit bukan satu minit.

Untuk menyelesaikan tugas mereka, mereka memerlukan sejumlah 17 hari untuk menyelesaikan tugas mereka. Mereka memohonkan semoga sistem ini dapat dimudahkan supaya beban tugas mereka dapat dikurangkan. Juga ada pertanyaan yang mengatakan bahawa sekiranya dapat sistem ini *diapply*kan untuk kelas-kelas yang *exam* sahaja seperti Darjah 6, Tingkatan 3 dan SPM. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa satu minit empat puluh lima saat ini pun terlalu lama, 20 minit lagilah lama. Tidak boleh diterima sama sekali. Akan tetapi kita sedar, kita ambil maklum, ini merupakan kelemahan sistem, *servemnya* memberi masalah. Kita sudah kenal pasti. Sedang saya bercakap di sini, sahabat-sahabat saya seperjuangan di kementerian sedang mengambil inisiatif untuk memperkemaskinikan sistem ini. Kita harap perkara ini akan kita selesaikan. Ini kerana sistemnya baik, caranya baik, yang menyukarkan pelaksanaan ini ialah *server* yang tidak se pantas yang kita hendak. Saya pasti selepas kita mengambil kira semua ini, kita dapat mempercepatkan lagi sistem. Atas cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat, saya ambil maklum dan akan beri pertimbangan. Terima kasih.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya hanya ingin bertanya sedikit kepada pihak kementerian, sebab sebagaimana yang kita tahu tugas guru ini adalah amat penting, khususnya untuk mendidik anak-anak dan pelajar-pelajar kita. Akan tetapi rungutan kita dapat daripada guru-guru adalah bebanan tugas-tugas pentadbiran yang terlalu banyak pada masa kini.

Jadi, soalan saya pada pihak kementerian, bagaimanakah kementerian- adakah kementerian telah mengkaji masalah rungutan dari segi bebanan yang telah disuarakan melebihi tiga tahun masalah ini. Keduaanya, adakah kita mempunyai alternatif lain seperti untuk *key-in* data ini, dengan izin, dengan mengadakan setiap guru seorang pembantu. Ini yang mana ianya telah dibincangkan terdahulu tetapi kita masih belum mendapat keputusan sama ada, adakah ianya dapat dilaksanakan. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Semasa Dewan Rakyat, saya telah menghujahkan maklumat ini. Kita sedar betapa pentingnya tanggungjawab guru ini. Bukan sahaja saya malah Menteri, Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Dato' Sri Jusoh, sahabat saya Yang Berhormat daripada Tawau, bekas guru cemerlang, pengetua cemerlang. Kita semua sedar betapa pentingnya tanggungjawab guru itu. Bagi saya, lebih mulia daripada tanggungjawab seorang doktor. Doktor menyelamatkan nyawa 1, 10, 100,000, tetapi guru menyelamatkan generasi. Itulah pentingnya tanggungjawab guru. Kita akan memastikan mengurangkan beban. Di antara kaedah yang telah kita kenal pasti untuk membantu guru ialah kita akan menyediakan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) *data entry*.

Kalau hendak siapkan untuk semua guru, kita ada lebih 460,000 orang guru. Hendak sediakan 460,00 *Data Entry Clerk*, agak sukar. Akan tetapi kita akan dan telah setuju, mulai tahun hadapan kita akan menggerakkan *data entry* dalam Gred N17 ini anggota kumpulan pelaksana untuk membantu meringankan beban. Ini di antara kaedah-kaedah. Bukan saya katakan di sini dengan adanya ini, semua masalah akan kita atasi, tidak. Dengan adanya ini, ia akan meringankan beban guru-guru. Dengan meringankan beban guru-guru ini, maka kita harap guru-guru dapat terus memberi perkhidmatan cemerlang mereka kepada rakyat, khasnya remaja-remaja di sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil bagi membendung kehadiran pelayan pelanggan (GRO) warga asing yang bekerja di Malaysia secara haram yang semakin ramai sekarang; dan
- (b) nyatakan jumlah tangkapan GRO mengikut negara asing sepanjang tahun lalu (2012) dan tahun ini sehingga bulan Oktober 2013.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya bila sampai pantun ini Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah pantun, terus menjawab Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Bagi menjawab soalan yang

pertama, pelacuran telah merupakan satu kesalahan jenayah ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan di bawah seksyen 372, Kanun Keseksaan iaitu menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan. Juga seksyen 373, Kanun Keseksaan iaitu pengawalan rumah-rumah persundalan. Selain daripada itu seksyen 39B, Peraturan-peraturan Imigresen 1959 iaitu warga negara asing bekerja tanpa permit yang sah, seksyen 61C, Akta Imigresen- tiada pas perjalanan yang sah, Peraturan 39B, Peraturan Imigresen yang turut diguna pakai terhadap pendatang warga negara asing yang melanggar syarat dalam pas lawatan sosial.

Pihak Polis Diraja Malaysia, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah D7 amat peka dan sensitif terhadap permasalahan penglibatan perempuan warga negara asing yang bekerja secara haram sebagai GRO di negara ini. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang, bersepadu bersama agensi lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Agama untuk menangani masalah ini. Langkah-langkah yang kita ambil banyak. Kalau saya hendak baca semua Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah Yang Berhormat. Yang Berhormat *summarize* sahajalah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, saya tidak baca. Jadi, saya sebut jumlah sahaja yang ditanya di bawah soalan nombor tiga iaitu jumlah yang ditangkap. Berlandaskan penguatkuasaan yang telah kita laksanakan iaitu tahun 2012 - 9,804 orang yang telah diambil tindakan, ditangkap dan dijumpai.

■ 1150

Daripada mereka, jumlah yang tertinggi ialah daripada negara China. Bersama juga 2013 hingga Oktober, jumlahnya meningkat. Nampaknya 11,329 orang yang lagi juga menunjukkan bahawa negara China di antara yang tertinggi. Jadi mengikut soalan yang nombor dua, mengata pecahan mengikut negara. Tuan Yang di-Pertua, dia panjang tapi walau bagaimanapun dia penting dan saya akan bacakan.

Negara	Tahun 2012	Tahun 2013
China	3,068	3,301
Indonesia	1,196	917
Thailand	1,683	2,562
Vietnam	2,930	3,672

Meningkat nampaknya dari Vietnam. Jadi yang lain-lain itu adalah beratusan sahaja, jumlah yang besar daripada empat negara yang saya telah sebutkan tadi. Jadi, daripada sudut persoalan yang khusus lagi ialah didapati mengikut jumlah yang kita dapat pecahannya daripada jumlah tangkapan yang melibatkan warga asing sebagai GRO tahun 2012 adalah banyak, antaranya ialah menggunakan pas sosial. Ada sebahagian daripadanya juga pas pelajar. Perkara yang sedihnya ialah menggunakan pas pelajar. Pas sosial pada tahun 2012 sebanyak 9,760 kes menyalahgunakan pas sosial. Jadi yang satu lagi, 37 kes melibatkan penyalahgunaan pas pelajar.

Manakala pada tahun 2013, tangkapan daripada jumlah tersebut sebanyak 11,304 kes penyalahgunaan pas sosial dan sebanyak 25 kes melibatkan pas pelajar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya itulah jawapan daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Dato' Haji Abdul Rahman.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan nak tanya tapi saya nak pandangan. Saya mohon diharamkan semua GRO asing, kalau ada juga ambil hendaklah disita sahaja majikan atau premis yang berkenaan. Bagaimana pandangan Menteri? Pendapatan GRO berapa?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mengambil tindakan berhubung dengan apa-apa kes. Sebagai GRO ini tidak salah sebenarnya, apa yang salah oleh kerana mereka datang ke sini menggunakan pas lawatan, pelawat. Ada mereka yang datang sebagai pelajar. Yang menjadi kesalahan, inilah kesalahan imigresen.

Jadi yang satu lagi, kalau ada pelacuran. Jadi kalau pelacuran ini, ada terlibat dengan pelacuran. Saya sebut juga pelacuran Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Ini baru kita melibatkan *premises* dan yang punya *premises* ataupun *tenant premises* itu boleh dikenakan tindakan oleh pihak kerajaan. Jumlah kes pelacuran pada tahun 2011 hingga 2013 seperti berikut. Pada tahun 2011, sebanyak 1,572 kes dah kita tuduh di mahkamah di bawah undang-undang yang saya sebutkan awal tadi. Tahun 2012, sebanyak 1,490 kes dan pada tahun ini sehingga bulan Oktober sebanyak 713 kes.

Apabila kes ini diambil tindakan dan tuan punya rumah, tuan penyewa rumah akan diambil tindakan bersama. Jadi Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman, *raised assured* dengan izin, kita masih mengambil tindakan dan terus mengambil tindakan dan kita tidak sebenarnya mengambil GRO luar di negara ini. Kita yang tadi masuk sebagai pelajar, masuk sebagai *tourist* tetapi dia datang ke sini untuk melacur. Apa yang penting ialah kita bagilah tahu dengan masyarakat jangan beli. Kalau tak ada yang beli, tak adalah yang jual. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukuplah setakat ini kerana masa dah meragui kita.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**11.54 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya nak maklumkan bahawa gelombang kedua bermula pada hari ini dan tanda kuning akan sampai 23 hari bulan. Ribut telah pun berlaku di Johor dan juga di Melaka. Ahli-ahli Dewan Negara yang berminat tentang ICU boleh berjumpa saya selepas ini dan sekiranya kita habis lambat, kita makan nasi beriani.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga oleh kerana saya terpaksa keluar serta mereka untuk pergi ke tempat gelombang kedua, saya nak ucap terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua, Datuk Timbalan Yang di-Pertua dan juga semua anggota Parlimen yang telah memberi sumbangan yang bagi saya cukup luar biasa.

Dewan Negara ialah Dewan yang walaupun nampak selesa, sebenarnya dia adalah otak dan juga minda kepada negara. Saya ucap terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua [*Tepuk*] Dan semoga Tan Sri Yang di-Pertua boleh bertugas di sana sepanjang masa.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.55 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [*18 Disember 2013*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah menyambung ucapannya. Silakan.

11.57 pg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyambung ucapan saya yang tak sempat pun semalam melafazkan mukadimahnyanya.

Sebenarnya pada awalnya Tuan Yang di-Pertua, bila melihat rang undang-undang ini yang nipis dan ringkas, saya menganggap tujuan utama undang-undang ini ialah sekadar memenuhi formaliti atau setidak-tidaknya tetapi kemudian bila saya tengok dan dengar balik pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapat kesan yang kedua iaitu yang utama di sini barangkali ialah untuk memastikan supaya akta yang hendak dipinda dengan rang undang-undang ini, akta asalnya terdapat beberapa lompong atau *loopholes* yang perlu diperbaiki supaya dengan izin, tidak ada pihak-pihak yang memanfaatkan atau menyalahgunakan *loopholes* itu.

Terus terang sahaja dalam keadaan saya sebagai seorang awam dalam bidang undang-undang, itulah persepsi saya terhadap rang undang-undang ini. Akan tetapi kemudian bila mendengar perbahasan setengah rakan-rakan, ada yang mengaitkannya dengan peristiwa Lahad Datu dan ada yang mengaitkan dengan pelbagai isu yang lain lagi, saya mulai bertambah dengan izin, *curious* matlamat undang-undang ini. Saya cuba meneliti dengan lebih mendalam pun tak terjawab beberapa jawapan saya tetapi setelah meneliti lebih mendalam, yang timbul ialah soalan-soalan yang saya rasa saya tak dapat jawab dan ingin saya kemukakan. Jadi, pembentangan saya dalam lima atau sepuluh minit ini lebih merupakan soalan-soalan, pertanyaan-pertanyaan untuk dengan izin, *to educate myself*. Terima kasih.

■ 1200

Pertama sekali kalau rang undang-undang ini lebih daripada sekadar untuk menutup *loopholes* sahaja, apa lagi apabila sudah dikaitkan dengan Lahad Datu, gengster dan segala-galanya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebab musabab sebenarnya pindaan ini dilakukan sehingga rang undang-undang ini dikemukakan? Adakah rang undang-undang ini dikemukakan dan pindaan dikemukakan sebagai reaksi terhadap kelemahan akta yang sedia ada setelah digunakan ternyata tidak berkesan? Adakah ini merupakan satu reaksi terhadap pengalaman menggunakan akta yang lama itu atau adakah rang undang-undang ini, pindaan ini merupakan satu *anticipation*, satuantisipasi, satu dugaan terhadap perkara-perkara masa depan yang perlu dielakkan? Itu soalan pertama saya.

Adakah ini merupakan reaksi terhadap pengalaman-pengalaman yang merugikan masa lalu atauantisipasi terhadap kemungkinan-kemungkinan yang tidak diduga di masa depan. Itulah saya harap dapat jawapan yang ini. Kemudian setelah itu saya juga mulai berfikir mendalam tentang masalah takrif. Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan pemerdagangan orang? Sekali imbas bila kita lihat pemerdagangan kerana istilah ini terpampang di mana-mana terutamanya di pejabat-pejabat imigresen, jadi kita dengan izin *take it for granted*, tidak peduli sahaja seakan-akan ini hanya merupakan satu hiasan di pejabat. Itu sahaja. Bila ada amaran tentang kesalahan pemerdagangan orang ini.

Pemerdagangan orang barangkali yang kita tahu semasa sekolah dulu ialah pemerdagangan hamba abdi di Amerika. Akan tetapi saya rasa itu bukan maksudnya. Oleh kerana itu saya rasa supaya *loopholes* hendak di tutup itu benar-benar ketat, istilah pemerdagangan orang ini perlulah ditakrifkan

dengan tuntas. Saya mengatakan begitu kita menyatakan kerisauan tentang kebanjiran pendatang-pendatang asing ke negara kita ini. Saya rasa ini ada pun merupakan salah satu bentuk pemerdagangan orang. Pemerdagangan orang yang dilakukan oleh agen-agen atau dalam istilahnya, istilah di Indonesia itu. Lupa saya, tidak apa. Pokoknya istilah agen yang... [Disampuk] Calo, calo- perkataan "calo"...

Perkataan "calo" ini barangkali kalau kita hendak memberikan tarif yang tepat dan ketat terhadap pemerdagangan orang ini calo ini pun dianggap sebagai orang individu-individu yang terlibat dalam pemerdagangan orang termasuklah umpamanya kapal yang membawa, agen-agen yang memproses di seberang sini dan di seberang sana. Saya hendak Tuan Yang di-Pertua supaya ada tarif yang tuntas. Itulah yang saya harapkan jawapan daripada Menteri mengenai tarif dan tentang pemerdagangan orang.

Begitu juga penyeludupan migran. Bagaimana ada penyeludupan ini barangkali dilakukan secara langsung, secara tidak langsung, secara terang-terang, secara bersembunyi, ataupun secara terbuka. Itu pun saya rasa perlu tarif yang tuntas. Apa yang dimaksudkan dengan penyeludupan migran ini? Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman tahu apa maksud ini? Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman sendiri pun tidak tahu saya tanya tadi. Tidak pasti. Bukan tidak tahu.

Jadi begitu juga pandangan orang. Jadi saya rasa banyak rakan-rakan di sini tidak dapat memberikan tarif yang tepat dengan dua istilah penting di dalam rang undang-undang ini. Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Tolong berikan takrif. Kemudian selain daripada itu saya juga ingin tahu kerana iklan tentang atau amaran tentang pemerdagangan orang ini telah begitu meluas dipamerkan di sana sini tentu sahaja sejak dipamerkan ada orang-orang yang melanggar, ada pihak-pihak yang melanggar peraturan yang dilarang ini. Ertinya ada kasus-kasus atau *cases* tentang yang ada kaitan dengan Akta 670 ini mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan ini.

Kalau dan pasti ada kalau pihak berkuasa betul menjalankan tugas dengan tepat. Selain itu saya ingin tahu status dan statistik terkini tentang bilangan pihak-pihak yang terlibat di bawah Akta 630 ini mengenai kes-kes yang *pending* yang masih dalam pemerhatian. Mengenai kes-kes yang telah dibicarakan dan keputusan telah dibuat sama ada dihukum ataupun tidak dihukum. Saya minta statistik ini diberikan kalau tidak ada dengan secara lisan saya pohon supaya diberikan secara bertulis bukan sahaja kepada saya sahaja malah juga kepada rakan-rakan yang lain.

Itulah mengenai takrif dan istilah yang saya ingin kemukakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu saya pun tidak pasti ini pada halaman di sini, pada halaman dua di sini perkataan dalam subseksyen tujuh dengan memotong perkataan komunikasi yang terdapat setelah perkataan telegraf. Mana sebenarnya dipotong? Adakah yang dipotong ini perkataan telegraf dan dikekalkan komunikasi atau perkataan komunikasi yang dipotong.

Saya keliru kerana sebenarnya perkataan komunikasi itu lebih meliputi dan lebih konseptual sifatnya. Sedangkan perkataan telegraf hanya merujuk kepada satu objek yang lebih spesifik. Adakah yang kita hendak padamkan sini komunikasi dan gantikan dengan kekalkan telegraf? Kekeliruan saya ini semakin menjadi-jadi Tuan Yang di-Pertua bila saya melihat kepada halaman satu *bill* ini yang menyatakan di sini mungkin saya keliru saya minta maaf tapi tolong memperjelaskan dikatakan kalau ada tuan-tuan pegang di paragraf akhir itu dikatakan; "*Menghendaki pemberian perkhidmatan komunikasi untuk memintas dan menyimpan komunikasi tertentu atau komunikasi daripada perihalan-perihalan*



*tertentu yang diterima atau dihantar atau yang akan diterima atau yang akan dihantar pemberi perkhidmatan komunikasi itu”.*

Tidak tahulah sama ada ini patut dibincangkan pada peringkat jawatankuasa atau bagaimana? Akan tetapi yang ternyata sekarang perkataan komunikasi yang dikatakan dipotong itu digunakan balik. Adakah ini saya yang jahil atau ada berlaku kesilapan-kesilapan *printing* di sana sini. Begitu juga perkataan beres. Saya minta maaflah Tuan Yang di-Pertua beres ini biasanya mempunyai konotasi yang positif, tidak neutral. Beres, urusan sudah beres. Baguslah.

Akan tetapi kalau kita katakan rayuan sudah beres, maknanya rayuan itu berjaya. Itu penggunaan istilah ini. Saya rasa lebih tepat kalau dikatakan dalam jagaan polis itu sementara menunggu keputusan rayuan, mudah. Tidak tahulah adakah kerana kita dipengaruhi oleh bahasa Indonesia sehingga kita tiru menggunakan perkataan beres tetapi meniru dengan tidak betul. Lebih mudah kalau dikatakan menunggu sementara keputusan rayuan, daripada menunggu beresnya rayuan. Beres rayuan - Bila satu-satu rayuan itu beres bermakna rayuan itu berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa kita ramai yang hendak bercakap.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Minta maaf. Begitulah minta perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi pergi penggulung saya mengalu-alukan akta ini rang undang-undang ini tetapi saya mengharapkan supaya kewujudan waktu akta ini selain daripada teguran dan kemusykilan saya tadi mestilah dilengkapkan dengan mekanisme dan struktur pelaksanaan yang berkesan yang saya rasa dengan bahasa lain ini telah berulang-ulang disebut oleh kawan-kawan kita tadi.

#### ■1210

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, bukan panjang, sedikit sudah. Adakah pinda akta akan membenarkan satu-satu kes di mahkamah boleh ditangguhkan sampai 65 kali? Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ini saya rasa, yang sebenarnya ada dalam catatan saya hendak bertanya itu, tetapi tentu sahaja tidak boleh saya jawab. Barangkali jawapannya yang semestinya diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Seperti yang saya katakan tadi, supaya akta ini berkesan, maka yang penting ialah ada kaedah yang lengkap. Ia mestilah dilengkapkan dengan kaedah atau mekanisme dan struktur pelaksanaan yang berkesan, termasuk yang dimaksudkan dengan struktur pelaksanaan yang berkesan itu ialah sistem dan struktur mahkamah yang lengkap. Sebenarnya ada dua kemusykilan di sini Yang Berhormat berkaitan ini Tuan Yang di-Pertua. Ini penghabisan, penutup.

Pertama, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan tadi. Mengenai adanya kasus-kasus, *cases* yang dia tangguh sampai 65 kali. Ini saya rasa seakan-akan dengan izin, *ridicule the system*. Mempersendakan sistem itu. Ini antara kemusykilan kita tentang sistem mahkamah kita iaitu membiarkan penangguhan perbicaraan, dengan izin, *almost unlimited*. Satu lagi yang tidak kurang penting juga ialah banyaknya kes-kes tertangguh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Gulung, gulung.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Baru hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Saiful Izham. Bangunlah cakap, giliran *you* sekarang.

### 12.13 tgh.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk turut sama berbahas dalam pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012, yang diluluskan tahun lepas, bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Walaupun namanya berbeza, tetapi rohnya sama. Walau bagaimanapun, pindaan yang dilaksanakan hari ini, pindaannya tidak banyak. Namun pindaan yang dilaksanakan memberikan kesan kepada pelaksanaan akta ini.

Saya hendak masuk dahulu ke bahagian teknikal Tuan Yang di-Pertua kerana saya risau sekiranya tidak diperbetulkan teknikalnya, nanti ia akan terus menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaannya.

Untuk fasal 1 dan fasal 2 tidak ada apa-apa masalah. Ini perkara biasa.

Untuk fasal 3 berkaitan dengan tafsiran. Tafsiran baru diberikan bagi memperbetulkan tafsiran untuk menyelaraskannya bersama dengan teks bahasa Inggeris. Saya semak teks bahasa Inggeris. Saya mohon bacakan dalam teks bahasa Inggeris, ya. *“When the public prosecutor files a notice for appeal against the acquittal, the public prosecutor may apply to the trial court for an order to commit the accuse remanded in custody of the police to prison pending the disposal of the appeal”*. Sebelum pindaan yang dicadangkan ini, teks Bahasa Melayunya ialah, *“Apabila pendakwa raya memfailkan rayuan terhadap pembebasan itu, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh itu sementara menunggu beresnya rayuan itu”*.

Teks yang baru, sedikit perbezaan mengatakan bahawa, *“Apabila pendakwa raya memfailkan sesuatu notis rayuan terhadap pembebasan itu, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapatkan suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh yang di reman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan”*. Ada sedikit perbezaan.

Cumanya saya mohon kalau tafsiran ini boleh disemak semula, dan mungkin Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus boleh membantu- kerana bagi saya, tafsiran memenjarakan itu sebenarnya memberikan konotasi sudah disabitkan kesalahan. Itu adalah salah tafsiran, salah takrifan di sini. Bagi saya, pindaan ini sepatutnya berbunyi seperti ini, *“Apabila pendakwa raya memfailkan sesuatu notis rayuan terhadap pembebasan itu, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapatkan suatu perintah untuk menahan tertuduh untuk di reman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan”*. Beza takrifan ini menunjukkan status orang yang ditahan reman dan orang yang dipenjarakan. Ini nampak kecil tetapi konotasinya besar dalam soal undang-undang.

Jadi perkataan yang diguna pakai kurang sesuai. Mohon Yang Berhormat Menteri untuk rujuk semula kepada Pejabat Peguam Negara dan lebih baik kepada mungkin Institut Terjemahan Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini bab yang pertama tentang teknikal.

Kedua, fasal 4, ia cuma ada 4 fasal di sini. Fasal 4, hanya penambahan berkaitan dengan kemasukan bab 6A yang semalam baru diluluskan dalam Kanun Keseksaan berkaitan dengan jenayah terancang.

Sebelum itu bab 6A berkaitan dengan keganasan dan juga penambahan di bawah Akta Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 kesalahan di bawah bahagian 3A akta tersebut. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, pertama cadangan memasukkan kesalahan berkenaan dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan imigran itu satu langkah baru yang positif memandangkan sekarang ini Malaysia dikategorikan di bawah kategori tiga. Kategori tiga ini untuk penjelasan- peringkat ketiga ini ialah peringkat, definisi oleh Jabatan Negara Malaysia dalam mengklasifikasikan negara-negara yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan, pemerdagangan orang dan migran.

Dahulu kita di bawah peringkat dua. Peringkat dua ini dinamakan peringkat senarai pemantauan. Peringkat tiga ini yang paling teruklah, paling teruk di mana Malaysia dikategorikan sebagai bukan hanya tempat untuk pemerdagangan orang tetapi juga transit untuk membawa orang dan dibawa ke negara ketiga. Perkara ini sangat serius. Ini berkaitan dengan imej kita, ini berkaitan dengan juga masalah pendatang asing tanpa izin dan juga pekerja asing. Ramai yang datang masuk ke negara ini menggunakan pelbagai pas. Pas pelajar tetapi masuk kalau dari negara Afrikanya masuk bawa dadah dan masuk bawa pelbagai jenayah kecil dan besar. Kalau masuk daripada beberapa negara Asia Timur yang lain, masuk juga membawa beberapa perkara yang agak mendukacitakan kita dari segi imej negara.

Jadi ini memang masanya sudah sangat sesuai untuk dimasukkan di dalam Akta Ibu bagi menggantikan jadual pertama yang lama. Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang kita tubuhkan di Dewan yang mulia ini pernah menzahirkan kebimbangan bahawa kita negara Malaysia gagal mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk menangani masalah pemerdagangan manusia di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat tahun 2000. Walaupun ini akta negara lain tetapi kesan dan pengaruhnya di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu sangat besar. Saya yakin kita boleh melakukan perubahan sekiranya kita menumpukan kepada bidang penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyeludupan manusia.

Sejak akhir-akhir ini, berlaku krisis di Burma berkaitan dengan pelarian Rohingya. Empat hari lepas, saya menerima panggilan telefon berlaku penyeludupan kira-kira 80 orang masyarakat Rohingya dibawa ke Pulau Pinang. Ketua Penyeludupnya ialah daripada Thailand. Jadi kelompok masyarakat Rohingya ini meminta pertolongan kita dan meminta pertolongan pihak berkuasa untuk membebaskan mereka yang ditahan di kawasan sekitar Bagan Ajam.

#### ■1220

Saya sudah maklumkan kepada pihak berkuasa di sana untuk melihat dan membebaskan mereka. Memang pertama mereka masuk ke negara ini tanpa izin, mereka perlu ditahan oleh Imigrasi melalui prosedur-prosedur tertentu. Akan tetapi persoalannya ialah kenapa semakin hari aktiviti pemerdagangan manusia ini terutamanya yang melibatkan negara-negara yang menghadapi masalah pelarian semakin meningkat. Memang negara kita negara yang baik, negara yang bagus kerana itu ramai

yang hendak datang. Cumanya apabila penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada gagal dilaksanakan sebaik mungkin dan pengagihan anggota-anggota keselamatan baik polis, tentera dan mereka yang mengawal sempadan keselamatan negara tidak diperkukuhkan, saya yakin masalah ini masalah ini walau sebanyak mana akta sekalipun tidak mampu untuk kita menghapuskan aktiviti pemerdagangan manusia.

SUHAKAM Tuan Yang di-Pertua, pernah mengemukakan lapan syor sebagai usaha untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Dalam kenyataan SUHAKAM bertarikh 21 Jun 2012, SUHAKAM mengatakan bahawa kerajaan diseru untuk meminda lagi akta pemerdagangan manusia, akta pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, Akta 670 ini untuk membenarkan mangsa menerima pampasan dan juga untuk membenarkan mangsa bekerja sementara di negara ini sementara menunggu penyelesaian kes mereka di mahkamah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saiful tentang penjelasan itu. Akan tetapi yang saya hendak tahu, ada tidak SUHAKAM menyentuh tentang perkara-perkara yang patut dilakukan di negeri asal mangsa-mangsa manusia yang diperdagangkan ini. Ini kerana sekarang nampaknya SUHAKAM hanya membebankan kepada negara kita, buat ini dan buat itu. Adakah SUHAKAM juga menyentuh tentang apa yang negeri asal patut lakukan terhadap sama ada mangsa atau orang yang memangsakan mereka atau yang terlibat di dalam pemerdagangan itu.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SUHAKAM atau Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ditubuhkan di Malaysia dan bidang kuasanya di Malaysia untuk menasihati kerajaan Malaysia. Jadi saya tidak nampak kenapa mereka perlu untuk memberikan nasihat kepada negara luar dan negara asal di mana sama ada negara asal orang yang menyeludup atau orang yang di seludup. Selalunya orang yang diseludup ini terdiri daripada negara ketiga seperti Myanmar, Bangladesh di mana kerajaannya sendiri tahu, saya tidak perlu hendak komen lebih lanjut lagi.

Akan tetapi saya rasa peranan SUHAKAM di sini ialah untuk menegur dan memberikan cadangan kepada kerajaan bagaimana untuk menangani masalah-masalah pemerdagangan manusia dan migran ini. SUHAKAM juga menyarankan kepada kerajaan Malaysia untukewartakan rumah perlindungan untuk migran yang diseludup yang dikendalikan oleh NGO-NGO dan yang paling penting sekali menjelaskan secara terperinci...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Menyampuk]* Boleh saya sambung sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Dalam kes penyeludupan manusia dan penyeludupan migran di bawah seksyen 12 dan seksyen 13 di bawah Akta ATIP. Siapa hendak tanya tadi? Ya sila.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okeylah kalau dikatakan bahawa tugas SUHAKAM adalah menasihati kerajaan Malaysia. Tidakkah mungkin nasihat itu dapat juga disalurkan kepada kedutaan-kedutaan atau perwakilan-perwakilan luar negeri tentang apa yang mereka patut buat dan minta kerjasama negara yang berkenaan. Jadi untuk membebankan kepada kita semua, saya rasa tidak adil. Walaupun dikatakan tadi tanggungjawab SUHAKAM ialah menasihati kerajaan kita tetapi kerajaan kita boleh dinasihati melalui perwakilan di luar negeri dan perwakilan di luar negeri dapat melakukan apa yang patut dilakukan dengan negara asal itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat, masa pun terhad.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Seperti yang saya nyatakan tadi peranan SUHAKAM menasihatkan kerajaan dan peranan kerajaan menasihatkan kedutaan yang berkenaan. Itu lebih sesuai. Hubungan *G-to-G*, saya rasa Yang Berhormat lebih arif tentang perkara *G-to-G* ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi tentang akta ini menyentuh tentang jenayah terancang yang sudah panjang lebar kita perbahaskan dan kita kemukakan di Dewan yang mulia ini semalam, semasa membicarakan pindaan kepada Kanun Keseksaan. Sekali lagi apa yang saya tegaskan di sini, walaupun secara prinsip dan dasarnya tahun 2012 kita sudah nyatakan pendirian kita tentang akta ini. Akan tetapi tidak apa, akta ini sudah ada, sekarang pindaan untuk dikemaskinikan. Jadi saya tidak mahu bincang tentang perkara yang sudah lepas. Cumanya tentang Bab VIB Kanun Keseksaan yang dimasukkan di dalam Jadual. Sekali lagi saya nyatakan, undang-undang yang sedia ada sebelum akta ini mahupun selepas adanya akta ini tidak mampu untuk mengurangkan mahupun atau jauh sekali membanteras jenayah terancang sekiranya penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan agensi undang-undang itu sendiri tidak direformasi atau ditransformasikan.

Kita ada banyak undang-undang yang sebenarnya kalau kita guna pakai dengan baik, *insya-Allah* jenayah yang berat mahupun terancang boleh kita hapuskan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, walaupun Menteri Dalam Negeri sebelum ini pernah menyatakan bahawa 90% jenayah terancang terutamanya yang melibatkan kes bunuh ini dilakukan oleh bekas tahanan Penjara Simpang Renggam yang dibebaskan selepas *Emergency Ordinance*, dengan izin, dihapuskan. Walau bagaimanapun, bukti-bukti mahupun kenyataan daripada Jabatan Peguam Negara sendiri atau lebih spesifik oleh Peguam Negara sendiri yang mengakui bahawa kenyataan Menteri ini adalah terkhilaf atau terkeliru. Peguam Negara juga menyatakan bahawa setakat 24 Ogos 2013, tidak terdapat sebarang bukti untuk mengaitkan pemansuhan *Emergency Ordinance* dengan kadar peningkatan jenayah. Berdasarkan statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia, hanya 293 daripada 1567 tahanan Simpang Renggam atau tahanan *Emergency Ordinance* atau EO, kembali melakukan jenayah selepas dibebaskan, selepas EO dimansuhkan.

Fakta ini saya nyatakan kerana ia memberikan gambaran atau mesej yang jelas agensi penguatkuasaan mesti direformasi. Kita punya 100, kalau tidak silap saya, saya memberikan data ini di dalam perbahasan yang lepas, lebih kurang 113,000 anggota polis seluruh negara. Daripada 113,000 anggota polis, kurang 900 sahaja diperuntukkan untuk cawangan jenayah CID dan lebih kurang daripada itu diperuntukkan untuk jenayah berat, selebihnya pada perkara-perkara yang lain. Akan tetapi yang lebih kita sedihkan ialah terlalu banyak bahkan di luar keperluan anggota polis, anggotanya diperuntukkan untuk cawangan khas. Zaman Komunis sudah berlalu, zaman sekarang kita tangani masalah dalaman negara. Cadangan bekas Ketua Polis Negara, Datuk Mat Zain sendiri dan juga kalau tidak silap saya bekas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah dahulu di Bukit Aman sebelum beliau bersara.

Beliau mencadangkan berlaku peralihan, pengagihan anggota polis dalam perkhidmatan polis di negara ini bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang negara ini. Ini perkara yang perlu kerajaan pertimbangkan dan ambil berat serta laksanakan segera. Jangan tumpukan banyak tentang soal-soal risikan politik, lebihkan kepada soal-soal memastikan keselamatan rakyat negara ini

lebih terjamin. Kita tidak mahu lagi tengok perlakuan jenayah yang *heinous*, yang keji, yang zalim secara terbuka seperti yang kita lihat dalam laporan dada akhbar hari ini. Ini kenyataan yang jelas berlaku di depan mata kita dan ini fakta yang kita tidak boleh tolak.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, untuk sekadar pindaan ini, saya menyokong penuh pindaan yang berlaku kecuali fasal 3 yang tadi. Ini kerana saya risau kesilapan takrifan itu akan terus mengelirukan suasana dan akan terus memberikan kekeliruan kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah yang sesuai. Saya berharap agar pihak Jabatan Peguam Negara kembali meneliti fasal 3 dan jika perlu kembali juga untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang. Dengan itu, saya mohon menyokong.

■1230

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya menarik perhatian kementerian, pegawai-pegawai, apa yang dibangkitkan oleh beberapa orang tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Saiful ada berkaitan dengan undang-undang. Dewan ini bertanggungjawab dari segi mewujudkan satu undang-undang yang baik dan praktikal dan senang dijalankan. Andainya berlaku ada salah tafsiran atau pun takrif dan makna yang mengelirukan, sudah sewajarnya pihak di sini bertanggungjawab untuk menyelesaikannya supaya apabila kes esok didakwa dan datang ke mahkamah jangan jadikan *technical issue* ini melepaskan sesuatu yang tidak sepatutnya.

Dengan itu saya ingin menarik perhatian pihak kementerian yang ada pegawai-pegawai di belakang, sana tolong ambil perhatian berat dan kalau boleh diberi jawapan yang berpatutan bagi Dewan ini.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bangun*] [*Mengangkat tangan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat saya sudah faham, cukup Yang Berhormat. Sudah itu saya harap perkara ini ambil serius sikitlah. Ada yang patut. mesti kita ambil ingatan kerana Dewan yang mulia ini bertanggungjawab segala undang-undang yang akan kita laksanakan nanti. Kalau tidak nanti, dengan izin, *a bad law*, undang-undang yang tidak baik. Maknanya kita yang bertanggungjawab bawa esok untuk dipinda. Ini akan membuang masa. Sudah itu, saya fikir pihak yang berkenaan tolong ambil perhatian, ini melibatkan undang-undang-undang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin. Dia tidak ada kah? Kalau tidak ada, saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya.

12.32 tgh.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) Pindaan 2013.

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk merakamkan ucapan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Dewan kerana masih berada bersama-sama dengan kita pada hari ini. Sebelum saya pergi kepada *points* yang seterusnya, suka saya hendak menyatakan di sini bahawa pemerdagangan manusia dan anti penyeludupan migran. Saya hendak definisikan sedikit tentang pemerdagangan orang, pemerdagangan manusia.

Pemerdagangan orang bermakna pengrekrutan, pengangkutan, pemindahan penampungan dan penerimaan orang dengan cara ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan lain. Penculikan, penipuan, penyalahgunaan kuasa, kedudukan kerentanan atau memberi atau menerima bayaran atau pemanfaatan untuk mencapai persetujuan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang lain untuk tujuan eksploitasi.

Tuan Yang di-Pertua, soal pemerdagangan manusia dan soal migran, kedatangan warga asing ke negara kita. Mutakhir ini kita lihat Tuan Yang di-Pertua, agak ramai melimpah riu, mungkin bagi mereka negara Malaysia adalah syurga bagi mereka untuk mencari nafkah, untuk mencari rezeki dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang kita menggusarkan kita, menggusarkan rakyat jelata khususnya di bawah sana - ada yang masuk secara baik, ada yang masuk secara tidak baik. Ini harus kita perhatikan dan saya bersetuju dengan beberapa Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa dari segi penguatkuasaan harus kita utamakan.

Kita lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua, contoh negeri Selangor lah, contoh dalam kerajaan negeri Selangor. Bercambahnya keadaan rumah urut rata-rata sana sini. Bercambahnya pusat-pusat perjudian yang ianya keseluruhannya, majoritinya melibatkan orang-orang luar datang dari negara China, datang dari Vietnam, datang dari Thailand, Indonesia dan sebagainya sebagai pas melawat, pas untuk melawat negara kita. Akan tetapi, apabila sampai di sini mereka menyalahgunakan pas lawatan mereka. Ini boleh menimbulkan keadaan sosial yang tidak stabil kepada negara kita.

Hari ini kita tengok di dada akhbar, mat Bangladesh, mat karpet. Mat karpet jual karpet selama ini, hari ini sudah jadi penjenayah, tukar profesion. Tukar pekerjaan mereka, culik pendidik, culik guru. Apa yang menyedihkan kita lagi Tuan Yang di-Pertua, ada yang dikatakan cikgu itu diliwat dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang harus kita tangani. Dalam soal-soal yang saya nampak 31 Disember, kita diuar-uarakan, dalam *facebook* keluar, dalam *internet* keluar, dalam surat khabar pun keluar, himpunan hendak gulingkan kerajaan. Profesor tahu kah tidak? Tahu kan?

Pada 31 Disember ini pihak Pakatan Rakyat, pembangkang, pakatan pembangkang hendak guling kerajaan. Saya setuju dengan *statement* yang dibuat oleh IGP bahawa akan gunakan Akta SOSMA untuk menahan mereka-mereka yang terlibat. Saya nampak semalam Yang Berhormat daripada Pagoh soal bendera dan sebagainya. Ini pun akan keluar juga. Percayalah Tuan Yang di-Pertua, percayalah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Dewan hari ini, 31 hari bulan ini, di Dataran Merdeka kalau berlaku lah perkara ini tidak ditangani dengan sebaik mungkin oleh kerajaan, oleh pihak polis, pihak keselamatan, soal pijak bendera, soal hendak naik bendera lain akan berlaku. Akan berlaku sekali lagi.

Jadi saya harap, saya harap sangat-sangat pihak penguasaan dan kementerian, kena ambil tindakan setegas-tegasnya. Banyak lagi perkara-perkara yang berlaku. Hari ini kalau kita lihat di Kuala

Lumpur atau pun persekitaran, saya tidak tahulah di Melaka, Datuk Ali di Melaka saya tidak tahu lah, mungkin ada. Migran daripada China berumur 21 tahun, 22 tahun, muda-muda lagi, cantik-cantik lagi. Akan tetapi saya tidak pernah jumpa lah. saya baca dalam *paper* Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Bahar, Yang Berhormat Bahar.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat Bahar biasa mungkin ada lah Yang Berhormat Bahar. Buat rumah urut, buka rumah urut, ada urutan *B-to-B* Apa benda *B-to-B* pun saya tidak tahu. Saya tanya...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** 'Badan ke badan'.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, Allah, Yang Berhormat Senator Datuk Halimah yang tahu urut itu, kita tidak tahu. Inilah pencegahan, ini lah perkara-perkara yang harus kita lihat Tuan Yang di-Pertua, yang harus kita lihat bersama supaya negara kita pada tahun 2014, tahun depan adalah tahun melawat Malaysia. Kita kena lihat, pelancong bukan hendak datang sangat soal-soal macam itu, negara kita bukan macam negara Thailand. Negara kita bukan macam negara Indonesia yang mengutamakan lebih soal-soal perkara-perkara macam itu.

Akan tetapi kita termaktub, kita negara Islam. Dalam perlembagaan kita Islam adalah agama rasmi kita. So, kita harap pihak-pihak yang bertanggungjawab, pihak-pihak yang berkuasa kena ambil tindakan setegas-tegasnya dalam soal ini. Ini maruah kita. Jadi itulah, kenyataan ringkas saya, harapan saya kepada Menteri Dalam Negeri supaya melihat perkara ini supaya dapat kita hidup dalam keadaan sempurna, hidup dalam keadaan aman damai. Saya hendak tegaskan satu perkara lagi soal himpunan. Saya tidak tahu lah Tuan Yang di-Pertua, apa lagi pembangkang tidak puas hati dalam keadaan negara kita ini.

#### ■1240

Soal Lahad Datu, dia juga puncanya. Dekat hendak pilihan raya. Wakil rakyat saya, dia kata, "*Ini sandiwaranya UMNO*" bukan wakil rakyat saya. Saya tidak pangkah dia. Wakil Rakyat Pakatan Rakyat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, isu itu Yang Berhormat cuba ringkaskan dengan tajuk itu. Kita...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya hendak beritahu, ini soal himpunan. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau berkaitan dengan penguatkuasaan, saya benarkan. Kalau yang lain-lain itu cuba kurangkan sedikit kerana masa hari ini...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas teguran. Maksudnya penguatkuasaan yang akan berlaku pada 31 hari bulan dan saya rasa akta yang paling kuat yang harus dikenakan kepada mereka yang terlibat hendak menggulingkan kerajaan, apa lagi yang kerajaan tidak buat? Tidak baik kerajaan kita ini? Kalau hendak ikut kata pembangkang, memang dia tidak puas hati sepanjang masa. Sejak turun-temurun dahulu tidak puas hati. Kita sudah buat yang terbaik untuk rakyat jelata kita hari ini.

Jadi, itulah, saya harap Tuan Yang di-Pertua penguatkuasaan, KDN harus memerhatikan perkara ini. Kalau boleh kita gagalkan perjumpaan itu, kita gagalkan perhimpunan itu kerana kita tidak mahu melihat rakyat jelata hidup dalam keadaan resah, gelisah, pelancong tidak mahu datang dan sebagainya, dengan himpunan yang telah berlaku sebelum ini, banyak berlaku, itulah harapan saya Tuan Yang di-



Pertua. Saya rasa itu sahajalah ucapan ringkas saya. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya harap perkara ini diambil tindakan dengan seberapa baik mungkin. Sekian, terima kasih. Saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

**12.41 tgh.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Merujuk kepada rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada hari ini iaitu pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 yang telah pun diluluskan di Parlimen pada 17 April 2012 yang lepas.

Melihat kepada pindaan yang dicadangkan terutamanya pada fasal 2 dan fasal 3, sebenarnya pandangan saya seperti mana sahabat saya dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus juga. Kemungkinan besar ini perkara ini adalah disebabkan penggubalan yang secara tergesa-gesa, memerlukan kepada pindaan yang berbentuk teknikal iaitu perlu diselaraskan teks berbahasa Inggeris dengan teks bahasa Melayu. Jadi sebenarnya, penggubalan undang-undang yang dalam keadaan tergesa-gesa adalah sesuatu yang amat tidak sesuai, menyulitkan di peringkat *drafting* dan juga menyulitkan di peringkat kita yang meluluskan dan lebih-lebih lagi, pihak yang akan menguatkuasakan dan melaksanakan akta ini. Jadi, itu satu poin yang kita semua seharusnya sangat teliti.

Seterusnya, berkaitan dengan fasal 4 yang mana di dalam fasal 4 pindaan yang terlibat adalah untuk memasukkan dua lagi kesalahan iaitu kesalahan Bab VIB Kanun Keseksaan iaitu berkaitan dengan jenayah terancang dan juga kesalahan di bawah Bahagian IIIA, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]. Jadi, melihat kepada kesalahan-kesalahan di dalam Jadual Pertama ini iaitu yang telah dikategorikan sebagai kesalahan-kesalahan keselamatan. Suka di sini saya, menimbulkan satu persoalan dari sudut kesediaan kita terutamanya dari sudut kepakaran pihak yang akan menjalankan penguatkuasaan, terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia.

Adakah kita dari sudut kakitangan, pegawai telah bersedia dari sudut kepakaran, *forensic criminologist*? Adakah juga kita telah wujud pangkalan data DNA penjenayah-penjenayah yang ganas ini? Apakah kita mempunyai kepakaran yang cukup dari sudut balistik dan juga dari kimia, ahli-ahli kimia, memandangkan kita telah memasukkan kategori-kategori jenayah ini sebagai jenayah yang sangat serius? Jadi, saya kira penjenayah yang sangat serius merupakan orang-orang yang begitu mahir dalam bidang mereka dan tentu sekali kita mesti menyediakan kepakaran yang sangat tinggi juga dari sudut anggota-anggota kita supaya kita berjaya di dalam apa yang kita gubalkan ini dan juga kita tidak memerlukan kepada tenaga-tenaga dari luar untuk melaksanakan penguatkuasaan dan keberkesanan akta ini.

Seterusnya, berkenaan dengan kesalahan yang dimasukkan khususnya yang berkenaan dengan antipemerdagangan orang ini. Sebagai mana yang telah disebutkan tadi, kesalahan ini begitu serius di Malaysia dan kadang-kadang menimbulkan suatu yang sangat buruk di peringkat antarabangsa. Apa

yang lebih menggusarkan lagi, mangsa-mangsa yang terlibat di dalam kesalahan ini, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, 80% daripada mangsa-mangsanya adalah melibatkan wanita. Saya terbaca beberapa penyelidikan akademik yang mengatakan antara punca kepada masalah di bawah akta ini iaitu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah sebagaimana yang telah disebut, sempadan wilayah yang mudah dibolosi.

Antaranya juga adalah masalah dalaman kita sendiri iaitu penglibatan penjawat-penjawat awam termasuk juga pegawai-pegawai kanan yang bersubahat di dalam kesalahan ini. Sebelum ini telah pun dilaporkan beberapa kes operasi melibatkan tahanan penjawat-penjawat awam dan juga melibatkan pendakwaan ke atas penjawat-penjawat awam kita khususnya, saya sebut di sini Jabatan Imigresen yang terlibat dengan kesalahan di bawah akta ini yang saya kira merupakan suatu yang sangat tidak boleh dimaafkan, gunting dalam lipatan yang sangat bahaya sekiranya terus dibiarkan. Saya mohon, daripada kes-kes yang telah diambil, yang telah didakwa, yang melibatkan penjawat-penjawat awam, berapakah yang telah disabitkan semenjak akta ini diperkenalkan pada tahun 2007?

Poin saya yang terakhir, juga berkait dengan antipemerdagangan orang ini yang mana ia banyak terlibat dengan eksploitasi terhadap wanita, yang mana wanita-wanita ini kebanyakannya akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti di pusat-pusat hiburan, aktiviti di pusat, premis perjudian dan juga rumah-rumah urut sebagaimana yang telah disebutkan tadi. Sebagaimana yang kita maklum, pusat hiburan, premis perjudian dan rumah-rumah urut ini, ada yang berlesen, yang dikatakan halal dan tentu sekali ada yang tidak berlesen. Bila kita sudah menganggap lokasi-lokasi ini merupakan lokasi berisiko tinggi yang mana lokasi inilah berlakunya banyak kesalahan. Sebagaimana operasi biasa kalau kita operasi PBT, di lokasi pusat hiburan, di lokasi pusat perjudian inilah, kita banyak dapat kes dadah, dapat kes GRO, dapat kes imigresen. Inilah yang merupakan pusat-pusat masalah, pusat-pusat kesalahan-kesalahan. Kalau hendak cari banyak kes, pergilah tempat itu. Lubuknya di situ.

Jadi, apabila kerajaan bagi tujuan mengawal kesalahan-kesalahan yang bersampingan dengan pusat-pusat ini, adakah kerajaan bersedia untuk mengehadkan ataupun membekukan lesen-lesen pusat-pusat hiburan ini? Kalau kita di Kelantan, kita telah membekukan, kita telah meletakkan kuota. Adakah Kerajaan Malaysia bersedia menetapkan suatu dasar...

**Dato' Lim Nget Yoon:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Meletakkan kuota-kuota bagi pusat-pusat ini...

■1250

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh bagi laluan?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Bagi pusat-pusat ini bagi memudahkan penguatkuasaan terutamanya supaya seimbang antara tenaga penguatkuasaan kita dengan tumbuhnya pusat-pusat hiburan ini...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya cuma hendak kongsi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendapat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Pendapat ya di kawasan saya Raub di negeri Pahang kita memang juga ada kuota untuk memberikan lesen seperti Yang Berhormat yang cadangkan sudah ada. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Jadi itu mungkin inisiatif di PBT-PBT berkenaan cuma polisi daripada sudut kementerian sendiri kalau boleh kita tekankan benda ini.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Oleh sebab Yang Berhormat cakap pasal kuota, lesen-lesen perjudian, lesen-lesen rumah urut, lesen-lesen pusat karaoke. Saya hendak tanya Yang Berhormat, anak jati negeri Kelantan. Adakah Yang Berhormat setuju saya hendak nyatakan negeri Kelantan juga tidak sunyi daripada masalah itu. Mutakhir ini saya juga mendapat tahu diberitahu bahawa negeri Kelantan juga bercambah dengan pusat-pusat karaoke yang tidak terkawal. Saya selalu balik ke Kelantan ini, jadi saya tahu. Kawan-kawan saya bagi tahu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Bukan sahaja negeri Selangor yang begitu hebat dengan pusat-pusat perjudian rumah urut, bukan sahaja di Kuala Lumpur yang begitu hebat malah di Kelantan juga sudah menunjukkan kehebatannya. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Tentu sekali kalau satu tempat di situ semua orang baik-baik sayalah orang pertama yang akan bawa keluarga saya menetap di situ. Hatta di Mekah, hatta di tempat-tempat suci ada juga orang yang berbuat maksiat. Cuma yang penting sekarang ini adalah dasar kita, prioriti kita sebagai kerajaan dan saya yakin di Kelantan menjadi prioriti kepada kerajaan negeri Kelantan untuk membanteras kegiatan jenayah, kegiatan maksiat. Itu adalah prioriti kita. Dan terus kepada tadi...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat lepas ini bagi giliran dia Yang Berhormat. Bagi dia peluang masa dia terhad. Silakan Yang Berhormat habiskan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Jadi saya rasa itulah poin saya yang terakhir tadi tiga poin sahaja dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang giliran Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Lama Yang Berhormat Saiful Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2013 Pindaan dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga berterima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua terus bagi laluan cuma saya ingin sambung sedikit sebab hasrat tadi tidak sampai tadi hendak menyampaikan kepada Yang Berhormat.

Ucapan tahniah kerana memberi cadangan yang cukup baik supaya ada satu penguatkuasaan Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan persekutuan bagaimana dapat membendung segala perkara yang sedang berlaku, pusat urut, perjudian dan sebagainya. saya ingin menarik ucapan Yang Berhormat Senator Datuk Abbas berkenaan dengan apa yang berlaku di negeri Selangor. Kita perlu

sedar bahawasanya lesen-lesen ini bukan dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan. Yang mengeluarkan lesen-lesen secara sah ataupun membenarkan operasi itu berlaku secara haram di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan yang dikawal selia oleh kerajaan negeri.

Dalam negeri Selangor memang betul Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Selangor hari ini di bawah pokok Ketapang pun sudah ada pusat urut yang beroperasi secara berleluasa, bermaharajalela, tetapi dalam Dewan ini kita semua bercakap. Memang dipihak kami kita bersungguh-sungguh hendak memastikan benda ini dibanteras...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh celah sikit?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Sila, baru hendak mula Dato'. Tidak mengapa.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Baru mula hendak celah itu.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** [Ketawa]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah lama buat apa [Ketawa] Betulkah Selangor merupakan negeri yang paling banyak sekali rumah urut, spa, maksiat, pelacuran dalam negara Malaysia. Betulkah tidak betul? Jawablah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Statistik tidak ada pada saya Yang Berhormat Dato' Haji Rahman tetapi saya ingat Menteri Besar Selangor tahu. Statistik itu beliau ada dan kita semua tahu. Oleh sebab itu saya kata tadi awal-awalnya bukan hanya di dalam bangunan-bangunan, di tepi-tepi pokok ketapang pun sudah buka secara terbuka. Kita tahu ia dinaungi oleh orang-orang tertentu dalam yang berkuat mewakili parti politik masing-masing. Kita tahu siapa rajanya, kita tahu siapa *kingnya*, kita tahu siapa *master mindnya* yang dahulu kalau kita ingat sebelum tahun 2008, sebelum PRU12, bergegar-gegar satu Selangor, kalau menang hendak melaksanakan segala-gala hudud dan sebagainya.

Akan tetapi yang dipegang itu hilang Tuan Yang di-Pertua. Yang berlaku hari ini adalah pemerdagangan manusia berlaku secara terbuka. Hari ini di Dewan yang mulia kita bercakap bergegar-gegar hendak mempertahankan terutama rakan-rakan di sana. Tetapi sebenarnya apa yang berlaku tidak sedemikian bermaksud, "*You don't walk the talk*" dengan izin. Bercakap tetapi sebenarnya negeri yang mereka kuasai berleluasa melakukan pemerdagangan manusia ini secara terbuka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan sekali lagi kerana ini masalah moral, ini masalah yang boleh membawa anak-anak muda kepada satu kancang yang boleh merosakkan masa depan mereka.

Selain daripada itu, dah lah kita rosakkan anak-anak muda seperti kata Datuk Abbas ini. Pada 31 hari bulan hendak diadakan perhimpunan mengguling kerajaan. ini budaya apa? Ini bukan budaya dalam negara Malaysia. Sistem itu, cara itu, budaya itu, tidak sesuai di dalam negara ini. Kita pun boleh buat yang sebelah sini. Kita pun tahu kumpul orang tetapi ini bukan cara kita. Cara kita ialah melalui peti-peti undi keputusan telah dibuat oleh rakyat, rakyat telah memberikan mandat kepada kerajaan.

Tunggulah lagi empat tahun. Kenapa mesti ada cara begitu dalam Dewan ini kita bercakap soal membentuk jati diri anak-anak bangsa tetapi yang merosakkan anak bangsa, yang bawa anak bangsa turun ke jalan melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan nama Malaysia di mata dunia adalah mereka sendiri. Jadi sama-samalah kita tengok pada 31 hari bulan ini dan saya yakin dan percaya...

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Celah kak, Yang Berhormat Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya cuma ingin meminta pandangan Yang Berhormat. Kalau kita tengok zaman dulu masa-masa dulu jarang kita tengok keadaan yang berlaku pada masa kini. Jadi kita kena pergi balik kepada *root cause*, dengan izin, kenapa perkara ini berlaku. Jadi semestinya kita tahulah disebabkan oleh pihak-pihak yang tertentu dan pada masa yang sama adakah kerajaan kita ini baik sangat? Kita benda-benda macam ini kita sekat awal-awallah saya rasakan. Kita penguatkuasaan, pelaksanaan undang-undang harus kita laksanakan setegas-tegasnya pedulikan dia orang ini kita kena buat secepat mungkin sebab ia menjatuhkan imej negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh minta celah?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Boleh, boleh saya jawab sekejap lagi.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Adakah yang perhimpunan akan di anjur tidak lama lagi itu hendak tiru negara jiran yang Thailand itu dan niat pun begitu apa pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Berkenaan dengan mesti ada satu tindakan yang dibuat secara keras sekali. Ini kerana saya tidak fikir kita perlu memikirkan soal toleransi lagi sebab sudah terlampau banyak, sudah berkali-kali, berulang kali ada masa dan ketikanya mungkin nyawa akan hilang dan sebagainya. Jadi saya fikir saya juga bersetuju supaya mesti ada *affirmative action*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat semua jam tepat pukul 1 tengah hari. Terpaksa kita tangguhkan mesyuarat kita dan juga saya hendak beritahu kepada semua Ahli Yang Berhormat, jangan lari terlalu jauh daripada tajuk kita hari ini. Dari segi secara undang-undang itu penguatkuasaan itu saya terima. Lain-lain itu kurang sikit.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh itu, kita tangguhkan sehingga 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita sambung balik menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Datuk Megat. Silakan Datuk Megat.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga minit lagi Yang Berhormat Datuk ya?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin:** Berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga minit lagi.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin:** Saya ingat boleh mula daripada awal balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada, kena sambung balik.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung dalam masa tiga minit.

Pertamanya saya nak menyambung itu tadi, ada pandangan daripada Senator Datuk Norliza berkenaan dengan mesti diadakan satu penguatkuasaan ataupun satu tindakan yang mesti diambil serta-merta sekiranya ada perkara-perkara yang boleh mengganggu gugat ketenteraman negara seperti kita merujuk kepada perhimpunan yang ada setengah-setengah pihak hendak melakukan pada 31 hari bulan ini. Jadi saya juga ingin mendesak kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, pihak polis dan pihak berkuasa untuk bertindak secara keras kerana yang kita hendak pastikan ialah ketenteraman kerana kita faham pada tarikh tersebut ramai anak muda yang akan bersama-sama berada di kawasan sekitar untuk merayakan tahun baru...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Mohon mencelah sebentar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang nak mencelah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Ya.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma terdengar tadi sebelum rehat yang bersambung dengan kenyataan tadi berkenaan dengan yang dikatakan perhimpunan menggulingkan kerajaan yang diuar-uarkan di media-media sosial dan internet. Saya minta kalau dapat Yang Berhormat untuk diperjelaskan sumber sebenar orang yang ajak menggulingkan kerajaan kerana setahu saya, tidak ada mana-mana pihak dalam Pakatan yang menganjurkan perhimpunan seperti itu. Saya nak minta sumbernya yang betul, bukan sumber khabar angin.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Saiful. Pertamanya saya tak sebut pun "Pakatan", jadi hari ini Yang Berhormat Saiful dah sahkan ini. Saya tak sebut perkataan "Pakatan".

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Awal tadi Yang Berhormat sebut- anjuran Pakatan Rakyat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya tak sebut.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Bukan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Oh!

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sebab itu saya nak minta penjelasan. Sumbernya haruslah jelas.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kerana kadang-kadang orang buat-buat pun ada juga, nak *provoke*.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya cuma biarkan seorang sahaja berdiri berucap. Ini ruang Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bagi seseorang itu mencelah, Yang Berhormat bagi keizinan, cuma seorang sahaja yang boleh berdiri. Jadi sekarang Yang Berhormat Datuk Yahaya yang hendak mencelah, Yang Berhormat bagikah?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Bagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ingat ya masa Yang Berhormat tiga minit.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Saiful. Soal nak penjelasan daripada Datuk Megat, kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, insiden-insiden yang lepas, kejadian-kejadian yang lepas, BERSIH 1.0, BERSIH 2.0, BERSIH 3.0, BERSIH 4.0 memang tidak ada seorang pun buat pengakuan sama ada pimpinan PKR ataupun pimpinan PAS dan sebagainya tidak ada satu pun, seorang pun buat pengakuan bahawa dia akan adakan demonstrasi tetapi ia berlaku. Inilah permainan pakatan pembangkang, inilah orang-orang macam Yang Berhormat Saiful ini. Orang-orang macam dia inilah yang berlaku dan 31 hari bulan ini pasti ia berlaku. Saya yakin dan saya penuh yakin walaupun kita tidak tahu siapa yang jadi kepala bala tentera itu kita tak tahu. Entah-entah Saiful sendiri pun kita tak tahu, mungkinlah, kan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sedikit.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat saya ada tinggal tiga minit sahaja, tiga minit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sikit sahaja, satu sahaja satu sahaja. Sekejap, sekejap sahaja, satu sahaja. Saya nak satu minit sahaja.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya ada tinggal tiga minit sahaja lagi, tiga minit sahaja Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat nak perbetulkan tadi, saya dah habis tiga minit.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya nak satu minit, saya janji. Saya nak perbetulkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap sahaja Yang Berhormat, satu minit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Setengah minit, setengah minit.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat, nanti. Saya ada tiga minit sahaja Yang Berhormat. Saya ada tiga minit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sebab sebelum ini BERSIH 1.0, 2.0 dan 3.0 itu kita ada kenyataan rasmi. Yang ini tak ada.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat, tiga minit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Jadi yang itu kena jelas. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya fikir itu telah mengesahkanlah apa Yang Berhormat Saiful sebut tadi, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah soal penyebaran dan fahaman Syiah yang berlaku dalam negara ini.

Saya minta dan saya nak bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, sejauh mana SOSMA ini boleh dikuatkuasakan penularan fahaman Syiah ini kerana kita tahu fahaman Syiah ini bukan hanya satu fahaman yang dikaitkan dengan agama sahaja tetapi fahaman Syiah ini boleh juga akhirnya membuatkan negara ini porak-peranda seperti apa yang berlaku di Iran, Iraq, Pakistan apabila fahaman Syiah dan

Sunah Wal Jamaah, Syiah melakukan pembunuhan, melakukan pengeboman secara terbuka, meluas akhirnya fahaman Syiah ini boleh juga mengakibatkan ketenteraman negara terganggu.

Jadi saya minta kepada Kementerian Dalam Negeri ataupun kerajaan supaya dalam SOSMA ini dimasukkan juga satu akta yang boleh membendung dan menyekat fahaman Syiah ini kerana kita tak nak fahaman Syiah ini berselindung di bawah badan-badan NGO, fahaman-fahaman politik dan ada pemimpin-pemimpin politik yang terlibat. Jadi kita tak nak fahaman ini akhirnya merosakkan khususnya orang-orang muda sebab Tuan Yang di-Pertua, ramai anak muda yang terlibat dalam ajaran ini kerana semangat dan sifat ingin tahu mereka. Memang menjadi naluri anak-anak muda benda-benda yang baru ini dia ada perasaan ingin tahu dan akhirnya bila mereka melibatkan diri dalam fahaman ini, ianya boleh menghuru-harakan keadaan.

Jadi sebab itulah saya juga minta kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk melihat kembali akta ini dan bagaimana boleh dikembangkan supaya fahaman ini tidak dapat berlaku secara berleluasa dalam negara ini. Justeru itu, pendidikan formal juga mengenai perkara itu perlu bagi mengelakkan lebih ramai yang terjebak. Ibu bapa, masyarakat sekeliling juga perlu memainkan peranan kerana penularan ajaran Syiah ini di sesebuah negara amat berbahaya dan ia mampu memecahbelahkan dan menghancurkan keharmonian negara ini. Jadi saya minta nanti Yang Berhormat Menteri untuk memberikan pandangan mengenai perkara yang diutarakan ini dan juga dalam masa yang sama, saya juga nak menarik perhatian sebelum saya mengakhiri perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, tadi sebelum saya selesai perbahasan *round* yang pertama, kami makan sebentar dalam *lounge* tadi, kebetulan keluar di NTV7 bagaimana pemerdagangan manusia semalam ditangkap.

#### ■1440

Ramai yang kita lihat tadi di kaca TV NTV7 dalam berita jam 1 di Sunway. Sunway ini bukan di Wilayah Persekutuan, bukan di negeri Perak, bukan di negeri Melaka. Sunway di negeri Selangor [*Ketawa*] Jadi ramai tadi yang ditangkap.

Keduanya pusat perjudian, juga ditunjuk dalam NTV7 tadi yang ditangkap di Sungai Buloh. Sungai Buloh juga dalam negeri Selangor Darul Ehsan. Jadi apa yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya tumpang bertanya sedikit.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Sila, sila.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tidak, tidak. Sedikit sahaja saya hendak tanya. Yang Berhormat dari negeri mana?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Saya Selangor Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Jadi saya minta supaya walaupun kita semua sepakat dalam perkara-perkara penguatkuasaan ini jadi mesti juga kerajaan negeri yang bertanggungjawab. Mesti ada penguatkuasaannya di peringkat pihak berkuasa tempatan. Sekali lagi saya hendak mengulangi pusat-pusat ini seperti pusat urut, pusat pelacuran ini, pusat perjudian ini di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan. Pihak polis saya fikir telah menjalankan tugas mereka dengan



cukup baik sebab itu tiap-tiap hari berlaku tangkapan tapi kalau ada dalang-dalang di sebaliknya hari ini tangkap, esok dibenarkan beroperasi, maka pihak kerajaan negeri khususnya negeri Selangor mesti bertanggungjawab dan melakukan tindakan serta-merta supaya pemerdagangan manusia dan perjudian ini dapat kita bendung. Jadi dengan itu saya pohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Dato' Dr. Johari. Sepuluh minit Yang Berhormat ya?

**2.41 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* syukur saya pada Allah SWT pada petang ini dapat bersama-sama membincangkan satu akta meminda Akta Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya duduk tulis, catat hendak cakap itu semua orang sudah sapu, sudah [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas sahaja Yang Berhormat, ringkaskan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Jadi saya ringkaskanlah. Tidak apa, tidak apa. Saya tokok-tambah sedikit-sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sapu sedikit-sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tuan Yang di-Pertua, kita berada di sini merupakan orang yang diberi tanggungjawab yang besar iaitu kita membuat dan meluluskan undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan ini dan ini adalah satu tugas besar yang akan mencerminkan pengamalannya pada masa akan datang. Semalam saya bangkit di dalam Dewan ini bahawa mana-mana undang-undang yang hendak dibawa ke Dewan Rakyat dan juga seterusnya ke Dewan Negara perlulah dilihat bersama dengan *maqasidul* syariah. Ini sejajar dengan negara kita sebagai sebuah negara Islam yang meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Oleh sebab itu mana-mana undang-undang yang kalau dilihat ada bertentangan saya minta dari awal lagi supaya diselesaikan hal itu dan saya ingin juga memohon supaya hal-hal berkaitan dengan undang-undang ini diminta bukan sahaja pihak Peguam Negara dan di situ ada bahagian syariah dan undang-undang Islam juga saya meminta supaya dilibat sama meminta pandangan dan juga apa-apa komen daripada mufti-mufti kerajaan kita di Malaysia ini.

Selain daripada itu, kita bercakap tentang jenayah ini yang saya dengar daripada awal sampai akhir dan juga pembentangan yang awal ia berlaku di dalam negara kita ini oleh orang luar dan juga orang dalam seperti pemerdagangan manusia. Ia berlaku bukan sahaja orang kita tetapi juga orang luar. Jadi undang-undang yang dicadangkan ini akan melibatkan sama tidak kira siapa apabila dia melakukan di tempat kita dia akan tertakluk kepada undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perasaan baik dan juga perasaan buruk ada dalam diri setiap orang dan kadang-kadang perasaan buruk itu dapat dikekang, ditangani oleh seseorang apabila dia berjiwa bagus. Namun kadang-kadang sekitar ibu bapa juga dapat mengekang keadaan buruk tadi. Seterusnya kalau sekiranya keluarga diri sendiri tidak dapat menghalang maka kerajaanlah yang

terakhirnya membuat undang-undang supaya keadaan-keadaan buruk tadi tidak dapat diteruskan dan undang-undang yang telah dicadangkan ini dan juga semalam ialah satu undang-undang untuk memberi ketakutan kepada pelaku-pelaku. Itu saya rasa ini adalah antara tujuan buat undang-undang ini supaya orang tidak melakukan lagi jenayah-jenayah yang telah berleluasa dalam masyarakat kita.

Daripada segi perkosaan, pemerdagangan, sorok dan sebagainya saya tengok banyak yang sebut. Saya tengok penyeludupan masuk orang-orang PATI ini sebenarnya sama ada dari jalan udarakah, lautkah, daratkah sebenarnya ada tauke dia, ada *mastermind* dia dan *mastermind* itulah sebenarnya yang berperanan. Kadang-kadang yang kita tangkap itu adalah PATI tetapi pengusaha atau yang merancang itu sebenarnya yang bahaya. Kerana itu saya tengok undang-undang yang telah diluluskan semalam yang dimasukkan juga dalam ini patut kita lihat sebagai satu perkara yang dapat mencegah.

Bagi orang-orang kita di Malaysia ini perkara jenayah ini berlaku adalah hasil daripada rasa tidak sayang diri sendiri. Orang yang tidak sayang diri sendiri juga tidak sayang kepada keluarga. Begitu juga tidak ada jati diri dan juga tidak rasa takut apalagi tidak rasa berdosa melakukan jenayah. Ini adalah faktor yang besar. Kalau kita sayangkan diri sendiri kita tidak akan buat jenayah walaupun kita miskin. Oleh sebab itu melakukan jenayah walaupun faktor-faktor kemiskinan itu ada tetapi bukan semesti orang miskin melakukan jenayah. Oleh sebab itulah di sini saya mencadangkan supaya kita semua masyarakat termasuk agensi kerajaan dan semuanya memberi perhatian kepada jati diri agar jenayah ini dapat dielakkan dan pendidikan yang berterusan daripada prasekolah sampai ke akhir hayat.

Pendidikan yang berterusan terutamanya pengingatan kepada golongan-golongan pegawai dan kakitangan yang sentiasa berdepan dengan masalah-masalah yang tadi diperingatkan, diperkukuhkan diberi jati diri dan diberi kekuatan mental dan juga fizikal, spiritual agar mereka tidak terlibat dengan penyalahgunaan dan juga terseret dengan gejala yang tidak baik.

Semalam saya baca akhbar ada pegawai kita yang ditangkap bersama-sama dengan pengedaran dadah yang RM14 juta itu. Sebanyak RM14 juta ini bukan satu yang kecil dan mengikut apa yang saya baca pada kebiasaannya orang yang tertangkap itu bukan kali pertama. Pada kebiasaannya tetapi dia adalah mungkin kali kedua atau seterusnya, seterusnya. Kalau kali pertama biasanya orang tidak tahu atau terlepas dan saya baca satu hadis Allah melindungi kalau kesilapan pertama. Kalau kesilapan. Kalau kesilapan itu satu perancangan itu masalah lain.

Begitulah juga lemah didikan. Lemah didikan juga menjadi faktor kepada yang jenayah ini. Jadi didikan ini sama ada didikan moral sebagaimana disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat kawan-kawan saya begitu juga didikan agama. Bagi kita rakyat Malaysia yang mempunyai agama dan pegangan masing-masing perlu perkukuhkan pegangan itu supaya jenayah ini tidak berlaku sebab saya yakin setakat mana yang saya mempunyai maklumat semua agama adalah tidak membenarkan melakukan keburukan jenayah dan sebagainya. Selain daripada itu, faktor kemiskinan juga menyumbang kepada jenayah ini. Seterusnya kawan-kawan dan juga sekitar. Oleh sebab itu ibu bapa perlu memberi peranan dan juga perhatian kepada anak-anak mereka yang sedang membesar dengan siapa dia berkawan. Kawan itu sangat berpengaruh dalam membentuk.

Untuk mengatasi perkara ini saya juga ingin mencadangkan supaya pengetahuan berhubung dengan undang-undang jenayah yang kita gubal ini dan akan luluskan nanti diberi sebaran luas kepada masyarakat. Saya lihat ramai masyarakat kita orang Malaysia tidak ambil kisah tentang undang-undang hatta undang-undang dadah yang telah mengenakan hukuman mati kepada pengedar dadah yang membawa sekian-sekian banyak pun orang tidak hirau.

■1450

Ini adalah bagi saya selain daripada dorongan-dorongan hawa nafsu dan sebagainya, mereka sebenarnya tidak tahu akibat dan kedudukan perlakuan tadi dari segi undang-undang. Begitu juga saya harap pencegahan jenayah yang ada di dalam masyarakat kita ini dipertingkatkan daripada awal sampai ke peringkat yang paling tinggi. Saya melihat jenayah ini kalau dia berkembang dengan besar ia serupa barah yang tidak dapat dirawat dan negara boleh runtuh dengan berlakunya jenayah-jenayah yang berat ini. Jadi kita mengharapkan supaya semua pihak dapat melihat kembali dan setiap orang berperanan untuk menjaga keselamatan negara kita dan negara kita inilah yang kita sayangi. Saya yakin dan percaya dengan penambahbaikan ini, *insya-Allah* akan terkawal jenayah yang ada. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Tepat sepuluh minit. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.

2.51 ptg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan atau ringkasnya SOSMA dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Memang terbukti sejak diperkenalkan dan dikuatkuasakan ia sudah mula menunjukkan keberkesanan dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara. Sesiapa yang dilihat sebagai pengganas dan pengkhianat telah dikenakan tindakan tegas di bawah SOSMA ini. Pada hari ini dengan pindaan yang kecil pada fasal 1, fasal 2, fasal 3 dan fasal 4 akan membolehkan rang undang-undang ini terus diyakini. Dalam konteks negara pasca kemerdekaan, kedaulatan, keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat perlu dipertahankan.

Oleh itu pemansuhan ISA tidak bermakna negara tidak lagi memerlukan undang-undang khusus yang berfungsi untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman bentuk baru yang melanda dunia hari ini iaitu ancaman ekstremis dan pengganas. Pada hari ini, kita membuat sedikit pindaan sebagai melengkapi penguatkuasaan SOSMA sedia ada terutama yang membabitkan peruntukan untuk menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan, aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen. Seperti mana yang telah diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, penguatkuasaan SOSMA nanti akan mengekang kegiatan seseorang atau kumpulan yang mahu mengguling dan melemahkan Demokrasi Berparlimen yang tidak berlandaskan perlembagaan. Malah, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan memberi jaminan mana-mana individu tidak akan ditahan semata-mata kerana perbezaan ideologi politik. Hari ini menunjukkan terdapat keseimbangan antara hak asasi manusia dan kepentingan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada kerajaan melalui pindaan ini, setakat manakah pula peranan SOSMA ini ke atas *blogger* atau mereka yang lantang menyuarakan pandangan mereka di laman sesawang dan cuba memperlekehkan, memfitnah, memberi gambaran yang tidak betul dan boleh menggugatkan ketenteraman awam berkaitan keselamatan negara, perpaduan rakyat, kesejahteraan masyarakat dan tarikan pelabur antarabangsa? Ini termasuklah penghinaan agama, agama Islam, Buddha, Hindu sentiasa kita lihat di dalam internet, *Facebook* dan sebagainya. Kita hendak tahu apakah mereka ini boleh ditahan di bawah SOSMA?

Dengan kepesatan era globalisasi sekarang dunia tanpa sempadan ini, membolehkan sesiapa pun mengkritik dan menggunakan media baru sebagai senjata menyerang pihak kerajaan atau pemerintah. Jadi apakah SOSMA boleh diguna pakai dalam memerangi bentuk aktiviti keganasan melalui media baru ini? Perkara seperti ini kita perlu lihat secara serius kerana media baru mempunyai pengaruh yang besar dalam menaikkan sentimen perkauman hingga boleh menghasut rakyat. Kumpulan-kumpulan sebegini dilihat boleh mencetus isu perkauman dan perlu dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 perlu kita lihat sebagai usaha memerangi pelbagai ancaman jenayah yang berlaku pada masa kini. Umpamanya jenayah terancang dan sindiket penyeludupan manusia mencapai tahap mengancam keselamatan dan memberi kesan negatif terhadap aspek sosial, ekonomi dan politik. Ini saya berpengalaman di Kedah. Kebun getah banyak di Kedah. PATI ramai yang bekerja di dalam ladang getah membuat khemah di dalam kebun getah dan mereka ini makan semua benda. Bukan sahaja manusia takut kepada mereka, binatang pun tidak keluar sebab bila jumpa ular, makan ular. Jumpa katak, makan katak. Apa sahaja binatang dimakan dan tempat dihuni di pondok-pondok, dibuat khemah-khemah di ladang getah supaya menghindari pihak penguat kuasa untuk menangkap mereka. Mereka duduk di dalam hutan, duduk dalam kebun getah. Tempatnya kotor dan memberi gambaran yang amat tidak memuaskan kepada kita tetapi masalah Malaysia ini selalunya bila kita hendak operasi, kita sudah beritahu dahulu operasi itu, operasi ini. Mereka sudah bersedia hendak lari.

Saya harap pihak penguat kuasa ini menjalankan *consent approach* dalam memerangi PATI ini. Saya tidak tahu apa terjadi kepada pemutihan PATI yang dijalankan selama ini. Apakah pencapaian PATI ini sampai sekarang? Saya tengok perkembangannya makin hari makin ramai PATI yang datang ke Malaysia kerana negara kita aman makmur, perniagaan kita bagus, pengurusan Kerajaan Barisan Nasional pun bagus. Jadi rakyat negara lain datang bekerja di negara ini untuk mencari nafkah.

Daripada aspek sosial, peningkatan kadar jenayah, aktiviti penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat, pergaduhan di tempat awam, lambakan pendatang menjadikan bandar serta kawasan perumahan tidak aman sehingga menjejaskan kehidupan seharian masyarakat, penjaga maksiat, pelacuran *consider the world's oldest profession*, dengan izin. Ia agar pendapatan dunia USD100 juta setahun. Susah kita membendunginya. Jadi cadangan saya adalah meminta supaya- benda itu susah. Setiap hari kita tengok dalam surat khabar penangkapan berlaku di sana sini. Kita gazetkan satu *area* seperti di Singapura, di Australia, kita gazetkan satu *area* untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak senonoh ini. Jadi supaya kita dapat mengambil *income tax*. *Income tax* itu untuk kegunaan benda yang tidak bersih seperti sapu 'BERSIH' ini. Itulah tujuan cukai pendapatan ini.

Saya fikir kerajaan kita harus menggazetkan *area* maksiat ini, hiburan yang tidak senonoh ini ke satu tempat. Jadi siapa yang melakukan kita letak CCTV, kita boleh *trace*. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang melawat itu kita boleh nampak gambar-gambar mana Yang Berhormat melawat. Jadi kita tentukan satu *area* supaya kita dapat mengutip cukai di tempat tersebut.

Justeru itu, setiap apa yang dipinda dalam setiap rang undang-undang negara adalah bagi manfaat negara dan rakyat. Dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

### 2.58 ptg.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 ini.

Sebagai seorang wanita saya ingin memberi kepujian kepada KDN atas langkah meminda rang undang-undang tersebut untuk membela dan melindungi semua rakyat negara kita sebab kaum wanita dan kanak-kanak selalu menjadi sasaran penjenayah. Memandangkan impak jenayah, masalah-masalah sosial, ancaman keselamatan dan sebagainya semakin meningkat, ini jelas menunjukkan bahawa undang-undang diguna pakai sekarang tidak cukup untuk mencegah masalah-masalah tersebut.

### ■1500

Ada pihak tertentu yang sering menuduh bahawa negara kita tidak selamat, tidak adil, penuh dengan kes rasuah dan sebagainya. Ini memang tidak konsisten memandangkan 2 juta PATI datang ke negara kita daripada pelbagai negara. Ini cukup jelas bahawa tuduhan oleh pihak tertentu itu langsung tidak berasas. Mana ada orang hendak datang ke negara yang tidak bagus.

Dengan jumlah 2 juta PATI dan 3 juta pekerja asing yang berjumlah begitu besar, masalah-masalah yang timbul pun semakin meningkat. Jadi langkah-langkah dan tindakan yang lebih proaktif, lebih tegas dan lebih berpandangan jauh untuk mencegah masalah-masalah ini supaya kekacauan seperti berlaku di Nilai dan Singapura tidak berlaku lagi kerana mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Saya ingin menyentuh tentang alasan yang selalu diberikan oleh pihak tertentu untuk kepentingan mereka sendiri iaitu hak asasi manusia. Di sini saya ingin tahu, adakah hak asasi beberapa ribu penjenayah lebih penting daripada 28 juta rakyat negara kita. Kedua, kalau penjenayah mempunyai hak asasi manusia, mangsa-mangsa tidak kira dirogol, diragut, dicuri, dirompak atau dibunuh dan keluarga mangsa-mangsa dan juga semua rakyat berhak untuk hidup dalam aman damai.

Alasan yang sering dipakai untuk mengkritik rang undang-undang ini adalah kezaliman. Jangan lupa kalau kita *lenient* kepada penjenayah bermakna kita zalim kepada mangsa-mangsa dan semua rakyat kita yakni selaras dengan apabila kita *lenient* kepada PATI, kita sekarang terpaksa menghadapi kerugian dan masalah-masalah yang timbul. Pihak tertentu menggunakan alasan-alasan tersebut supaya rang undang-undang ini tidak diluluskan dan tidak diguna pakai. Adakah mereka kluatir perhimpunan

haram yang ingin mereka anjurkan tidak senang lagi dianjurkan atau mereka takut hilang isu hangat yang sering dimainkan oleh mereka iaitu indeks jenayah yang tinggi di negara kita.

Akhirnya, kita boleh mengadakan akta yang paling baik, kalau penguat kuasa kita lemah atau pun tidak bekerjasama tiada gunanya. Jadi saya berharap kita bersama-sama tidak kira bangsa, gender atau parti politik, kita bersama-sama bekerjasama untuk mencegah jenayah. Saya berharap mencegah jenayah bermula dari diri sendiri di mana kita ada inisiatif menjadi telinga dan mata kepada polis. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Khairudin Samad, silakan. 10 minit Yang Berhormat.

### 3.05 ptg.

**Dato' Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini tidak pakai teks, 10 minit ini saya takut macam dapat basikal baru turun bukit pun kayuh [*Ketawa*] Jadi kalau terbabas, tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah. Kalau terbabas itu apa boleh buat.

**Dato' Khairudin Samad:** Oleh sebab ada mukadimah pun panjang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak payah mukadimah Yang Berhormat. Terus kepada perkara-perkara penting.

**Dato' Khairudin Samad:** Tidak boleh. Kena sebut sebab saya dengar ia penting juga Tuan Yang di-Pertua sebab saya orang baru, ia berkaitan. Saya dengar ramai kawan Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dayung terus basikal itu [*Ketawa*]

**Dato' Khairudin Samad:** Ya, ya. Ini hendak dayung ini. Ramai di kalangan rakan menyatakan bahawa kita kadang-kadang berulang kali membahaskan usul, mengeluarkan pandangan dan cadangan tetapi apa yang saya dapat lihat Menteri atau Timbalan Menteri. Kalau Menteri itu okey sedikit, Timbalan Menteri kadang-kadang jawab kecuali Datuk Halimah, orang kuat UMNO ini, selalu ada macam Ahli Senator juga berani menjawab dan boleh menjawab, bagi pertimbangan sekurang-kurangnya. Ini kita menyampaikan hasrat rakyat walaupun kita tidak ada kawasan tetapi macam Dato' Abbas, dia ada Batu, kawasan dia.

Jadi kadang-kadang kita menyampaikan, apa yang dijawab oleh Menteri atau Timbalan Menteri baca apa yang disediakan oleh pegawai. Jadi kadang-kadang kita menyampaikan sesuatu dalam Dewan yang mulia ini, ada tiga kali sudah persidangan pun masih di tahap yang sama. Sekurang-kurangnya pendapat kita itu diambil kira, diberi pertimbangan kerana ini hasrat rakyat. Bukan saya bercakap di sini kerana saya. Saya bercakap kerana rakyat, apa yang kita dengar di luar. Itu mukadimahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercerita sedikit fasal jenayah. Kita hendak kaitkan dengan keselamatan negara. Kita hendak kena bercerita dengan jenayah-jenayah yang berlaku. Saya lihat sekarang pembelaan hanya banyak kita bercakap, kebanyakan Ahli Dewan bukanlah kawan-kawan yang ini tetapi ada yang suka untuk membela penjenayah daripada mangsa. Siapa yang lihat kepada mangsa? Umpamanya ada mangsa-mangsa yang kadang-kadang terpaksa, ini mungkin kerana sistem kita. Sistem

kita sebegitu rupa, ada ketikanya bawa masuk ke mahkamah diikat jamin. Kawan kita bebas, buat lagi perkara-perkara yang tidak diingini. Dalam masa yang sama bawa masuk mahkamah, kemudian kes dibuang kerana tidak cukup bukti. Ini penjenayah, dia bebas lagi di luar. Ada juga kes dibawa ke mahkamah kemudian tangguh, tangguh sampai Dato' Nalla tidak ada, 65 kali tangguh, tangguh. Jadi apabila terlalu lama tangguh, kawan kita pun bebas lagi.

Jadi ini yang menjadi masalah kepada pasukan keselamatan. Dia kena tengok juga orang-orang yang seperti ini kerana jenayah berlaku. Saya yang paling kasihan sekali apabila jenayah dilakukan terhadap kanak-kanak. Bukan sahaja dirogol, diliwat, digunakan objek-objek untuk membuat aniaya kepada anak-anak. Apa pencapaian mereka kita tidak tahu. Apa yang sedap sangat mereka buat menggunakan objek, kita pun tidak tahu tetapi saya satu, boleh atau tidak...

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Yang Berhormat, *statement* agak umum tadi itu. Hendak penjelasan sikit.

■1510

**Dato' Khairudin Samad:** Penjelasan apa itu?

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Boleh saya tanya ya?

**Dato' Khairudin Samad:** Boleh, boleh.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi saya terdengar ada dua perkara yang dibangkitkan agak signifikan ya dalam soal penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan keadilan di Malaysia. Pertama, Yang Berhormat ada menyebut tentang ada daripada kalangan Ahli Dewan ini lebih menumpukan kepada mempertahankan penjenayah. Kalau betul ada, siapa dan aspek apa yang dikatakan mempertahankan jenayah? Itu yang pertama.

Kedua, sistem perundangan Malaysia sama juga dengan mana-mana perundangan di negara lain dan juga perundangan Islam ialah seseorang itu tidak boleh disabitkan salah selagi ianya belum bersalah. Banyak kes ya, saya selaku pengamal undang-undang terjadi. orang itu baru dituduh, baru ditangkap, tidak bersalah pun dan banyak juga kes tidak terlibat pun. Tidak ada di tempat itu pun, tetapi kerana ditangkap masyarakat sudah melabelkan dia sebagai penjenayah. Adakah itu adil? Adakah dia penjenayah atau dia juga mangsa?

Oleh kerana itu kalau kita berpegang kepada prinsip tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah, *insya-Allah* masalah tidak berlaku. Lagi juga kalau seseorang itu tahap pertuduhannya itu tinggi, mahkamah punya budi bicara dan bidang kuasa untuk tidak membebaskan dia dengan ikat jamin. Jadi, saya minta Yang Berhormat faham dulu persoalan-persoalan asas itu sebelum kita buat pertuduhan secara terbuka dan tidak adil pada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

**Dato' Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan buat tuduhan. Saya kata sistem. Yang Berhormat saya ini *social golfer*, dengan izin, *social golfer*. Orang yang main golf ini, kalau orang di depan dia, *flat* di depan itu lambat, momentum dia habis. Kalau boleh jangan ganggu saya. Saya juga ada momentum...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin Samad:** Boleh? Biar saya, sebab saya pun ada sepuluh minit. Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua bagi lebih, kelebihan masa, masa kecemasan. Jadi, kalau boleh jangan

ganggu. Saya bukan tuduh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat terasa, saya kata ada pembelaan. Kadang-kadang kita bercakap ini lebih banyak kita bercakap soal hendak bela kerana saya masih ingat lagi Yang Berhormat cerita kata bagi makan, kita ini melayan mereka seperti binatang. Tidak ada lokap dalam dunia ini yang hendak siasat, yang hendak soal siasat panggil seorang penjenayah, duduk macam makan pulut durian, cerita...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Khairudin Samad:** Belum ada lagi. Mai duduk di depan kita, saya ada order *BurgerKing*, duduk mari kita bercerita. Belum ada lagi dalam dunia lokap-lokap yang melayan penjenayah sebegitu rupa. Takkan kita hendak layan sebegitu rupa, macam itu. Jadi, ada kriteria-kriterianya dan ada SOPnya. Kalau dia melanggar kita boleh gubal undang-undang. Kalau dia tangkap orang tanpa salah kerana *frame*, dengan izin, kerana kita memalsukan pertuduhan. Itu kita boleh gubal undang-undang supaya orang yang ditangkap tanpa bersalah kemudian dia sendiri boleh saman. Hendak saman *laws of* apa pun, buatlah.

Kadang-kadang kita ini kereta *accident* kita ada *loss of usage* kah apa, dengan izin. Jadi, kalau itu yang berlaku maka kita boleh, kita gubal undang-undang. Kalau salah tangkap, saman. Saman kerajaan, saman PDRM. Apa saja yang kita hendak saman, hendak mansuhkan, guballah undang-undang. Kita minta Yang Berhormat Menteri boleh suruh pegawai-pegawai sediakan. Saya bukan pengamal undang-undang. Jadi, saya bercerita sebagai *layman*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebab saya lihat ada juga kes yang melibatkan pengamal undang-undang. Kita susah hendak sebut tetapi kena sebut. Bila pengamal undang-undang contohnya ataupun profesional, dia hendak buat satu jenayah, dia sudah hapuskan sudah bukti dan sehingga kini siapa yang membela mangsa? Keluarganya umpamanya, yang ini, yang kita hendak sebut.

Kalau dia lebih tahu apa dia bukti yang dia boleh hapuskan, dia hapuskan dulu. Jadi kita hendak tangkap siapa? Tangkap pun tidak ada bukti. Hari ini orang itu bebas, profesional. Jadi kita bukanlah kita kata kita, saya ini hendak bela sesiapa, tidak atau saya hendak tuduh menuduh sesiapa. Saya kata kita banyak bercakap soal pembelaan terhadap penjenayah daripada kita bercakap soal pembelaan terhadap mangsa. Yang itu, tidak akan lah hendak marah Yang Berhormat. Kita ini hendak sebut benda-benda macam itu dan kita kadang-kadang, tolong, saya pun orang politik juga. Momentum ini saya perlu macam *golfer* ini...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Khairudin Samad:** Jangan diganggu-ganggu, saya habis hilang akal.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin Samad:** *Allahurabbi*. Itu baru sentuh satu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 1 minit.

**Dato' Khairudin Samad:** Itu baru sentuh, belum lagi saya cerita fasal mangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kena pasang *break emergency*.



**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, mangsa. Saya kasihan melihat mangsa-mangsa kita ini kadang, mangsa-mangsa ini kadang-kadang kita tidak ada orang yang bercakap hak asasi manusia kepada mangsa. Kita memang bincang soal hak asasi manusia terhadap penjenayah. Mesti dilayan dengan baik. Keluarga dan mangsa macam mana. Keluarga mangsa macam mana. Yang hilang sampai sekarang, yang ini semua terancang. Anak-anak kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua tambah masa sedikit saya hendak cerita apa yang berlaku di dalam *mall* umpamanya.

Anak-anak pergi waktu kita ada hendak menyambut hari-hari perayaan. Ramai orang di dalam *mall*. Masa ibu bapa dok sibuk cari pakaian untuk anak ini, hendak hari raya ini. Dok sibuk, tahu-tahu anak dia hilang. Dia pun tidak sedar. Rupanya dia sudah dimasukkan ke dalam *fitting room*, kemudian dicukur kepala, diganti baju. Yang *couple*, yang masuk pasangan ini dukung anak itu keluar rileks saja. Dia gula-gulkanlah, dia bagi coklat ke apa. Hilang satu anak. Itu modus operandinya umpamanya.

Jadi yang ini berlaku. Anak itu hilang sampai sekarang tidak jumpa. Ini juga terancang. Yang ini yang kita marah sekarang ini kerana dilakukan dengan begitu baik. Merancang yang begitu baik. Saya hendak kena potong-potong sedikit ini. Saya hendak sebut, hendak cerita yang macam mana Tuan Haji Abdul Shukor kata tadi ataupun Yang Berhormat sahabat saya semalam dan Yang Berhormat Baharuddin tadi cerita fasal PATI. PATI ini samalah. PATI ini terancang. Tidak mungkin. Kita bagi contoh Indonesialah. Tidak boleh cerita fasal negara lain fasal banyak lagi. Indonesia ini banyak pulau. Tidak mungkin kawan duduk di Flores, boleh datang naik bot tunggu sampai air surut berjalan kaki masuk ke Port Dickson, contohnya.

Kalau ianya tidak dirancang, ini semua sebab apa? Ini sebab ringgit, sebab duit. Jadi mereka merancang segala, yang menjadi mangsa. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor yang menjadi mangsa ialah PATI. Kemudian PATI-PATI ini ditangkap, disumbat di dalam tempat tahanan kemudian wang kita dibelanjakan. Saya dapat daripada KDN, 14 juta dibelanjakan untuk bagi makan. Yang ini tidak bagi makan macam binatanglah. Dia makan mungkin sehari sekali. Mungkin macam itu. Tapi duit kita. Kenapa tidak kementerian cari satu kaedah macam mana hendak selesaikan. Ini juga melibatkan sistem kerana sistem kita begitu.

Kalau selagi mahkamah tidak menjatuhkan hukum, kita dok simpan dia di tahanan. Sampai bila kita hendak simpan. Habis wang rakyat. Habis wang *tax payers*. Contohnya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin Samad:** Jadi pembayar cukai ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin Samad:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup. Gulung ya.

**Dato' Khairudin Samad:** Aduh. Kasihan. Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi. Saya hendak cerita fasal polis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 1 minit.

**Dato' Khairudin Samad:** Ya, ya. Polis dan juga media. Sama saya merangkum dua sekali. Anggota polis yang mengambil bahagian, yang membantu kita jaga keselamatan. Kadang-kadang bawa penjenayah ke mahkamah. Tolonglah media, media pun tolong bagi kerjasama. Gambar penjenayah dia

tutup hitam, tidak nampak. Gambar polis tunjuk. Ha, inilah hero kita. Kemudian esok hero itu apa akan jadi. Tahu-tahu, dengar-dengar di langgar motokar. Di tembak. PDRM ini, susu sebelanga kadang-kadang boleh rosak dengan kerana nila semangkuk. Sekarang tidak setitik...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin Samad:** Setitik tidak jadi apa dalam susu sebelanga. Semangkuk. Ramai yang sudah yang tidak betul...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin Samad:** Yang ini kita kena tegur. Yang ini kenalah kadang-kadang. Dia mengikut peredaran zaman. Macam Dato' Seri Shahidan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Gulung!

**Dato' Khairudin Samad:** Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Dato' Seri Shahidan saya hendak puji dia sebab dia hendak naikkan *term* kita ke lima tahun. Jadi, itu 56 dalam masa kita tahun ini. Jadi, yang ini kita kena tukar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Saya sempatlah sebut sedikit. Mintalah tolong media bagi kerjasama. Hendak tunjuk penjenayah, tunjuk. Janganlah tunjuk muka polis ataupun KDN Yang Berhormat Menteri tolong sediakan topeng. Biar mereka ini tidak terdedah kepada penjenayah yang lain, yang masih berkeliaran.

#### ■1520

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Saya sempatlah sebut sedikit, minta tolong media bagi kerjasama, hendak tunjuk penjenayah, tunjuk. Janganlah tunjuk muka polis ataupun KDN, Yang Berhormat Menteri tolong sediakan topeng. Biar mereka ini tidak terdedah kepada penjenayah yang lain, yang masih berkeliaran. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak di atas kesempatan yang diberikan. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih [Tepuk] Yang terakhir sekali Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat, 10 minit Yang Berhormat.

#### 3.20 ptg.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Pertama sekali terima kasih kerana memberikan peluang untuk sama-sama membahaskan. Saya sebenarnya ada dua perkara sahaja yang hendak dibicarakan. Satu ialah tentang seksyen 6. Tentang seksyen 6 ini telah banyak dibahaskan tentang bahasa dan juga istilah yang digunakan. Akan tetapi saya hendak mengambil aspek yang lain iaitu aspek implikasi daripada seksyen 6 ini. Seksyen 6, dalam subseksyen (2) teks yang dalam bahasa kebangsaannya dalam subseksyen (2)(a), "*Mengehendaki pemberi perkhidmatan komunikasi untuk memintas dan menyimpan komunikasi tertentu atau komunikasi dari keperihalan tertentu*". Yang dikatakan di sini ialah mengehendaki pemberi khidmat. Apabila pemberi perkhidmatan itu seperti memintas misalnya perbualan atau apa-apa yang berlaku di antara pihak-pihak tertentu. Ini boleh dianggap sebagai mencero bohi *privacy* dan soal *privacy* ini adalah satu perkara yang penting dan saya rasa perlu dipertahankan.

Melainkan kita hendak memintas perkara-perkara yang sangat serius dari segi keselamatan negara. Apabila kita sebut tentang memintas ini dan terutama sekali kalau ia berkaitan dengan keselamatan negara, bererti pihak yang memberikan perkhidmatan itu harus bekerjasama atau mungkin bekerjasama dengan pihak berkuasa yang tertentu, misalnya pihak polis ataupun pihak *special branch* dan sebagainya sama ada diketahui umum ataupun tidak. Sekiranya berlaku hal seperti ini, apabila masuk *special branch* dalam urusan ini, ada kemungkinannya bahawa yang dipintaskan itu bukannya soal keselamatan negara sahaja tetapi mungkin juga politik yang tidak ada kaitan dengan keselamatan negara.

Hanya untuk memantau apa yang berlaku, misalnya dalam bidang politik, bukan sahaja di antara parti yang berlainan tetapi parti yang sama umpamanya. Jadi, berertilah di sini kita pergi pada satu soal yang agak sensitif. Kita ketahui misalnya baru-baru ini telah timbul satu kontroversi yang besar oleh kerana adanya tuduhan pemintasan ataupun pemantauan perbualan yang melibatkan *Chancellor* Merkel di *Germany* dan melibatkan juga pemerintahan Amerika Syarikat. Ini sudah menjadi soal dunia dan apabila ada suasana dunia yang sangat sensitif kepada soal pemantauan seperti ini, maka dengan mudah sahaja, kalau kita melakukan sesuatu yang sama di negara ini maka kalau ia terkeluar dan memang sudah akan terkeluar ia sudah tentu sekali akan merosakkan imej negara. Bukan sahaja imej negara yang akan terjejas, bahkan ada juga terjejasnya soal *privacy*.

Perkara yang kedua ialah tentang pindaan seksyen 30. Di sini saya mendapat fahaman bahawa sebenarnya pindaan ini memberi kuasa untuk menahan seseorang yang telah dibebaskan daripada apa-apa tuduhan dan penahanan itu ialah sehingga selesainya proses rayuan. Kalau inilah yang dimaksudkan, maka beberapa persoalan akan timbul. Persoalan yang pertama ialah berkaitan dengan konsep keadilan. Adakah adil untuk ditahan misalnya seseorang semasa menunggu rayuan? Saya menganggap bahawa dengan pengetahuan saya yang cetek, bahawa penahanan seumpama ini adalah bertentangan dengan perlembagaan. Jadi, saya minta pihak kementerian mengkaji betul-betul soal ini...

**Dato' Khairudin Samad:** Yang Berhormat minta laluan. Minta laluan, boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Bolehlah.

**Dato' Khairudin Samad:** Tengah kayuh basikal juga. Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya katakan tadi. Kalau penjenayah itu penjenayah yang berat, kalau hendak tunggu rayuan kita hendak bebaskan dia, ini yang kadang-kadang jadi masalah. Kadang-kadang dia bebas bukan dia yang buat. Akan tetapi dia merancang perbuatan itu. Itu yang kita kkuatir. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Patutnya dia dengar dahulu apa yang saya hendak cakap.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Minta penjelasan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya telah katakan tadi...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Minta penjelasan sedikit, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kalau tidak silap saya, tujuan seksyen ini ialah untuk mereka yang dituduh dan dibebaskan di mahkamah. Bermakna mereka tidak bersalah. Akan tetapi kerajaan terus berhasrat untuk menahan mereka. Jadi, adakah itu kedudukannya Yang Berhormat?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya faham daripada pindaan ini dan sebab itu saya kata tidak adil kerana dia sudah bebas dalam mahkamah, patut dibebaskan dan tidak misalnya pihak pendakwa minta supaya ditahan. Kalau pindaan ini dibuat, saya beranggapan dengan pengetahuan cetek saya dalam perlembagaan, ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Misalnya dalam Bahagian II, soal kebebasan asasi, kalau kita ambil misalannya bahagian itu dan kalau kita ambil umpamanya Perkara 7 dalam Perlembagaan juga, Bahagian II antara lain, saya petik sedikit sahaja. *“Tidak ada seorang pun yang boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang”*.

Jadi, apabila dia ditahan sementara rayuan, itu melucutkan kebebasan dia. Melainkan mengikut undang-undang tetapi undang-undang itu baru hendak dibuat. Katakan lulus. Kalau lulus saya ingin bertanya, sebab ini ada kaitan dengan perkara 7(2), *“Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan atas sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan yang sama”*. Kita tidak tahulah sama ada dia akan dibicarakan kesalahan yang sama. Kalaulah misalannya ya.

Jadi, ini bererti pindaan ini akan bertentangan dengan maksud perlembagaan seperti yang saya fahami. Kalau pemahaman saya ini benar, saya ingin pihak kementerian mengkaji sehalus-halusnya pertentangan ini. Tidak salah undang-undang dibuatkan walaupun ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan misalnya menjamin kebebasan seseorang daripada ditahan tanpa bicara. Akan tetapi ISA boleh diluluskan untuk mengatasi hasrat perlembagaan itu tetapi yang saya tidak begitu pasti ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seminit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Adakah perkara seperti ini memerlukan 2/3? Kalau ia memerlukan sokongan 2/3, berertinya tidak boleh kita meluluskan ini kerana ia bertentangan dengan semangat perlembagaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Maka dengan ucapan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali itu tadi, selesailah sudah kita membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013. Ada seramai 13 orang yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Menteri dipersilakan menjawab.

### 3.29 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1530

Saya mendengar sebahagian besar daripada kalangan yang membahaskan undang-undang ini tadi dan saya ucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Senator Yang Berhormat. Seramai 13 orang menyentuh berbagai-bagai perkara. Jadi yang pertamalah kita bersamalah *share knowledge* ya. Hendak saya sebutkan ialah di bawah peraturan Dewan apabila satu-satu pindaan dibawa kita, hanya bahas soalan pindaan, bukan asas dasar ia Akta Ibu, itu pertama.

Kedua, kita tidak boleh sentuh Akta Ibu melainkan hanya menjurus kepada pindaan. Jadi ternyata sekali setelah mendengar dari semalam hingga hari ini jam 3.30 saya mendengar selain yang tidak didengar, saya hanya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang menyentuh dua-dua perkara. Bagi yang lain itu nampaknya tidak ada kena mengena dengan pindaan melainkan soalan dasar.

Jadi sebelum Yang Berhormat melenting saya jawab yang menyentuh pindaan dahulu ya. Pindaan ini hanya menyentuh dua perkara- seksyen 6 dan seksyen 30. Seksyen 6 ini saya amat bersetuju dengan ulasan Yang Berhormat Senator berhubung dengan perkara artikel Perlembagaan itu tadi. Satu berhubung dengan *intrude the privacy* itu, itulah kenapa kita bubuh di bawah peraturan undang-undang ini, *procedural* sebenarnya, undang-undang *procedural* iaitu tatacara yang kita hendak pinda ini. Kita bubuh di bawah seksyen 6 ini, ini satu pindaan untuk membolehkan pemintasan kepada komunikasi. Pemintasan kepada komunikasi ini mestilah dapat kebenaran daripada peringkat yang amat atas sekali daripada sudut penguatkuasaan. Tidak diberi kepada ASP, tidak diberi kepada Superintenden, *Assistant Commissioner* ataupun GP tetapi diberi kepada DPP menilai daripada semua sudut undang-undang dia.

Inilah sebabnya kita letak di bawah itu supaya apabila *Public Prosecutor* memberi kebenaran, barulah pemintasan itu dibuat. Harapan undang-undang ini ialah DPP dan AG ini ialah orang dilantik di bawah Perlembagaan dan mereka bebas daripada soalan politik. Politik ini kita semua tidak boleh bebas sebenarnya. Semua orang terlibat dengan politik. Jadi dalam politik yang kata saya sendiri ialah politik berpartian ini mungkin dia bebas. Harapan kita, dia bebas. Jadi itulah kenapa di *refer* kepada DPP, barulah pemintasan dibuat. Selepas pemintasan dibuat apa sahaja yang dia dapati, *insya-Allah* DPP akan membuang mana yang *private*, mana yang *political*. Hanya undang-undang ini menjurus kepada soalan jenayah. Jadi inilah penjelasan saya di bawah seksyen 6 pindaan yang kita hendak buat. Jadi kecurigaan Yang Berhormat Senator Syed itu saya berharap dapat kita redakan sedikit.

Soalan yang kedua ialah berhubung dengan pindaan kepada seksyen 30. Sebenarnya ini tidak ada pindaan sebenarnya. Undang-undang ini sudah lulus, sudah dipakai tetapi sebenarnya teks yang kita sendiri lihat ialah dalam teks Bahasa Melayu. Ini sebab kita hendak berubah hendak selaraskan teks bahasa Inggeris dengan teks Bahasa Melayu itu disamakan. Ini sahaja yang diperkenalkan di sini teks bahasa Inggeris dengan teks Bahasa Melayu ini, inilah bunyi teks Melayu dia. Kalau ada teks Melayu yang asal dalam yang diluluskan Dewan yang lepas ini, menyerupai ini berubah sedikit, dia berubah sedikit kerana inilah teks sahlah akan dipakai. Dalam pentakrifan mahkamah nanti inilah teks dipakai. Jadi undang-undang itu masih dipakai. Tiada perubahan daripada konsep falsafah dan penginterpretasinya. Ini kerana inilah teks Melayu, hanya penterjemahan daripada teks Inggeris ke teks Melayu inilah yang kita pakai, tidak ada perubahan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi juga saya ingin mengulas sedikitlah soalan kebebasan, soalan...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan secara panjang lebar isu fasal seksyen 30 ini kerana takrifan dan terjemahannya secara dasarnya sudah kurang

tepat. Pertama, sekali kalau kita tengok teks awal dalam bahasa Inggeris, dia tidak menyebut tentang *imprisonment*. Dia menyebut tentang *committing*.

Kedua, perbezaan antara persoalan penahanan dan pemenjaraan adalah dua perkara yang berbeza. Oleh kerana itu, kita punya dua pusat tahanan di Kemunting dan di Simpang Renggam, kedua-duanya bukan penjara tetapi pusat penahanan. Jadi pentakrifan yang betul nanti tidak akan mengelirukan mahkamah. Jadi apa salahnya kalau kita ada khilaf sedikit dari segi penaksiran, kita tarik balik atau kita pinda dalam Dewan yang mulia ini dan kita luluskan, tidak ada masalah. Akan tetapi kalau kita terus luluskan tanpa melihat tentang kesan jangka panjangnya, saya khuatir ia akan menyebabkan peruntukan itu walaupun mungkin tidak *significant* tetapi punya kesan yang mendalam semasa ia diguna pakai di mahkamah. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Biar saya berulang ke belakang Yang Berhormat. Saya berharap apa yang saya kata di sini boleh diambil kira apabila pentakrifan undang-undang dibuat. Apabila undang-undang lama dahulu dibuat, banyak orang menuduh bahawa janji-janji kerajaan di bawah undang-undang dahulu semasa kita melaksanakan Rang Undang-undang Darurat dahulu pada tahun 60-an. Apa sahaja janji-janji yang diberi nama besar yang dijanjikan iaitu nama Tun Razak dan sebagainya tetapi janji-janji Menteri dalam Dewan itu tidak dapat diguna pakai. Akan tetapi pada ketika itu kita menginterpretasikan undang-undang adalah dalam situasi yang berbeza, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila satu kes yang dinamakan *Pepper and Hart, 1990 House of Lord* meluluskan undang-undang, membuat keputusan sedemikian, akhirnya apa sahaja yang disebut oleh Menteri di sini akan menjadi satu garis panduan boleh *refer* kepada mahkamah bahawa *this is the interpretation* yang boleh diguna pakai. Ini kerananya daripada sudut *Parliamentary privilege* sebelum *Pepper and Hart* diputuskan bahawa, siapa sahaja termasuk hakim yang *refer*kan interpretasi kepada *Hansard* adalah *the breached of privilege Parliament*, yang tidak langsung boleh diterima oleh kerana peraturan yang telah ditetapkan pada 1688 berapa tahun dahulu iaitu *Bill of Rights*. Itulah perbezaan selepas 1990. Apabila selepas 1990, apabila Menteri berucap di sini mengata inilah suspek yang sah, *this is the guideline that we are going to use*. Hakim nanti akan mengambil kira apa yang saya cakap di sini.

Jadi satu, yang kedua Yang Berhormat. Kalaulah ada tempat-tempat yang tidak selaras penjarakah, *jail*kah, apa pun sekali tidak selaras dengan interpretasi di sini, ia akan diselaraskan oleh pihak penjara. KDN telah mengarahkan penjara untuk menyelaraskan undang-undang dengan penjara. Jadi Yang Berhormat penjelasan saya selain daripada mahkamah boleh mengubah pendaftar ini perbahasan di antara Yang Berhormat dengan saya *is academic exercise* sahaja. Terima kasih.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana jawapan. Cumanya Yang Berhormat Datuk ya, mahkamah cuma akan merujuk semula ke Parlimen atau *Hansard* Parlimen sekiranya berlaku kekaburan, kekeliruan, perkataannya tidak jelas. Akan tetapi dalam kes ini perkataannya jelas antara penjara dan penahanan. Dua perkataan yang berbeza. Dia bukannya benda yang kabur. Bila kabur, baru mahkamah rujuk pada niat Parlimen ketika meluluskan akta tersebut. Jarang sangat di mahkamah terutamanya di Mahkamah Rendah, peguam-peguam ini dia cari *Hansard* Parlimen hendak tunjuk dekat mahkamah hakim, jarang sangat, terlalu jarang kecuali peguam itu rajin lebih. Oleh

kerana itu, saya kata daripada awal tadi kalau benda ini kita boleh pinda balik, tidak susah. Satu ayat sahaja, kita pinda balik dan jadikan ia jelas kerana niat asal dalam huraian ini ialah untuk menyelaraskan ia dengan teks bahasa Inggeris.

■1540

Kalau kita hendak selaraskan betul, tafsirannya harus betul supaya tidak keliru nanti sewaktu pemakaiannya di mahkamah. Itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, tujuan *Pepper and Hart* ialah apa sahaja *to explain the intention of Parliament can be refer to Hansard*. Bukan kekeliruan bahasa sahaja Yang Berhormat. Sebab saya mengkaji secara menyeluruh, undang-undang *Bill of Rights* ini bersama dengan keputusan apa yang kita buat selama 300 tahun dalam Parlimen dan bersama dengan *Pepper and Hart*. Keputusan dia ialah untuk memperjelaskan *what is the Parliament intention*. Akan tetapi kalau teks sahih, undang-undang yang di bawa ke mahkamah menggunakan Bahasa Melayu *and this is the text* akan dipakai. *They will not refer to English text anymore*. Jadi, dengan izin, itu sahaja Yang Berhormat. Jadi, kalau ada itu nanti bagi tahulah peguam ini rajin-rajin sedikit, bawalah kes-kes *Pepper and Hart* itu ke mahkamah supaya mengambil penjelasan, supaya mahkamah di bawah itu diberitahu juga.

Sebab pendapat kita, peguam jangan ambil duit daripada *client* sahaja, tidak buat kerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu *beside the point*lah Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya cukup tahu juga kes ini sebab kalau tidak, takkan jawab macam itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya berpindah kepada persoalan yang lain. Dengan memasukkan kesalahan-kesalahan yang tadi, ada persoalan yang dibangkitkan. Anti Penyeludupan di bawah Bahagian III, Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007, Akta 670 yang mana memperuntukkan kesalahan membantu, menyediakan kemudahan perkhidmatan, menyembunyikan, mengangkat dan menyokong kesalahan bagi maksud penyeludupan migran atau migran di seludup dalam kes ini.

Jadi, latar belakang Yang Berhormat, ada yang bahas tadi berhubung dengan perkara ini, yang membangkitkan soalan ini ialah senang sahaja. Sebab kita dapati bahawa sindiket pemerdagangan orang dan sindiket penyeludupan migran ini ada hubung kait yang sangat rapat dengan pihak-pihak dituduh dan pihak-pihak yang bakal menjadi saksi. Banyak saksi-saksi tidak mahu beri saksi oleh kerana bimbang dan takut dengan pihak yang terlibat dengan penyeludupan ini sama ada sindiket atau tidak sindiket. Jadi, dengan keadaan sedemikian, kita hendak memberi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh undang-undang SOSMA ini supaya mereka juga akan terlindung daripada undang-undang kemudahan yang ada pada undang-undang SOSMA itu. Jadi, itulah penjelasan kenapa dia dibubuh di bawah ini dan bermacam-macam undang-undang yang kita beri di bawah sebagai *Schedule* kerana perubahan ini ialah untuk mengubahkan *Schedule* atau pun Jadual daripada tiga jadual kepada empat jadual yang kita masukkan ke dalam undang-undang ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, CPC ada persoalan Yang Berhormat Senator yang membangkitkan perkara ini. Itulah penjelasan kita oleh kerana kita hendak supaya pihak yang bakal menjadi saksi ini boleh mendapat perlindungan juga sebagaimana diberi perlindungan di bawah kes-kes SOSMA.

Jadi, Puan Senator Roslin binti Haji Abdul Rahman, membangkitkan isu sejauh manakah pindaan SOSMA boleh menyekat kegiatan keganasan subversif penyeludupan manusia? Harapan kita Yang Berhormat, apabila kes ini boleh di bawa ke mahkamah dan apabila kes di bawa ke mahkamah ini, saksi-saksi kita boleh memberi bukti di mahkamah. Sudah dapat kerjasama daripada mereka, kita berharap supaya dia boleh mengatasi masalah kebanyakan penyeludupan ini. Jadi, masalah yang kita sekarang hadapi ialah soalan saksi-saksi yang tidak mahu pergi ke mahkamah untuk membantu pihak polis.

Jadi, di sini juga kepada mereka yang memberi perlindungan, memberi bantuan, bermacam-macam lagi perkara yang boleh dibuat di dalam ini untuk membantu kita. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita berharap oleh kerana soalan penyeludupan manusia dan sebagainya ini ada hubung kait dengan Malaysia yang sekarang ini di bawah undang-undang ini kita diletakkan di bawah *tier 2, watch list American Report* itu. Sekarang sudah masuk *tier 3*, saya dimaklumkan. Kalau betul, tidak betul, saya tidak tahu. Yang saya dimaklumkan dahulu kalau tidak pada tahun 2014 ini kita akan tetap juga masuk *tier 3*. Jadi, kalau ini berlaku, tujuan kita meminda ini ialah harapan kita, kita naik semula, naik ke atas ke tempat yang lebih baik lagi.

Saya mengetahui mengapa kita menurun, oleh kerana masalah kita ialah ada perkara-perkara yang dikehendaki oleh pihak Amerika yang kita tidak boleh sesuaikan negara kita. Ini kerana sekarang pun kita sudah menarik perhatian ramai, banyak penyeludupan orang masuk, ramai pendatang asing ke negara kita ini duduk di negara ini. Kalau di Amerika mesti di *legitimizen* kehadiran mereka, diberi pekerjaan. Mahukah masyarakat Malaysia? Mahukan Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang mana sahaja orang datang dekat sini kita beri *work permit* dengan dia, *legitimize* kehadiran mereka. Maknanya, kita akan *looting* begitu rupa hingganya negara kita ini penuh dengan orang asing. Jadilah negara kita macam negara-negara lain. Akan tetapi...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, tunggu dahulu Yang Berhormat ya, saya habiskan. Amerika boleh buat undang-undang sedemikian, boleh menerima sedemikian. Orang lari hanya daripada *Mexico* sahaja, orang Kanada takkan lari ke Amerika. Jadi, di negara kita ini kita di pertengahan. Negara yang ramai hendak datang ke sini. Orang Indonesia hendak datang ke sini, *Myanmar* kalau dapat seluruhnya, setengah rakyat *Myanmar* hendak datang ke sini dan rakyat di negara-negara lain lagi. Sri Lanka dan banyak lagi hendak datang ke sini mencari pekerjaan.

Kalau undang-undang ini kita ikutkan macam mana yang Amerika buat, akhirnya negara kita penuh dengan mereka ini sahaja. Dengan halangan ini pun kita sudah menerima berapa juta rakyat datang ke sini untuk mencari nafkah dan pekerjaan. Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana menjawab dengan panjang lebar. Cumanya saya rasa Yang Berhormat Datuk agak salah faham bila saya katakan kedudukan Malaysia dalam keadaan *tier 3*. *Tier 3* bermaksud bukan kerana kita hendak tunduk kepada desakan Amerika untuk bagi layanan kepada pendatang asing tanpa izin, atau pekerja asing. Apa yang disebut sebagai *tier 3* ini, kita di bawah pengawasan khas kerana aktiviti penyeludupan manusia, pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Ia berlaku terlampau *rampant* di Malaysia. Apa yang berlaku bukan hanya kita sebagai negara sasaran akhir tetapi kita juga diguna pakai sebagai



negara transit pemerdagangan manusia. Sebab itu saya sokong benda ini masuk dalam pindaan ini kerana kita mahu tindakan tegas di buat. Kita bukan hendak suruh orang itu datang kerja, layan lebih pada orang Malaysia. Tidak!

Itu kena jelas kerana kita hendak keluar daripada *tier 2*, kita jatuh kepada *tier 3*. Kita hendak *tier 2*, naik ke *tier 1*. Yang penting ialah faktor kemanusiaan kita dan juga faktor penguatkuasaan kita harus berjalan seiring supaya kita tidak terus terletak di *tier 3*. *Tier 3* ini sudah habis dah, tidak ada bawah lagi dah. Dia tidak ada *tier 4*. Orang Kedah kata *tier* yang paling lekeh. Kerana itu, kita minta agar penguatkuasaan. Saya sentiasa tekankan tentang soal penguatkuasaan, bukan soal terus pinda atau gubal undang-undang. Itu yang penting mesejnya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya pun tidak sebutkan nama tadi. Mana ada saya sebut nama sesiapa yang hendak menyokong apa-apa benda Yang Berhormat sebenarnya. Saya tidak ada, belum sebut nama mana-mana wakil rakyat atau pun senator yang mengatakan sokong undang-undang Amerika itu. Saya setuju. Jadi, penguatkuasaan ini Yang Berhormat dengan adanya pindaan ini jangan ada kemudahan-kemudahan yang saya sebut di bawah SOSMA ini supaya kita melaksanakan penuduhan, apa sahaja dalam mahkamah dan kerjasama daripada pihak saksi. Kita berharap tindakan kita lebih ketat lagi, lebih baik lagi.

Daripada sudut penyeludupan manusia ini, ada dua-dua perkara dan penyeludupan migran ini dia dua perkara. Umpamanya, orang ini di bawa masuk ke negara ini. Dia masuk secara halal sebenarnya. Ia dibolehkan masuk dan sebagainya tetapi apa yang berlaku, mereka ini tidak diberi pekerjaan yang sebetulnya, bukan pekerjaan sebenarnya yang membuat penganiayaan ini.

#### ■1550

Sebenarnya pihak yang menganiaya ialah pihak-pihak dahulunya iaitu *the outsourcing company*. Selepas itu ada juga majikan-majikan yang *betray* pekerja-pekerja ini, apabila datang dekat sini dia tidak ada pekerjaan yang dijanjikan. Janji-janji mereka tidak ditepati. Kadang-kadang pekerja-pekerja ini pula pindah daripada satu pekerjaan sektor ke satu sektor yang lain. Daripada sektor yang murah itu- jadi mereka ini tidak mendapat *the renewal of* dia punya kedudukan dalam Malaysia. Ini menjadikan jumlah pendatang asing yang dikatakan telah di seludup masuk ke negara ini menjadi berlebihan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua biar saya pindah kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar turut membangkitkan keseriusan PDRM menangani kewujudan lorong tikus yang semakin berleluasa dan menggugat keselamatan negara. Lorong tikus adalah terminologi yang diguna pakai laluan, selain daripada laluan yang sah. Ia bukanlah satu laluan berkenaan yang boleh berkekalan yang boleh berpindah mengikut masa dan keadaan setempat. Kebiasaannya lorong tikus digunakan oleh penyeludup untuk menyeludup barangan untuk mengelak daripada membayar cukai dan barangan yang dilarang dan juga menyeludup manusia ke dalam negara ini.

Umumnya mengetahui bahawa sempadan negara Malaysia begitu luas sama ada sempadan di lautan dan juga daratan. Sebagai contoh sempadan Malaysia dengan Thailand bermula daripada Pantai Bukit Batu Putih, Kuala Perlis sebelah barat hingga ke Kuala Tak Bai, Tumpat, Kelantan di sebelah pantai timur. Sempadan tersebut berukuran 646 kilometer iaitu 551 kilometer sempadan darat dan 95 kilometer

adalah sempadan sungai. Begitu juga sempadan negara dengan Kalimantan, jaraknya ialah 1,400 kilometer. Dengan keluasan sedemikian lorong-lorong tikus boleh wujud di mana-mana tempat yang bersempadan dengan negara-negara asing.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat kita merancang untuk mengikut halangan-halangan yang tertentu umpamanya kita sudah merancang untuk mengadakan *electronic fencing* di sempadan Kelantan dengan Thailand yang mana dinilai sebagai satu tempat yang banyak membuahkn penyeludupan di kawasan tersebut, sebagaimana yang saya sebutkan pada awal tadi. Di Sarawak kita juga merancang untuk membina lebih banyak pos-pos yang tertentu di sepanjang sempadan. Akan tetapi apa sekali pun tindakan kita, sempadan kita memang panjang, boleh bila-bila masa ditembusi. Dalam keadaan demikian kita juga merancang untuk memperbanyakkan sedikit lagi anggota PGA yang berkeupayaan tinggi untuk mengawal di sempadan khususnya di Sarawak dengan Kalimantan dan begitulah juga di Semenanjung dengan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua banyak jawapan ini kalau saya hendak baca semua nanti dia tidak ada masa hendak jawab orang lain. Saya ingin menjawab Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman yang membangkit isu keberkesanan akta dapat membendung kegiatan kongsi gelap terutama sekali bagi penyeludupan senjata api. Jadi ini saya boleh jawab bersama dengan soalan apa yang saya sebutkan tadi. Apabila kawalan berhubung dengan *electronic fencing* di Selatan Thailand...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tanya sikit. Agaknya berapakah banyak lubang-lubang tikus di negara ini?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, lubang-lubang tikus di sempadan Thailand itu saya tidak ada angka yang tepat Yang Berhormat. Akan tetapi kalau di sempadan Sarawak dan Kalimantan itu saya ditaklimatkan hanya dua bulan lepas, tidak kurang daripada 65 lubang-lubang tikus.

Ada sebahagian lubang-lubang tikus itu boleh di masuk lori juga Yang Berhormat. Jadi ianya bukan lubang tikus lagi, lubang lori. Jadi kita memantau lubang-lubang tikus yang sebesar lori ini dan kita mengambil tindakan Yang Berhormat supaya ia tidak menjadi satu laluan yang bakal dipakai bila-bila masa oleh pihak penyeludup.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa tidak tutup lubang tikus itu? Bila hendak tutup?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang Sarawak termasuk- Tuan Yang di-Pertua kalau dapat kita hendak beluak benteng daripada Tanjung Datu hinggalah ke sempadan berdekatan dengan Bario itu dengan sempadan Indonesia supaya lubang-lubang ini boleh tertutup Yang Berhormat.

Jadi masalahnya kos yang begitu tinggi sekali, walaupun saya sendiri bersetuju bahawa jangan kompromi kos dengan soalan keselamatan. Akan tetapi dalam masa yang sama tentera Malaysia, tentera Kalimantan telah menjalinkan kerjasama untuk mengawal keadaan yang berlaku di Sarawak dan Kalimantan. Seterusnya disokong oleh pihak PGA kita dan Kementerian Dalam Negeri di seluruh kawasan. Kita juga akan bakal menubuhkan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di Sarawak dan juga di

Sabah untuk mengatasi masalah ini. So Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin ini boleh mengurangkan insiden penyeludupan yang saya sebutkan tadi.

Jadi yang disoal oleh Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman membangkit isu seludup senjata api. Kalau ini terlaksana *insya-Allah* kita berupaya mengurang, menurun ataupun menghalangkan penyeludupan senjata api ke negara kita Yang Berhormat. Kalau dapat semua rancangan-rancangan itu dilaksanakan.

Jadi saya ingin juga menjawab soalan yang membangkit tahanan dengan SOSMA berhubung dengan fitnah seperti *Facebook* atau lain-lain media sosial secara sewenang-wenangnya dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong. Yang Berhormat sebenarnya tindakan bersama di antara polis dan juga pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah kita rancang dan kita memantau keadaan ini. Walaupun hakikat kerajaan, kita tidak akan mengharamkan penggunaan alternatif media ataupun media sosial ini di kalangan masyarakat Malaysia kerana dia ada hubung kait dengan industri itu sendiri, ada hubung kait dengan kebebasan itu sendiri dan berhubung kait dengan banyak perkara.

Kalau kita berhentikan ini sebagaimana Yang Berhormat Menteri yang berucap di sini semasa saya duduk di sini dua hari lepas pun menyebutkan perkara ini. Bahawa kita tidak akan mengharamkan media sosial walaupun ia mendatangkan kesan. Ia samalah kalau pada kalau kita lihat oleh kerana berlakunya kemalangan jalan raya kita tidak akan berhenti buat jalan. Kita melihat motor yang berlaku *accident* tidak akan kita berhenti jual motor. Jadi kita cuba menggunakan undang-undang mengatasi masalah sedemikian. Setakat ini kita mempunyai banyak kes yang telah kita selidiki dan kita akan bawa ke mahkamah, *insya-Allah*. Dengan sokongan Yang Berhormat kita akan berjaya mengatasi masalah ini dan mengurangkan insiden fitnah ini.

Bahkan kita merancang untuk mewujudkan undang-undang baru kalau di bawa ke Dewan ini nanti dapat sokongan Yang Berhormat untuk menggantikan undang-undang yang kita sedia ada. Undang-undang berhubung dengan fitnah, penghinaan kepada Islam, penghinaan kepada raja dan sebagainya ke Dewan ini, *insya-Allah* kita akan bahaskan bersama berhubung dengan perkara tersebut.

Jadi Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar menyoal bahawa adakah kementerian menggunakan peranti? Peranti ini rantaiakah Yang Berhormat? Perantai ini kita tidak pakai. Kalau perantai ini saya tidak faham. Perantai ini *chainkah*? Akan tetapi undang-undang yang baru kita keluar dan lulus ini ialah kita akan gunakan perantai pengawasan elektronik. Saya Bahasa Melayu ini minta maaf sikit. Perantai...

#### ■1600

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Peranti bukan perantai, peranti.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Peranti ini, cakap Melayu saya tidak faham. *Electronic device* ini ya- *electronic device* ini kita perkenalkan di bawah undang-undang dan kita telah luluskan undang-undang itu. Jadi dengan sendirinya kita sudah berbincang dengan pihak pembekal pada masa sekarang. *Insya-Allah* kita akan dapat pada tahun 2014 ini, nanti iaitu peranti pengawasan elektronik, *electronic monitoring device* ini akan diperkenalkan. Sebagaimana yang telah diperkenalkan di negara-negara...

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya mencelah?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Di negara-negara yang lebih maju daripada kita.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Peranti itu tadi ialah *the electronic device*. Kalau di US dia ikat di kaki, gelang kaki dan dia ada *monitoring device*. Itu sahaja [Tepuk]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Itu- terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pengetahuan saya pun dua kali lima soal peranti dan perantai tadi. Kalau dia kata bahasa Inggeris, saya terus tahu. Kalau bahasa Inggeris itu *electronic monitoring device* itu, terus faham saya. Oleh kerana dia sebut dalam peranti pengawasan elektronik, itu saya tidak faham. Sebenarnya cerita sama, bukan rantai disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman, rantai tetapi *electronic monitoring device* telah dipakai di Amerika dan banyak negara lain dan *monitoring* ini ia bermacam jenis. Saya juga sudah melihat peranti yang diperkenalkan di Singapura tetapi saya dapati bahawa banyak lagi produk-produk yang canggih. Jadi berlandas kepada kemampuan kita hendak beli jenis mana yang perlu kita dapat.

Ada peranti yang didapati ia disimpan di kaki. Apabila telah diaturkan, ia kalau seseorang memakai itu berjalan ke satu tempat, bila dia sampai ke persempadanan yang dia tidak boleh keluar lagi, mesin di kaki dia itu akan bagi tahu dia, "*Eh kawan jangan melalui laluan ini kerana sudah habis perjalanan you, kena balik ke belakang semula*". Dia boleh bagi notis dan dalam masa yang sama, peranti juga akan memberi nota kepada *control centre* mengatakan 'A' bin 'B' ini telah sampai ke sempadanan, dia tidak boleh pergi lagi. Jadi ada dua, *two-way traffic control* dia. *Control centre* mengetahui di mana orang itu berada dan juga peranti ini boleh memberitahu kepada pemakai, ia yang dia sudah hampir terkeluar pada garis panduan yang dibenarkan.

Akan tetapi yang dipakaikan di negara Singapura tidak begitu canggih, ia macam jam ini sahaja. Dia pakai warna hitam, ia mudah, ia senang, ia tidak nampak sangat tetapi ia hanya boleh mengawal, dikawal oleh *control centre* sahaja. *Control centre* mengetahui di mana orang itu berada dan *control centre* itu terus boleh bergegas ke tempat tersebut untuk menghalang dia daripada keluar daripada kawasan. Akan tetapi banyak lagi alat-alat yang lebih canggih daripada apa yang telah diperkenalkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman juga menyoal soal *anti-SOM* di masuk ke dalam SOSMA, mencegah penyeludupan migran dan jenayah. Tadi saya telah jawab secara panjang lebar berhubung dengan penyeludupan migran dan orang ini tadi. Ini juga sudah saya masuk, jawab iaitu kenapa masuk dalam SOSMA, soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman juga. Satu lagi ialah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, kepakaran untuk menjalankan penguat kuasa. Adakah PDRM bersedia dari segi *criminology forensic ballistics*, pengklonan data berkenaan penjenayah.

Saya- ada Yang Berhormat kata tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri baca nota daripada pegawai. Saya letaklah. Saya tidak hendak jawab itu. Saya jawab sendiri. Anak saya pengkaji *criminology* dan *forensic*. Bila dia balik daripada universiti awal tahun ini, saya suruh dia masuk ke *forensic life* kepunyaan polis. Selepas itu dia kata abah kata dia, "*The forensic lab belongs to the police is*

*one of the most sophisticated, is most modern and most up to date*", kata dia. Jadi dalam pandangan saya, kalau anak saya yang biasanya *very critical* ini dalam sudut kemodenan perkara, memberi pujian yang begitu tinggi kepada pihak *forensic* dan *lab police* ini, saya cukup yakin siapalah saya yang tidak mempunyai kepakaran atau pun pengajian yang khusus dalam bidang ini mengetahui. Jadi saya cukup yakin, pegawai di belakang itu pun kalau dia bukan orang forensik atau pun bukan orang kriminologi mungkin tidak boleh memberi jawapan yang begitu baik sebagaimana yang anak saya sendiri bagi.

Minta maaf saya sebut anak sayalah, sebab dia mengaji dalam bidang yang sama. Dia mengaji di University Keele di *Stoke-on-Trent* di England sekarang. Jadi dia bagi tahu begitu canggih, selepas itu dia kata *the standby* punya unit. Kata dia, dia duduk di situ di *lab* dia mengetahui di mana berlakunya perkara-perkara yang mana polis terpaksa bergegas, yang mana *forensic group* dia terpaksa pergi ke tempat itu.

Jadi apa yang tinggal pada kita ialah berapa banyak *criminologist* yang kita boleh *employed*, berapa banyak *forensics scientist* yang kita boleh *employed*, berapa banyak *support equipment* dan *support vehicle* atau alatan yang boleh kita bekalkan kepada pihak polis. Ini ditentukan oleh kerana kerajaan sekarang serius menangani masalah ini. Kita hendak melihat supaya polis kita memang ke hadapan dalam sudut teknologi. Jadi *insya-Allah* ini akan diambil kira dalam kita merancang polis pada tahun 2014. Sumber kewangan sebagaimana Yang Berhormat mengetahui, PDRM mendapat bekalan yang terbesar daripada badan-badan lain dalam KDN.

Jadi kita memastikan supaya pihak polis mengguna dengan sebaik mungkin sumber kewangan yang telah diagihkan kepada mereka yang telah kita luluskan baru tiga hari lepas, sehari lepas di Dewan yang mulia ini. *Insya-Allah* kita dapatlah membekal yang lebih sikit, lebih lagi kepada pihak *lab forensic ballistic* dan penilaian forensik ini atau pun DNA ini juga kita jalankan.

Berpindah saya kepada Yang Berhormat Senator Boon Soom sekali lagi berhubung dengan penyebaran maklumat melalui media sosial boleh atau tidak diambil di bawah SOSMA. Ia begini Yang Berhormat, media sosial ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah lagi?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya baru bagi mukadimah awal tadi. Sikit sahaja yang menyentuh pindaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, Yang Berhormat *concentrate* tentang itu sahajalah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi saya sudah jawab apa di bawah ini. Jadi yang lain itu sebenarnya hanya menjawab kalau tidak kesianlah tengok berucap panjang lebar sampai ke luar ini, tidak dijawabnya kecil hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat, kalau yang tidak relevan ini bagi- bukan tidak relevan, maknanya kalau yang berkenaan itu Yang Berhormat boleh- maknanya yang penting bagi pendapat Yang Berhormat wajar menjawab, beri jawapan. Saya mempersilakan, dan kalau boleh...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba diringkaskan. Sila. Ya Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak tanya sikit, adakah Yang Berhormat menjawab *sequences* mengikut orang yang bercakap atau *sequence* mengikut tema yang dipercakapkan? Ini kerana saya mula-mula tadi, jawapan saya- perkara yang saya timbulkan saya rasa cukup relevan. *Direct* ada hubung kait langsung dengan rang undang-undang ini. Akan tetapi saya tunggu-tunggu tidak ada perkara itu dijawab. Jadi saya mahu tahu sama ada Yang Berhormat menjawab *sequences* mengikut orang yang bercakap atau mengikut tema-tema yang ada di dalam perkara-perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Oleh sebab saya yakin benar bahawa apa yang saya timbulkan adalah perkara yang cukup relevan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya betul Yang Berhormat. Agaknya- Yang Berhormat ada tidak agaknya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus menyentuh berkenaan ada tafsiran, makna dan sebagainya. Kalau ada itu, kalau tidak ada tolong jawab sikit.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tengah memegang teks jawapan daripada pegawai berhubung dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus berhubung dengan beberapa perkara. Banyak perkara yang dibangkitkan iaitu salah satu daripadanya ialah soalan takrifan berkenaan dengan pemerdagangan orang ini dalam Akta Anti Pemerdagangan Orang.

#### ■1610

Ini satu persoalan yang dibangkitkan. Pemerdagangan orang ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pembekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan termasuklah perkataan merekrut, mengangkut, memindah, melindungi, menyedia atau menerima seseorang bagi maksud akta ini. Jadi, ini satu takrifan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator. Satu interpretasi juga dikehendaki ialah minta maaf ada yang bertanya- Menteri baca sahaja. Interpretasi ini tidak boleh dibezakan, saya tidak boleh cara itu kena baca, peguam dalam mahkamah juga kena baca teks itu.

Penyeludupan migran ertinya mengatur, memudah atau merancang secara langsung atau tidak langsung kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui atau penyeludupan seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara di mana orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah dan merekrut, mengangkut, memindah, menyembunyikan, melindungi atau menyedia apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksana perbuatan apa yang saya sebut terdahulu daripada itu tadi.

Jadi ini dua interpretasi yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator..

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya tanya sedikit? Adakah interpretasi itu, definisi itu *definition operational* atau *definition legalistic* yang telah memang terkandung di dalam akta-akta berkenaan? Oleh sebab kalau kita bercakap mengenai definisi atau takrif, ada takrif untuk kegunaan tertentu sahaja dan ada takrif mengikut *legalistic* nya. Jadi yang saya hendak tahu sama ada takrif yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang terkandung di dalam akta-akta yang berkenaan.

Selain daripada itu untuk saya tidak bangun terlalu sering Tuan Yang di-Pertua, saya juga menanyakan semenjak iklan memberikan amaran kepada orang-orang yang terlibat dalam pemerdagangan manusia diiklankan di pejabat-pejabat imigresen, berapa kes kah setakat ini telah dikenakan, yang telah di reman atau macam mana. Oleh sebab kalau iklan itu saya rasa sudah empat, lima tahun, sudah semestinya sepanjang tempoh itu tentu ada yang melanggar dan melanggar harus ditangani, dihadapi. Itu yang saya hendak tahu sama ada berapa kes yang telah dikenal pasti, berapa yang telah didakwa, berapa yang telah diputuskan dan apakah keputusannya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, soalan yang pertama tadi berhubung adakah itu ada dalam akta? Jawapannya ialah dalam akta. Jadi, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat Senator lagi satu, bahawa baru-baru ini kita telah melancarkan buku SOP, *Standard Operating Procedure* untuk soalan kes-kes di bawah Anti Pemerdagangan Orang dan penyeludupan. Dalam itu kita menggariskan satu persatu berhubung dengan apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua- bila saya sebut itu kerana dalam polis, kita sebut macam ini. *Ingredient of law, ingredient of section* itu sendiri kita gariskan dan selepas *ingredient* itu sesiapa sahaja yang membuat penyiasatan mesti memenuhi semua *ingredient* ini, kalau tidak cukup *ingredients* ini, ia belum lagi dikatakan mencukupi di bawah undang-undang ini.

Maknanya sama ada dikatakan *legalistic interpretation* ataupun *operational interpretation* sebenarnya tidak ada, tidak wujud. Apa yang dikatakan *legalistic interpretation* ini ialah menjadi *operational interpretation*. Kedua-duanya dipakai sekali, kalau tidak yang *operational* itu tidak akan mendatangkan kesan kepada apa yang dibuat oleh pihak- kerana apabila kes ini datang ke mahkamah nanti, tidak cukup *ingredient* dipenuhi, ia tidak akan berjaya di mahkamah. Jadi Yang Berhormat Senator, itulah sebenarnya penjelasan saya berhubung dengan istilah itu tadi.

Soalan kedua tadi apa?...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Semenjak iklan memberi amaran kepada pihak-pihak yang melakukan pemerdagangan manusia itu dipamerkan di pejabat-pejabat imigresen terutamanya, saya hendak tahu berapakah kes yang telah dikenal pasti, berapa pihak berkenaan yang telah dituduh dan berapa yang telah dibicarakan dan apakah keputusannya? Oleh sebab kalau memang telah ada diiklankan begitu tentu ada yang melanggar. Jadi, apakah tindakan kita terhadap orang yang melanggar peraturan, yang melanggar amaran terhadap orang-orang yang melakukan pemerdagangan manusia itu?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa sekarang saya tidak ada mempunyai itu. Saya boleh memberikan jawapan secara bertulis, soalan fakta spesifik yang baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi jawapan bertulis sahaja kepada Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ...Akan tetapi yang tadi sebabnya kita menyimpan, meletakkan undang-undang Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di bawah SOSMA ini sebab kita untuk memudahkan saksi-saksi yang tidak mahu lagi tadi menjadi saksi kita. Itulah kenapa menjadi satu penghalang. Sebelum jadual ini diluluskan, ia menjadi satu penghalang kepada pihak-pihak saksi yang tidak mahu ataupun tidak dapat datang memberikan kerjasama dengan pihak polis.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua dengan secara spesifik memberitahu dan saya telah menjawab soalan-soalan yang terus ataupun relevan kepada peraturan ini secara kebanyakannya cukup pada pandangan saya dan ada lagi soalan-soalan yang mungkin tidak secara *direct* dibangkitkan di bawah undang-undang ini mengikut peraturan Dewan Negara supaya dijawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

#### **Fasal 1 hingga 4 -**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya cakap, terus- sebab saya tidak mahu timbulkan waktu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi kerana saya hendak menimbulkan dalam Jawatankuasa. Tadi saya menanyakan tentang sama ada yang hendak dipotong ini perkataan komunikasi atau telegraf. Kata di sini perkataan telegraf...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, boleh bangkitkan semasa Jawatankuasa nanti.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sebab itu yang saya hendak tanyakan.

**Tuan Pengerusi:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Boleh itu dalam peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Yang mengelirukan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kertas DR11023 ini, saya memang kejahilan saya mengenai undang-undang barangkali. Akan tetapi, di sini dikatakan perkataan komunikasi diulang beberapa kali, tetapi di sini pula dikatakan bahawa dengan memotong perkataan komunikasi hendaklah selepas telegraf sedangkan perkataan telegraf tidak pernah muncul sama sekali. Mungkin ini *typo error* atau bagaimana? Itu yang saya hendak timbulkan atau *typo error* atau kejahilan saya.

#### **■1620**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat semua, di peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat secara spesifik boleh bertanya untuk penjelasan. Yang Berhormat Menteri pun boleh jawab, barulah kita teruskan. Ini prosedur biasa, sila ambil perhatian ya. Sekarang ada yang lain-lain hendak bercakap?



Kalau tidak ada saya silakan. Ada siapa-siapa lagi hendak bercakap di peringkat Jawatankuasa ini selain daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus? Kalau tidak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri jawab secara spesifik soalan atau pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Satu lagi yang saya timbulkan kerana ini spesifik juga. Tentang istilah "beres" dengan keputusan itu tadi. Selain daripada saya, ada dua tiga orang yang lain menimbulkan juga, saya rasa sama ada dalam Dewan ini atau di kantin tadi.

Saya mencadangkan supaya keadaan ini- dalam Jawatankuasa boleh cadangkan perkara yang lebih spesifik. "*Sementara menunggu beresnya rayuan*". Perkataan "beres" ini berasal daripada bahasa Jawa yang tujuannya sudah memang berlaku sebagaimana kita kehendaki. Kalau dia kata "*Beresnya rayuan*". Maknanya rayuan itu telah selesai mengikut kehendak yang merayu. Akan tetapi di sini pengertian bukan itu saya rasa. Apa yang dimaksudkan di sini ialah menunggu keputusan rayuan bukan menunggu beresnya rayuan. Kalau menunggu beresnya rayuan bahawa perkara yang kita rayu itu telah membuahkan harapan yang kita ingini. Itu antara perkara yang saya timbulkan tadi dan ditimbulkan oleh rakan-rakan. Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, sama ada ini kesilapan Pejabat *Attorney General's* atau siapa? Kalau kemusykilan saya ini ada asasnya. Adakah ini kerana kecuaiian Pejabat *Attorney General's* atau memang saya yang silap atau kementerian terlepas pandang?

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Perkataan "komunikasi" atau "telegraf"- perkataan yang dipotong ialah perkataan "komunikasi" yang terdapat selepas perkataan "telegraf". Ini kerana peranan bahasa Inggerisnya ialah- *by post or telegraphic, telephonic or other communication*. Peranan Bahasa Kebangsaan akan dibaca- dihantar melalui pos atau satu komunikasi telegraf, telefon atau komunikasi lain. Jadi, dia memotong perkataan "komunikasi". Jadi, itu tadi perkataan yang baru. Perkataan *press* atau pun rangkai kata yang baru di buat. Di hantar melalui pos atau komunikasi telegraf, telefon atau komunikasi lain. Maknanya ada kelebihan perkataan komunikasi itu. Satu kelebihan itu dipotong.

**Tuan Pengerusi:** So, Yang Berhormat kena buat spesifik penjelasan itu, diharap dicatatkan supaya dapat dipinda yang sewajarnya, mungkin akan *typo error*, mungkin dari soal bahasa, ini undang-undang Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri pun pegawai undang-undang juga, *it is a matter of very important word* yang perlu kita gunakan, yang tepat. Tidak mengapalah, agaknya kalau Yang Berhormat mengaku itu, pindaan sewajarnya patut dibuat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi inilah sebabnya untuk ketepatan penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Perkataan "komunikasi" itu dipotong...

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya faham, ini pihak *draftsman* Yang Berhormat. Masing-masing mempunyai keupayaan menggunakan bahasa antara dua ini. Okey, Yang Berhormat tetapi nampak ada perbezaan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Soalan kedua perkataan "beres". Perkataan "beres" ini adalah untuk menterjemahkan perkataan "*disposal*." Untuk makluman Dewan, peranan perkataan yang digunakan dipilih dengan teliti untuk memastikan bahawa peranan setiap perkataan itu

tepat dan merupakan peranan eksklusif kepada bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris. Jadi Peguam Negara mempunyai khazanah istilah undang-undang yang dibincangkan bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Khazanah istilah undang-undang tersebut dijadikan panduan dan perlu diikuti oleh setiap pegawai penggubal dan menyediakan teks Bahasa Kebangsaan setiap rang undang-undang tersebut.

Jadi, inilah kenapa perkataan "beres" itu- saya pun, kalau saya duduk di sana membahaskan soalan ini, saya pun akan bertanya juga kenapa kita import bahasa jawa ini ke dalam teks?

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapa Yang Berhormat, sekarang ini Yang Berhormat pun sedar, yang Yang Berhormat pun sedar, saya pun sedar, so, saya harap Yang Berhormat betulkan perkara itu dan ikut yang sewajarnya...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau macam itu, boleh atau tidak kita maklumkan secara spesifik kepada Pejabat *Attorney General's* tentang keraguan penggunaan kata-kata yang sepatutnya *precise* dan spesifik ini. Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri berada di sini, beliau juga akan menimbulkan kenapa perkataan "beres"? Jadi saya rasa ini Pejabat *Attorney General's* hendak kena ingatkan juga sedikitlah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat, kita terima Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Agaknya Yang Berhormat sudah jelaskan tadi. Sama-sama kita ambil proaktif dalam perkara ini dan Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri berhubung dengan pihak Jabatan Peguam Negara, pihak *draftsman* dan sebagainya. kedudukan yang sebenarnya patut diperbetulkan, diperbetulkan dengan syarat agaknya- ini ialah keraguan dan keresahan yang berlaku. Tanpa buang masa lagi saya teruskan, fasal tadi. Silakan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, saya ingat saya...

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

*[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) 2013**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat juga?... Oh, silakan Yang Berhormat.

**4.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Penjara itu di bawah KDN Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 diperkasakan seperti mana yang telah dibentangkan pada sesi yang lalu, beberapa pindaan yang selari terhadap sepuluh rang undang-undang turut dibuat termasuk Akta Penjara 1995 [*Akta 537*]. Pada masa ini seksyen 7(1), Akta Penjara 1995 hanya membenarkan tahanan reman dan tahanan sabitan tahanan di tahan tidak lebih daripada satu bulan di lokap balai polis dan juga di bangunan mahkamah.

Oleh yang demikian bagi membolehkan orang-orang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 boleh ditahan di lokap balai polis atau pun di bangunan mahkamah tidak melebihi 60 hari. Maka, pindaan atas Akta 537 adalah perlu. Rang undang-undang ini memperuntukkan pindaan seperti yang berikut:

**■1630**

Pertama, meminda seksyen 7 untuk memasukkan subseksyen baru, 1A, untuk memberi kepada Menteri kuasa menetapkan lokap di mana-mana balai polis, bangunan mahkamah dan tempat bagi mengurung orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 seperti mana yang dinyatakan dalam fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan membolehkan pihak polis menahan orang-orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 selama tidak melebihi 60 hari di balai polis atau di bangunan mahkamah bagi siasatan dan menjalankan *inquiry*. Sehubungan dengan itu, pindaan ini juga akan dapat memudahkan proses siasatan *inquiry* dan orang yang ditahan untuk menghubungi keluarga dan peguam pilihannya di suatu tempat yang sama di samping untuk memastikan keselamatan orang yang ditahan tersebut terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong? Silakan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjara 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Sebelum Yang Berhormat mulakan perbahasan ini, suka cita saya maklumkan kita ada empat orang yang berhasrat untuk berucap. Kalau boleh, mengikut peraturan di peringkat akta ini ialah satu Akta lbunya ada, tetapi ada pindaan kepada pindaan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dari tadi. Saya harap, Yang Berhormat khusus kalau boleh kepada pindaan itu sahaja dan kalau hendak sebut berkaitan dengan permasalahan itu, boleh tetapi jangan terlalu panjang.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Selepas itu, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani. Empat orang sahaja. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah.

#### 4.32 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana berkesempatan memberikan saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat bagi pengurungan orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 yakni Akta 297 adalah bertepatan pada masanya. Pada masa ini, seksyen 71, Akta Penjara 1995 hanya membenarkan tahanan reman dan tahanan sabitan ditahan tidak lebih daripada satu bulan di lokap, balai polis dan juga bangunan mahkamah. Oleh yang demikian bagi membolehkan orang-orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 boleh ditahan di lokap, balai polis ataupun di bangunan mahkamah tidak melebihi 60 hari, maka perbahasan berhubung IUE ini adalah perlu.

Dalam membahaskan rang undang-undang ini, banyak aduan diterima daripada mereka yang pernah ditahan reman di lokap menyatakan mereka tidak diberikan penerangan dan layanan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, tadi rakan saya ada menyatakan tidak sepatutnya orang yang dalam tahanan reman ini memang dilayan dengan begitu baik. Esok semua orang masuk lokap. Kalau semuanya makan baik di lokap tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka tidak tahu apakah prosedur dan peraturan tahanan reman apabila ditahan untuk siasatan.

Justeru, saya mohon kepada kementerian agar memastikan pihak PDRM memberikan layanan yang saksama yang mematuhi prosedur penyiasatan yang betul tanpa ada unsur deraan dan paksaan kepada orang yang ditahan reman. Mereka yang ditahan juga hendaklah dibenarkan menggunakan khidmat peguam bagi membela dan membantu mereka semasa penyiasatan. Ini bertujuan untuk mengelak berulangnya lagi kes-kes penderaan semasa siasatan seperti mana di dalam kes Kugan. Selain daripada itu, mereka yang ditahan reman hendaklah dibenarkan bertemu dengan ahli keluarga tanpa had atau sekurang-kurangnya sehari sekali bagi membolehkan ahli keluarga mengetahui keadaan orang yang di reman.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan jumlah perbelanjaan yang akan ditanggung kerajaan apabila tempoh reman ini dipanjangkan kepada 60 hari. Buat masa sekarang, saya difahamkan kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan lebih kurang RM655.96 juta setahun untuk mengurus seluruh penjara dan penghuninya. Saya percaya dengan tambahan tempoh reman, jumlah perbelanjaan ini akan meningkat. Oleh itu saya ingin mengetahui, berapa banyakkah peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan untuk maksud ini?

Lanjutan daripada itu, saya juga ingin mengetahui sama ada bilangan lokap dan penjara yang ada sekarang cukup untuk menampung bilangan orang tahanan dan banduan yang dijangka akan

bertambah susulan dengan pertambahan tempoh reman dan usaha giat pihak berkuasa seperti PDRM, Jabatan Kastam, Imigresen untuk menguatkuasakan beberapa undang-undang baru di samping yang sedia ada. Sebagai contoh, hasil Ops Cantas yang dilaksanakan oleh PDRM pada 17 Ogos 2013 sahaja telah berjaya menahan seramai 36,316. Sudah pasti keadaan ini memerlukan bilangan lokap yang lebih daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung masalah terdapatnya lokap dan penjara yang didapati sesak dan melebihi had bilangan tahanan yang sepatutnya. Mungkin keadaan ini berlaku kerana tidak cukup lokap dan penjara. Apa yang dibimbangkan, jika keadaan ini berlaku, sudah pasti pelbagai kesan negatif akan wujud antaranya, boleh menyebabkan pergaduhan ataupun rusuhan kerana pertengkaran antara orang tahanan ataupun tidak puas hati dengan keadaan persekitaran yang tidak selesa yang boleh menyebabkan stres. Jika ini berlaku, saya ingin tahu sama ada pihak PDRM atau penjara mempunyai cukup anggota untuk menangani sesuatu pergaduhan atau rusuhan.

Selain daripada itu, keadaan sesak ini juga boleh memudahkan penularan penyakit berjangkit seperti tibi, HIV/AIDS dan sindrom H1N1. Kebarangkalian menularnya penyakit berjangkit dalam kalangan orang tahanan adalah besar memandangkan mereka yang ditahan dalam lokap atau penjara kebanyakannya penagih dadah yang ditahan dalam lokap atau penjara dan warga asing. Malah terdapat kes, ada yang mati dalam lokap semasa tahanan kerana menghidap penyakit yang serius. Justeru, saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah atau tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini? Saya harap, saringan dan pemeriksaan kesihatan yang sepatutnya dijalankan oleh pihak berkuasa terhadap setiap orang yang hendak ditahan reman. Langkah ini adalah perlu bagi mengelak kerajaan daripada menerima pelbagai tuduhan dan cemuhan akibat tahanan mati dalam lokap.

Justeru, bagi mengatasi masalah kesesakan tahanan reman di dalam lokap, maka saya ingin mencadangkan supaya diadakan mahkamah khas seperti mana yang diadakan untuk kes rasuah untuk mempercepatkan proses perbicaraan. Dengan cara ini dapat mengurangkan bilangan orang yang ditahan reman. Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja. Ringkas daripada saya, bukan kerana hendak balik cepat tetapi menghormati masa yang ditentukan. Terima kasih. Dengan ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh balik cepat, sehingga habis semua.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya, *insya-Allah*. Saya tunggu sampai pukul 12 malam pun saya tunggu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful.

#### 4.39 ptg.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kerana memberi saya ruang untuk terlibat menyumbang dalam perbahasan ini berkaitan dengan pindaan kecil kepada Akta Penjara 1995. Secara umumnya, akta ini dipinda untuk memperuntukkan kepada Menteri Dalam Negeri untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan

bangunan mahkamah sebagai tempat pengurungan orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 hanya melalui pemberitahuan warta.

■1640

Ia dipinda dengan memasukkan subseksyen baru 1A memberikan menteri kuasa untuk meletakkan lokap seperti awal tadi di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah supaya tempat pengurungan orang-orang yang tersebut. Persoalannya di sini apabila pindaan ini diluluskan, di mana-mana balai polis dan lokap mahkamah ditetapkan atau diwartakan supaya tempat pengurungan orang yang ditahan reman, apakah jaminan pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan kes-kes berlakunya kejadian kematian dalam tahanan akan berkurangan atau tidak wujud sama sekali.

Apakah jaminan keselamatan seseorang yang di reman di bawah akta ini dan juga di reman di lokasi-lokasi yang akan diwartakan nanti. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 memberikan peruntukan yang besar kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya baca perinciannya ialah antaranya peruntukan untuk membeli kamera litar tertutup kalau tidak silap saya di beberapa lokasi lokap dan juga bilik-bilik soal siasat. Sebelum daripada ini, bila berlaku kes kematian dalam tahanan, antara alasan yang sering kita dengar ialah kamera rosak tidak berfungsi.

Ini satu perkara yang bagi sayalah, alasan yang tidak boleh diterima pakai kerana kecuaiannya ini kecuaiannya yang berat. Jadi, apakah jaminan dengan peruntukan yang baru ini semua lokasi-lokasi yang akan diwartakan ini mempunyai kemudahan pengawasan 24 jam kamera litar tertutup. Ini kerana kes ini, peruntukan ini agak spesifik. Ianya hanya untuk mereka yang di reman 60 hari di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, bukan untuk kesalahan-kesalahan yang lain. Jadi, untuk kesalahan di bawah akta ini selalunya kesalahannya bersifat jenayah berat.

Kalau tidak ada pengawasan dan saya khuatir pertuduhan terhadap pihak polis akan semakin serius kalau berlaku lagi kejadian kematian. Tuan Yang di-Pertua, walaupun selepas tempat-tempat ini diwartakan, saya mohon agar pihak yang berkenaan mengambil kira pandangan dan nasihat serta saranan daripada pihak SUHAKAM. Apakah saranan yang penting? Saranannya yang penting ialah untuk pihak yang berkenaan, terutamanya pihak polis, kerana walaupun ianya di bawah Akta Penjara, bidang kuasa menjaga, mengawasi dan menguruskan tempat-tempat yang akan diwartakan ini adalah di bawah bidang kuasa polis dan pihak penjara tidak ada bidang kuasa sama sekali.

Ini kerana agak spesifik saya katakan awal tadi, ianya hanya untuk mereka yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah. Jadi, ia agak spesifik. Maksudnya, pihak penjara tidak ada pihak bidang kuasa. Kalau saya salah, mohon pihak menteri perbetulkan kesalahan saya. Akan tetapi apa pun, saranan yang penting ialah pihak berkenaan, khususnya pihak polis mesti memastikan pematuhan penuh dan penguatkuasaan penuh Akta Kaedah-kaedah Lokap dan Kod Prosedur Jenayah untuk memastikan tidak ada lagi berulang kes kematian dalam tahanan. Imej negara sudah terlalu buruk dengan pelbagai tuduhan dan kejadian kematian dalam penjara.

Saya tidak mahu mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menuding jari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup. Okey, faham Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Akan tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak yang berkuasa, terutamanya pihak polis. Tolong pastikan tidak lagi berlaku kejadian ini. Rekod yang saya

terima, ini keterangan daripada Menteri Dalam Negeri sendiri. Sejak tahun 2000 sehingga Mei 2013, statistik kematian yang berlaku kerana pelbagai perkara, bukan hanya perkara kematian yang tidak diketahui sebabnya. Statistik kematian yang berlaku ialah 231 kematian. Ini imej yang agak negatif kepada negara. Saya menyeru ini bukan kerana ini pandangan mereka yang bukan daripada Kerajaan Barisan Nasional, tidak.

Ini pandangan daripada rakyat. Orang takut ini, masuk penjara anak aku selepas ini keluar jadi apa? Hidup tidak hidup, boleh berjalan, tidak boleh berjalan. Ini pandangan negatif kepada pihak polis. Jadi, kita minta bila berlaku pindaan ini, kita guna kesempatan ini untuk memastikan prosedur yang jelas dipatuhi. Ada kaedah yang jelas pengurusan lokap, patuhi pengurusan itu dan jangan kita juga jadikan alasan untuk orang terus menuduh pihak polis terlibat dalam amalan rasuah semasa menguruskan tahanan dalam reman. Ini juga salah tuduhan yang sering berlaku terhadap institusi polis.

Saya anak polis, saya juga terasa apabila institusi ini diselar dan difitnah atau dikatakan macam-macam oleh orang awam atau umum yang tidak faham tentang prosedur pengurusan lokap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya terpanggil juga apabila sekarang ini ada tuduhan berkenaan rasuah itu, Yang Berhormat kalau ada, buktikan itu, kita ambil tindakan Yang Berhormat, tidak kira siapa sekalipun.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** *Insyaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Ada tapi nanti saya bisik pelan-pelan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Boleh cuba ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Kita juga cuba memohon agar kerana daripada kalangan kes kematian yang direkodkan dan diperakui oleh menteri ialah kes kematian yang melibatkan masalah kesihatan. Jadi, walaupun mereka ini ditahan, belum dituduh, ditahan untuk siasatan, mereka tidak layak dilayan seperti mana haiwan. Keperluan perubatan harus disediakan segera. Jangan tunggu sampai peguam minta dekat hakim, dekat majistret. Ini kadang-kadang, kita minta, baru dia bagi. Itu pun sudah jadi terlampau teruk. Kadang-kadang kes asma Tuan Yang di-Pertua, kes yang segera, kita nampak tidak ada apa.

Tau-tau esok pagi sudah terbongkang, tiada nafas. Kena dekat orang tidak apa, kena dekat diri sendiri, kena dekat adik-beradik kita, baru kita hendak sedar. Orang belum tertuduh apa-apa, belum terbukti bersalah mati, kita kata macam-macam lagi. Mereka yang pernah ditahan sama ada di bawah akta-akta penahanan tanpa bicara ini faham tentang perkara yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini sedikit untuk membicarakan tentang sistem pemenjaraan Malaysia. Hanya sedikit sahaja sebagai saranan kepada menteri yang berkenaan.

Secara asasnya, semangat dan falsafah konsep pemenjaraan di Malaysia ini adalah lebih kurang dua. Satu, ianya merupakan proses pemulihan kepada mereka yang didapati bersalah. Khususnya kesalahan kecil sebagaimana takrifan di bawah seksyen 5A yang baru kita luluskan semalam. Kanun Keseksaan, *non-serious offences*, semalam baru lulus dan bukannya di bawah seksyen 5B yang juga baru diluluskan semalam. Ia juga merupakan proses untuk menghukum dan memisahkan pesalah tegar daripada masyarakat bagi mengelakkan amalan jenayah ini menular dalam masyarakat. Dua konsep dan

falsafah yang berbeza, jadi kaedah pengendaliannya juga harus berbeza. Oleh kerana itu, fasiliti dan kemudahan di penjara juga harus dipertingkatkan bagi memastikan tercapainya falsafah-falsafah seperti ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Saya juga minta Kerajaan Malaysia kerana tahun 2012 kita sudah meluluskan Akta Pertukaran Antarabangsa Banduan 2012. Kita dalam proses untuk menandatangani perjanjian pertukaran banduan, *subject to* Pejabat Peguam Negara. Saya ingin menanyakan apakah persediaan kerajaan untuk menerima pulang rakyat Malaysia yang hari ini berada di luar negara dan sudah dijatuhkan hukuman serta proses pengendalian hukuman tersebut. Sama ada penerusan hukuman yang dijatuhkan di luar negara atau pun penelitian semula hukuman yang telah dijatuhkan tersebut. Saya juga ingin mencadangkan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kepada pihak kerajaan, untuk kita mengadakan pengasingan penjara, diwujudkan satu atau dua penjara, dengan izin, *maximum security prison* untuk pesalah tegar dan pesalah jenayah berat.

#### ■1650

Selebihnya adalah pesalah biasa kerana kita nak mengasingkan antara mereka yang boleh dipulihkan dengan mereka yang tidak boleh dipulihkan. Saya juga mencadangkan di masa akan datang, kita juga memikirkan pengasingan antara banduan Malaysia dan banduan bukan warga Malaysia. Ini juga penting kerana kita tengok hari ini bagaimana penjara Malaysia dipenuhi oleh warga asing yang banyak mengguna pakai hasil negara dan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan untuk konsep pemulihan, pusat-pusat pemulihan di penjara-penjara, *the non-maximum security prison*, dengan izin, ditambah baik dan elaun-elaun insentif kepada pegawai-pegawai penjara dipertingkatkan kerana kita yakin kalau usaha pemulihan itu dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan kepada mana-mana mereka yang menjalani hukuman penjara khususnya pesalah kali pertama, khususnya kepada mereka yang kadang-kadang melakukan kesalahan di luar keupayaan pemikiran mereka. Melakukan perkara *actus reus* kesalahan tanpa niat *mens rea* yang mereka ini masih boleh dipulihkan tetapi kalau mereka dicampakkan sekali dalam satu bakul pesalah tegar, mana mungkin mereka dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar saranan-saranan yang berkaitan dan juga saranan-saranan yang khusus terhadap pindaan ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Yunus.

#### 4.51 ptg.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas dalam persidangan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013. Ucapan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, untuk penambahbaikan lokap sedia ada. Saya memuji sikap Polis Diraja Malaysia menubuhkan satu jawatankuasa penambahbaikan berhubung langkah-langkah untuk menjamin keselamatan tahanan polis di lokap



PDRM. Saya melihat keseriusan PDRM bila jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri yang ditubuhkan bagi mengelakkan kematian mengejut di dalam lokap. Kemudahan di lokap berpusat ini amatlah baik sekali, ia dapat menjamin kesihatan, keselamatan petugas, banduan dan orang kena tuduh (OKT).

Lokap berpusat ini dilengkapi dengan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), sistem interkom, bilik peguam, bilik pengawal pengiring, bilik kawad cam, bilik transit dan ruang makan. Ini adalah lebih baik daripada lokap yang berada di balai polis pada hari ini. Soalan saya, selain di lokap berpusat yang didirikan di Jinjang, Shah Alam, Kuantan, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, adakah cadangan diwujudkan lokap lain termasuklah di Labuan kerana Labuan ialah satu kawasan yang jauh daripada tanah besar dan juga Tanah Besar Sabah. Ini kerana di Labuan, kes-kes jenayah semakin meningkat dan keperluan penambahan anggota dan fasiliti termasuk kepada lokap perlu dipertingkatkan.

Tahanan Mati Dalam Lokap. Berlaku kes tahanan mati dalam lokap kebelakangan ini, sama ada mereka ini sakit dan sudah ditakdirkan ajal dalam lokap. Dakwaan didera semasa disoal siasat ataupun memang penyakit termasuk juga yang menghadapi tekanan perasaan sehingga membunuh diri. Biar apa pun penyebabnya, kes seperti ini sering dipolitikkan oleh golongan tertentu kononnya polis zalim, ganas dan tidak mengikut prosedur SOP semasa menyoal siasat. Cadangan saya, selain daripada mengikut SOP, saya cadangkan polis bolehlah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia atau KKM untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas OKT atau banduan yang ditahan di dalam lokap.

Saya cadangkan doktor akan membuat pemeriksaan kesihatan sebelum OKT dimasukkan ke dalam lokap dan pegawai perubatan akan membuat lawatan dua atau tiga hari sekali ke lokap berkenaan. Lembaga Pelawat Hospital dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) juga bolehlah dibenarkan untuk membuat lawatan ke lokap bersama pegawai penjaga lokap supaya semuanya telus dan semua pihak berpuas hati.

Isu Keselamatan. Banyak kes tertentu tahanan melarikan diri di lokap polis atau semasa diiring ke mahkamah bagi proses reman atau perbicaraan. Ia termasuk tahanan warga asing seperti dari Nigeria yang terkenal dengan badan sasa dan agresif sehingga memerlukan lebih daripada seorang anggota untuk menumbangkan mereka ini. Malah ada juga kes senjata dan kenderaan turut dicuri. Kebanyakan kes ini disebabkan kecuai dan tidak mengikut *Standard Operation Procedure*. Soalan saya, penjelasan serba ringkas berkaitan SOP semasa tahanan dalam lokap dan semasa tahanan di tempat umum termasuk dalam transit ke mahkamah. Cadangan saya ialah mungkin kita boleh memasang CCTV di lokap dan di bilik *interrogation* atau bilik soal desak.

Implikasi Kewangan. Rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini. Berapakah anggaran perbelanjaan tambahan jika rang undang-undang ini sudah dikemas kini oleh pihak kementerian dan PDRM. Dengan ini, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Rohani sebagai yang terakhir sekali ya. Silakan Yang Berhormat.

**4.57 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk sama-sama turut serta dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Penjara (Pindaan) 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan rang undang-undang ini bagi memperkasakan lagi Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Saya mengalu-alukan pindaan seksyen 7 yang memasukkan subseksyen baru 1A untuk memberi kuasa Menteri menetapkan lokap di balai polis atau mahkamah sebagai tempat pengurungan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah.

Sebelum ini, Akta Penjara 1995 (Akta 537) menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat pengurungan orang yang direman atau dihukum dengan apa-apa tempoh pemenjaraan tidak melebihi satu bulan. Pindaan ini membolehkan pihak polis menahan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 selama tidak melebihi 60 hari. Iaitu di balai polis ataupun di bangunan mahkamah bagi membolehkan polis meneruskan siasatan dan sebagainya. Selain itu, tujuannya adalah memastikan keselamatan orang yang ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penjara ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan banduan yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah sehingga 2013 dan berapakah perbelanjaan yang diperlukan untuk setiap banduan. Sejauh manakah kerajaan memastikan keselesaan dan keselamatan banduan di penjara. Kita menyedari penjara bukanlah hotel tetapi sejauh manakah penjara-penjara di Malaysia memenuhi piawai antarabangsa termasuk menyediakan ruang ibadah yang selesa untuk penghuni penjara.

**■1700**

Tuan Yang di-Pertua, semenjak akhir-akhir ini kita juga mendapati terdapat kes kematian di lokap dan penjara. Saya ingin dapat penjelasan, bilangan tahanan reman dan banduan yang mati di penjara bagi tempoh 2010 hingga 2013, dan nyatakan punca kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan tahanan reman dan banduan yang begitu ramai sehingga menyebabkan lokap dan penjara penuh sesak, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sama ada bercadang untuk mengkaji, memberikan hukuman membuat kerja, menukar hukuman membuat kerja, dan tugas kebajikan selain hukuman penjara. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan kedudukan Penjara Terbuka Marang. Apakah perbezaannya dengan lain-lain penjara?...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh benda-benda yang spesifik kalau hendak minta penjelasan, saya percaya pihak Menteri tidak dapat jawab sekarang. Ini kita tumpukan kepada pindaan akta ini yang relevan kepada tajuk yang kita bahaskan. Yang Berhormat boleh kemukakan, apabila soalan lisan ataupun dalam perbahasan yang terbuka kepada umum- dari segi dasar. Cuba ringkaskan kepada tajuk yang lebih berkaitan dengan pindaan ini.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja saya, satu paragraf lagi.

Akhirnya saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah berkaitan dengan akta ini, penjara bukan sahaja tempat menjalani hukuman tetapi tempat untuk membina kesedaran diri, dan meningkatkan kebolehan kemahiran supaya mereka dapat menjalani hidup yang lebih baik selepas keluar nanti. Oleh kerana jika tidak mempunyai kemahiran dan kebolehan, menyebabkan ramai banduan yang keluar masuk penjara.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan banduan yang telah melanjutkan pelajaran di peringkat IPT semasa dalam penjara. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan setiap banduan mendapat banduan selepas keluar penjara supaya mereka boleh berdikari dan membina hidup baru? Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan.

### 5.03 ptg.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada empat orang Yang Berhormat Senator yang telah dijemput oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana keseluruhannya membangkitkan perkara yang amat relevan.

Pertama saya ingin menuju khusus kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah- bilangan lokap dan penjara, adakah mencukupi? Jadi untuk jawapan, terdapat sejumlah 35 penjara di seluruh Malaysia, dan masih mencukupi kekosongannya sekitar 10,000, iaitu lebih mencukupi daripada apa yang kita jangkakan.

Soalan kedua, bilangan kakitangan sama ada mencukupi atau tidak untuk mencegah rusuhan, ataupun persoalan sakit berjangkit juga disebut. Bilangan kakitangan penjara juga mencukupi, dan boleh menangani ancaman serta mempunyai *Standard Operating Prosedur* yang lengkap untuk mencegah penyakit berjangkit.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri secara peribadi telah berbincang dengan Ketua Pengarah Penjara berhubung dengan kesihatan orang dalam penjara dan Ketua Pengarah Penjara akan mencadangkan kepada kementerian, untuk mewujudkan hospital ataupun kemudahan-kemudahan kesihatan yang lebih mencukupi lagi di setiap penjara di seluruh negara.

Kita balik kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izhah- apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan keselamatan orang yang ditahan dalam lokap?

Pertama biarlah saya menjelaskan dengan sejelas-jelasnya, bahawa lokap ini ada mempunyai peraturan-peraturannya sendiri iaitu di bawah *lockup rule*, yang kita sedia ada. Saya dengar tadi Yang Berhormat juga membangkitkan soal jaminan pematuhan kepada- kalau tidak salah saya, *the judge rules* dalam Bahasa Melayunya iaitu diguna pakai untuk polis membuat penyiasatan sebelum *statement* dibuat, dan sebelum itu persoalan kepada pihak-pihak yang ditahan.

Saya telah menekankan bahawa, kita sentiasa menekankan kepada pihak polis dan polis- IGP memberi jaminan kepada kita bahawa pihak pegawai penyiasat polis telah diberitahu secara jelas untuk mematuhi persoalan *lockup rules* ini dan macam mana pematuhannya, dan saya juga memberitahu berhubung dengan SOP untuk kemasukan keluar-masuk orang-orang daripada lokap, dan sebagainya.

Jadi sebagai seorang yang telah pernah mengamalkan perkara ini daripada sudut polis- dahulu saya secara jelas memberitahu macam mana setiap seorang yang keluar daripada lokap itu diambil rekod mereka dan begitu juga apabila dia masuk nanti adakah perbezaan di antara yang keluar tadi dengan yang masuk. Jadi untuk memastikan bahawa tidak ada penderaan ataupun kekasaran telah dilakukan bahkan pegawai di tempat lokap itu dikehendaki bertanya kepada- ada atau tidak kompelin-kompelin hendak dibuat kepada mana-mana pihak apabila dia keluar daripada lokap semasa membuat penyiasatan. Ini juga kita laksanakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa, kita akan memasang CCTV, dan *insya-Allah* kita akan minta supaya CCTV jangan dipasang begitu sahaja dan mesti mencukupi, bahkan saya sendiri menyebut setiap CCTV yang dibuat mestilah mempunyai:

- (i) gambar yang *high-definition*;
- (ii) suara yang tinggi; dan
- (iii) mempunyai cip untuk merekodkan apa sahaja berlaku semasa orang ada dalam lokap ini.

Jadi dalam keadaan demikian supaya *monitoring* kita itu, pemantauan terhadap apa yang berlaku dalam lokap itu berterusan sentiasa, jadi dalam peringkat polis sendiri mempunyai saringan kesihatan- juga diberitahu untuk memastikan orang yang masuk dalam lokap itu diperiksa oleh doktor. Ini dibincangkan secara meluas oleh pihak kementerian dengan pihak polis berhubung dengan kesihatan ini kerana banyak yang masuk ke dalam lokap itu mempunyai kelemahan kesihatan yang tertentu, yang perlu dipantau, yang perlu diberi rawatan sebaik mungkin. Dalam keadaan demikian, maka polis mempunyai Balai Polis *Management System* atau BMS dan juga *Police Report System* untuk melaporkan keadaan tahanan yang mungkin ada berubah dari satu ketika ke satu ketika yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga Yang Berhormat Tuan Saiful juga mengatakan bahawa tahanan supaya tidak ada kejadian kematian terhadap tahanan ini. Keselamatan diri banduan semasa menjalankan hukuman dan pertahanan adalah juga menjadi keutamaan Jabatan Penjara dan polis- jauh lebih kalau dilihat daripada sudut penjara itu sendiri, yang mati itu sebenarnya tidak berlaku dalam penjara. Kebanyakannya dalam hospital, walaupun dalam jangka masa penjara itu. Mereka ini mempunyai penyakit-penyakit yang tertentu dan dihantar ke hospital, dan di hospital mereka ini menghadapi sakit dan menemui kematian, ajal mereka semasa di hospital...

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ...Yang Berhormat tunggu sekejap. Jadi walau bagaimanapun kerajaan sekarang telah bercadang sebagaimana yang diputuskan oleh Kabinet dahulu yang kita akan tubuhkan *Coroners Cop*, supaya memastikan setiap kematian dalam tahanan sama ada penjara, polis ataupun Imigresen atau pun mana-mana tahanan lain mestilah menerusi proses inkues ini,

dan inkues ini tidak lagi melihat apa yang- kalau perundangan ini diluluskan nanti, kita bercadang supaya undang-undang ini boleh *ditable* dan dibentangkan di Dewan pada sesi Parlimen yang akan datang, supaya memperketat undang-undang inkues ini supaya ia tidak lagi menjadi keputusan yang dibuat oleh Majistret berlandaskan budi bicara. Akan tetapi ditetapkan oleh undang-undang mesti diadakan inkues sedemikian rupa dan inkues itu akan memutuskan soalan sakit dan kematian yang berlaku dalam tahanan. Sila Yang Berhormat.

■1710

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma sedikit. Mungkin saya ini agak *particular* tentang penggunaan perkataan sebab tadi saya dengar jawapan banyak lebih kepada perkataan "penjara", sedangkan dalam konteks ini ialah penahanan reman. Bukan saya hendak jadi *particular* sangat tetapi salah penggunaan perkataan boleh membawa maksud atau konotasi yang berbeza. "Penjara", "penahanan". Penjara itu adalah konotasi pensabitan kesalahan, penahanan belum ada lagi sabitan. Itu yang pertama supaya kita tidak terkeliru dalam penggunaan istilah.

Keduanya saya menyambut baik komitmen pihak kerajaan untuk memastikan pelaksanaan yang tegas undang-undang lokap atau *lockup rules* yang lebih jelas. Ini kerana kita dapati dalam banyak kes-kes siasatan telah dibawa ke mahkamah sebelum daripada ini, bila kita minta buku nota rekod keluar dan masuk, tidak ada atau pun tidak lengkap kerana yang saya faham dalam amalan polis, ia ada dua catatan akan dibuat. Satu catatan rasmi lokap dan satu catatan peribadi kakitangan polis itu. Dia ada buku yang kecil. Dahulu kalau tidak silap saya buku kulit tebal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu rasanya budi bicara pegawai polis. Itu bukan untuk keperluan orang ramai.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Betul. Cuma yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah memastikan pematuhan *lockup rules* itu supaya tidak timbul masalah bila kes ini dibawa ke mahkamah dan juga tidak timbul fitnah kepada polis yang tidak menjalankan tugas. Banyak kes yang bunuh ini, maaf bukan bunuh. Kes-kes kematian dalam lokap ini lebih kepada prasangka. Ada yang mungkin benar mati kerana sakit yang kita tidak tahu, sakit tiba-tiba tetapi bila tidak diperjelaskan atau tidak dilaksanakan undang-undang kecil lokap ini, maka ia akan menimbulkan prasangka kepada pihak polis. Itu sahaja. Walau bagaimanapun, saya menyambut baik komitmen pihak kerajaan untuk memperbaiki pengurusan lokap di negara ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak perkara yang kita ambil kira. Tadi betullah saya menjawab dalam soalan penjara kerana bil ini adalah bil di bawah penjara. Akan tetapi saya juga hendak menjawab sebenarnya, memberi peluang kepada Yang Berhormat dahulu menanyakan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beginilah. Saya minta Yang Berhormat jawab dahulu. Selepas itu terpulang kepada Yang Berhormat hendak jawab atau tidak kerana masa mencemburui kita Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya katakan berhenti, eloklah gunakan budi bicara sedikit.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita juga telah membuat SOP tersendiri berhubung dengan lokap ini. SOP yang berlainan daripada apa yang kita sebut kebiasaannya yang belum pernah kita buat, yang hanya menerusi *lockup rules*. Sekarang kita sudah merencanakan SOP sendiri dan juga kita mendapat kerjasama dari pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) untuk merancang dan mengkaji semula *lockup rules* serta juga SOP kita untuk membaiki pulih penahanan orang dalam lokap polis ini.

Jadi jaminan kita ialah apabila siapnya SOP ini nanti, siapnya rules yang kita bakal gunakan nanti *insya-Allah* Yang Berhormat, saya cukup yakin Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) ini berkemampuan mengadakan *lockup rules* yang lebih terperinci lagi daripada apa yang kita ada sekarang ini. Selain daripada itu, kita juga telah meminta pihak Kementerian Kesihatan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu khususnya *medical services* untuk memeriksa orang-orang yang ditahan di dalam lokap. Ini telah kita laksanakan Yang Berhormat dan kita akan berterusan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kerana kita pun tidak mahu nama polis itu tercemar Yang Berhormat. Sebagai makluman Yang Berhormat, saya sendiri bekas polis walaupun saya tidak sampai pencen Yang Berhormat. Saya berhenti tidak sampai pencen. Umur 37 tahun saya berhenti. Bukan macam Tuan Yang di-Pertua, dapat pencen sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak adalah. Tidak ada pencen.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi walau bagaimanapun Yang Berhormat, sebenarnya kematian 231 orang dalam 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah dianggap nisbah yang amat rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Apa yang bezanya Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Bezanya ialah negara kita mendedahkan kepada umum kematian ini dan dipolitikkan di sana sini. Bahkan England sendiri, saya minta dengan orang kita berbincang dengan pegawai di *Justice Department* di England yang mengakui bahawa kematian di England berlandaskan berapa jumlah orang tahanan lokap dan berapa jumlah kematian dalam penjara, kita masih mempunyai nisbah yang rendah dalam sudut kematian dalam tahanan.

Jadi hanya kita banyak mempolitikkan benda ini. Bagus, sebabnya untuk memperbaiki keadaan supaya lebih baik lagi, supaya Malaysia sentiasa lebih baik. Jadi dalam keadaan yang demikian, *insya-Allah* Yang Berhormat, kita bersamalah melihat perkara ini.

Keempatnya iaitu persoalan- saya tengok. Saya sendiri ambil nota Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus tadi berhubung dengan lokap, CCTV, bilik rehat, makanan dan sebagainya. Memang betul Yang Berhormat, *central lockup* ini kalau dapat sebanyak mungkin. Sekarang kita mengenal pasti di beberapa tempat. Kalau saya membantah macam di Sarawak umpamanya. Kalau hendak dibuat satu sahaja di Kuching, macam mana orang di Miri, Bintulu, Sibul umpamanya kerana Sarawak itu sebesar Semenanjung Malaysia.

Jadi dengan keadaan sedemikian, kita kena merancang berapakah tempat-tempat tertentu yang diadakan *central lockup* ini. Apabila *central lockup* ini dibuat nanti, *insya-Allah* dia akan menunjukkan satu tempat yang bukanlah tempat riadah. Ini kerana semua pun tidak mahu tempat riadah. Ia adalah tempat secukupnya memenuhi syarat-syarat yang diletakkan oleh pihak *United Nations* kepada kita sebagai penjara kita, memenuhi kehendak *United Nations*. Saya sudah kaji termasuk yang di Singapura. Ada

yang berucap mengatakan bahawa saya menyebutkan yang Singapura itu lebih baik. Sebenarnya tidak Yang Berhormat. Apa yang saya kata, Singapura bangunannya cantik, kelengkapannya cantik tetapi pembelaian dia kepada manusia itu daripada sudut perikemanusiaan dia tidak ada banding dalam ASEAN ini. *Malaysia is the best, still.* Itu satu.

Pemulihan kita dari sudut *parole system* kita. Biar saya ulang sekali lagi. Australia dan Kanada hendak kaji macam mana kita punya *parole system* boleh mendapat iaitu *recidivist* kita hanya 7.6% Tuan Yang di-Pertua. *That means is the best.* Padahal di negara-negara maju dia sampai 50% berulang balik menjadi itu. Itulah menjawab Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani juga. Apa yang sebenarnya, pemulihan kita dari sudut semua sekali, dari sudut latihan, daripada sudut akhlakunya bukan sahaja agama Islam. Kita beri orang Hindu pengajar agamanya sendiri, orang Kristian pengajar agamanya sendiri dan orang *Buddhist* dengan agamanya sendiri. Islam itu ditekankan supaya moral mereka ini dilatih.

Selepas itu kita latih dalam sudut-sudut lain, umpamanya latihan bab persekolahan yang banyak saya sebutkan. Daripada sudut kepakaran. Kita sudah berbincang dengan pihak politeknik dan *vocational school* seluruh negara untuk melatih anak-anak khususnya daripada Sekolah Henry Gurney, kes juvana supaya mereka ini diberi peluang dan sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan supaya memberi peluang mereka ini duduk peperiksaan SPM, STPM, sijil dan juga menduduki ijazah, peringkat *Masters* dan PhD., masih dalam perbincangan kita sekarang.

Akan tetapi *insya-Allah* ini akan terus dilaksanakan supaya orang yang keluar menerusi khususnya parol ini akan berjaya mendapat kerja. Sekarang saya telah meminta KP supaya berbincang dengan syarikat-syarikat besar supaya melantik mereka ini dan memberi pekerjaan sama dengan orang yang telah tidak lagi menghidu dadah dan sebagainya. Kita samakan supaya jangan ini satu perkara menjadi satu sigma kepada mereka ini.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang kita buat dan memperbaiki mereka ini dari sudut latihan dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingat tidak ada perkara yang tidak saya sentuh. Kalau yang tidak ada yang disentuh itu saya mohon menjawab secara bertulislah. Akan tetapi bagi tahu saya apa benda saya tidak sentuh tetapi dalam sudut pindaan ini semuanya sudah disentuh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana boleh dengar saya berceloteh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG FI  
(JABATAN MUZIUM MALAYSIA) (PENGESEHAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbirkan atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012, dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013 merupakan suatu akta mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012. Jabatan Muzium Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti sebenarnya pernah mempunyai aktanya sendiri iaitu Akta Benda Purba 1976. Walau bagaimanapun, akta ini telah dimansuhkan pada tahun 2005 setelah Akta Warisan Kebangsaan yang ditadbir oleh Jabatan Warisan Negara diperkenalkan.

Justeru mulai tahun 2005 hingga kini Jabatan Muzium Malaysia tidak mempunyai sebarang akta di bawah pentadbirannya. Menyedari bahawa sebarang kutipan wang awam perlu mendapat kelulusan selaras dengan Akta Fi 1951, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa berusaha agar segala tindakan dan langkah-langkah yang diambil berkaitan dengan kutipan wang awam adalah mengikut saluran yang betul dan mengikuti kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, suatu perintah fi telah digubal menurut Perenggan 6.3, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5, Tahun 1991 yang memperuntukkan jika kementerian, jabatan tidak mempunyai akta kawalannya sendiri berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikannya, maka kadar bayaran baru yang telah diluluskan hendaklah diwartakan di bawah Akta Fi 1951. Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012 telah diwartakan pada 11 Jun 2012 dan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 2012 dan di Dewan Negara pada 11 Disember 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai dua fasal seperti berikut:

- (i) fasal 1 mengandungi tajuk ringkas iaitu akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013; dan
- (ii) fasal 2 mengandungi perkara mengenai pengesahan dan tanggung rugi.



Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012. Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012. Fi tersebut telah dipungut oleh Jabatan Muzium Malaysia dan telah dibayar ke dalam Akaun Amanah Jawatan Muzium Malaysia. Walau bagaimanapun, fi yang dikenakan dan dipungut tersebut tidak diwartakan di bawah Akta Fi 1951 melalui suatu Perintah Fi yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1991.

Rang undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa tindakan perundangan tidak boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap kerajaan atau mana-mana pegawai kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang dinyatakan di atas tadi.

■1730

Sekiranya tindakan atau prosiding undang-undang telah dibuat ianya hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah serta tiada bayaran balik akan dibuat oleh kerajaan berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungutkan sebelum ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin melihat Jabatan Muzium Malaysia dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan artifak-artifak warisan sejarah negara terpelihara. Kementerian mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini Jabatan Muzium Malaysia mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya.

Walaupun bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Setakat ini saya hanya menerima tiga nama daripada Yang Berhormat. Saya ingin memulakan dengan mempersilakan Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan Yang Berhormat.

**5.33 ptg.**

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pada petang ini saya berterima kasih sebab diberi ruang dan peluang membahaskan Rang Undang-undang Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, perkembangan muzium dalam negara ini berkembang selepas kemerdekaan yang bermula beroperasi pada 31 Ogos 1963.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berhenti sebentar Yang Berhormat. Saya ingin mengalu-alukan tetamu kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan pada hari ini mengalu-alukan lawatan oleh delegasi dari *Legislative Counseling Office, The National Assembly of the Republic of Korea*, diketuai oleh Dr. 'Chow Dae Hi' ke Dewan ini [*Tepuk*] Semoga dengan lawatan ini akan mengeratkan lagi hubungan baik antara Parlimen Malaysia dengan *The National Assembly of the Republic of Korea*. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini terdapat 200 muzium di negara ini dengan tenaga kerja 1,000 orang. Muzium sebagai institusi yang memelihara artifak dan segala warisan nilai dan budaya berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan pendidikan, *curatorial* dan profesionalisme di muzium, pengurusan koleksi, reka bentuk pameran-pameran muzium, konservasi dan *preservation*, pemasaran, publisiti dan program pengembangan, penyelidikan dan pembangunan muzium.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya mohon mencadangkan agar usaha pencarian, penyelidikan dan kreativiti dalam menampilkan artifak-artifak yang ditemui secara interaktif hendaklah berterusan agar muzium negara kita setanding dengan muzium- dengan izin, yang sudah *establish* seperti Turki, Mesir, China dan sebagainya. Dalam memperkasakan muzium dalam negara kita, harus dari semasa ke semasa kita mengadakan pembentangan kertas-kertas kerja oleh tokoh-tokoh yang berwibawa dalam bidang ini tentang cabaran dan harapan untuk melihat muzium negara kita sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan rakyat negara ini.

Saya ingin mengambil pendapat dari seorang tokoh menurut Datuk Paiman bin Keromo Pengarah Muzium Diraja Abu Bakar di Johor Darul Takzim menyatakan bahawa meskipun sejarah muzium di Malaysia telah tua iaitu setakat 1886, namun masih belum mencapai kematangan, masih konvensional, kaku dan tidak dapat menarik ramai pengunjung. Koleksinya masih bersifat umum bahkan Muzium Negara sendiri tidak banyak koleksi yang mencerminkan sejarah dan budaya negara ini. Justeru itu, saya mencadangkan agar pemuliharaan warisan bersejarah diambil oleh kementerian secara serius sebagai elemen paling asas dalam memperkasakan muzium dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran institusi muzium pada masa kini menyarankan agar menjadikan agar orang ramai minat dan bercakap tentang muzium hendaklah berusaha menjadikan muzium sebagai satu institusi yang menarik minat masyarakat dan muzium menjadi destinasi kunjungan. Mereka sengaja memperuntukkan masa bagi menguji muzium dengan koleksi persembahan dan daya tarikan di muzium, menjadikannya sebagai satu institusi yang lazim dikunjungi dan mengunjunginya dianggap sebagai kegiatan intelektual yang mencerminkan peradaban dan ketamadunan manusia. Oleh itu, saya mohon mencadangkan agar muzium perlu diuar-uarkan sebagai milik masyarakat iaitu memasyarakatkan

muzium sebagai milik bersama, maka setiap orang berhak bahkan dialu-alukan memberikan pandangan, bahkan menjadi sebahagian dari tenaga yang sanggup memberi khidmat sukarela.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu sekatan terhadap orang ramai selama ini daripada mengambil gambar-gambar artifak adalah kurang tepat. Mereka patut dibenarkan mengambil gambar dan dengan penyebaran gambar sebagai penyebaran maklumat yang dapat menarik pengunjung-pengunjung datang ke muzium. Bagi pihak pengurusan muzium hendaklah menganjurkan beberapa pertandingan dan peraduan yang dapat menarik pengunjung datang ke muzium.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak ruang, cabaran dan usaha meningkatkan kualiti dan prestasi muzium. Bagi memperkasakan muzium dalam negara kita terdapat beberapa perkara iaitu:

- (i) pertamanya hendaklah melengkapkan modal insan dengan keilmuan dan kepakaran yang berhubung dengan muzium termasuk membawa ijazah lanjutan dan pendedahan dengan kursus-kursus dan wacana-wacana ilmiah;
- (ii) memperlengkapkan muzium dengan koleksi artifak dan bahan-bahan yang memprojeikkan imej positif muzium dan mempunyai identiti tersendiri;
- (iii) memberi insentif dan pulangan yang sesuai terutama pekerja-pekerja yang dedikasi, inovasi dan kreatif bagi menaikkan imej muzium;
- (iv) memberi keutamaan kepada penyelidikan dan memperuntukkan dana khas bagi penyelidikan;
- (v) mengadakan kerjasama seperti dengan universiti-universiti yang menganjurkan kursus 'permuziuman' agar dapat bertukar-tukar kepakaran dan kerjasama dalam penyelidikan;
- (vi) mengadakan pameran dengan tema-tema menarik dan menghebahkan melalui media elektronik dan media cetak;
- (vii) mengadakan seminar dan wacana ilmiah yang berhubung dengan 'permuziuman';
- (viii) mengeluarkan buku dan jurnal yang memuatkan maklumat berhubung dengan kajian yang dilakukan; dan
- (ix) memberikan penghargaan kepada tokoh-tokoh dan mereka yang berjasa di dalam bidang peradaban dan kemanusiaan.

#### ■1740

Kesepuluh, menyediakan dana yang mencukupi bagi perkembangan muzium dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua melantik Ahli Lembaga Pengarah bagi mengkaji kelemahan dan kebaikan dari segi pelbagai aspek. Dengan hujah-hujah yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat.

#### 5.40 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila tengok akta ini senang sahaja. Akta ini cuma dua perkara. Satu tajuk, satu lagi hendak sahkan fi. Akan tetapi saya

kasihan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Semenjak muzium ditubuhkan tidak ada satu akta pun, betul? Jadi saya sangat kasihan. Jadi berkaitan dengan fi saya sokong, semua orang sokong. Akan tetapi bukan saya hendak cakap fi, fi itu tidak ada hal. Saya hendak bercakap dengan masalah muzium secara am walaupun tidak ada kaitan dengan akta ini tetapi minta Yang Berhormat Menteri jawab. Bila saya dan rakan-rakan beri pandangan Yang Berhormat Menteri kena jawab untuk sentuhan muzium.

Pertamanya muzium ini kita tahu ialah tempat yang paling penting. Tidak ada satu negara pun di dunia ini yang tidak ada muzium, betul? Semua ada. Vietnam ada, Singapura ada, Amerika ada, Rusia ada, India ada, Bangladesh ada, semua ada. Jadi muzium ini bagi saya tempat rujukan peradaban bangsa dan negara. Jadi apa-apa yang kita hendak rujuk masa silam dan masa sekarang dan ingat masa silam dan sekarang menentukan masa depan. Jadi amat penting bukan sahaja merupakan tempat sejarah tetapi merupakan tempat tempa pahat, ukir sejarah bangsa rakyat dan negara. Jadi amat penting.

Menyentuh tentang muzium kita banyak muzium kita. Ada muzium besar di KL, ada negeri-negeri. Akan tetapi saya anggap ada yang bagus, ada yang berjaya, ada juga tidak berjaya. Ada muzium itu basi, basi, kering kontang tidak ada orang pergi, tidak ada daya tarikan, ada hantu [*Ketawa*] Berhantu, betul berhantu. Pameran hantu ada hantu. Jadi saya syorkan supaya semua muzium ini kena ada tarikan, kena ada iklan, kena keluar. Jangan muzium itu dalam zon itu sahaja, tidak keluar-keluar. Saya cadangkan muzium itu bergerak, ada muzium bergerak, pameran bergerak ke sekolah-sekolah, ke tempat-tempat awam, ke jabatan, ke mana-manalah. Ini sebut muzium selimut dalam muzium sahaja. Jumud, kalau jumud mana hendak orang tahu. Iklan tidak ada, TV tidak ada, media tidak ada, *Facebook* tidak ada. Kalau ada pun sedikit, *Twitter* tidak ada, *Youtube* tidak ada, *Itube* pun tidak ada... Apa, ada? *Sorry*lah, bukan semua begitu.

Jadi saya suka dinamakan tandus idea. Saya suka muzium ini banyak idea. Macam dahulu Datuk Shaharom masa dia Pengarah- ada pameran mayat, ada macam-macam. Ada juga sekarang topeng, ada juga orang mati tetapi tidak cukup. Hantu, pameran hantu, toyol macam-macam. Apa-apa yang boleh menangkap minda, perasaan orang rakyat, bukan sahaja negara ini malahan rakyat minda pelancong-pelancong luar negeri. Itu sebab saya kata Pengarah, Lembaga jangan tidur. Kalau Pengarah tidur, Lembaga Muzium tidur habis tidak ada apa-apa. Mayat pun tidur, hantu pun tidur, tidak ada tarikan. Jadi kena ada idea.

Saya pergi banyak negara, saya pergi muzium di London bukan hendak 'ek', hendak khabar. Saya pergi banyak muzium. Muzium di sana ada daya tarikan. Dia bukan sahaja artifak, sejarah, bahan bukti, koleksi Orang Putih Britain tetapi ada juga koleksi daripada luar negara. Contoh Firaun kalau anda hendak jumpa Firaun, pergilah Muzium London. Saya terkejut saya tengok Firaun, "*Oh! Begini Firaun.*" Betul, sekarang pun ada lagi. Allah kata Firaun itu dia tidak musnah, kekal abadi untuk tunjukkan kepada masyarakat, kepada orang ramai yang derhaka kepada Tuhan, kepada Allah, Dia hendak tunjukkan.

Saya kata macam mana hendak pergi. Hendak pergi Mesir tutup. Saya pergi London jumpa Firaun, dalam cermin besar, dia ada. Jadi bukan Firaun sahaja, malah mayat-mayat negara lain banyak. Bukan Firaun sahaja, malahan alat-alat manuskrip termasuk Malaysia ada di sana, termasuk negara

Arab, China, Jepun semua ada. Jadi saya syorkan supaya muzium kita jangan sekali-kali terjumud dengan bahan-bahan bukti, artifak, sejarah, manuskrip hal Malaysia sahaja. Kena ambil muzium bahan-bahan daripada luar. Bersifat global, bersifat terbuka, tidak jumud, tidak tertutup.

Kemudian saya pergi lagi di Muzium London. Keliling Muzium London itu ada hotel-hotel terkemuka dunia supaya boleh pelancong menginap. Di muzium itu ada juga kad member, kad keahlian terbuka untuk orang awam menawarkan pelbagai khidmat atau juga ada aktiviti-aktiviti kanak-kanak, juga untuk dewan seminar. Kita punya muzium tidak ada hotel, tidak ada dewan. Masuk, gelap, tutup. Dewan seminar besar-besar tidak ada. Muat 1,000, 2,000. Adakah? Tidak ada. 100, 200 kantin pun ada, tidak usah cakaplah. Jadi kita perlukan dewan seminar supaya orang boleh pergi seminar, boleh pergi konvensyen. Lepas konvensyen, lepas seminar kita boleh tengok mayat, boleh tengok Orang Asli, boleh tengok topeng, boleh tengok keris, boleh tengok Hang Tuah, boleh tengok kapal Bugis, kapal Makasar, macam-macam. Namanya muzium.

Jadi kita juga di London sana ada ruang media, perpustakaan macam-macam. Hatta saya fikir. Terengganu saya puji [*Disampuk*] Mestilah, biasalah. Terengganu saya puji sebab muzium itu disewakan untuk orang kahwin. Yang Berhormat Lucas hendak kahwin pun boleh, anak bukan *you*, anak *you* [*Ketawa*] Pergi Terengganu tempat kahwin, ada katering macam-macam.

#### ■1750

Jadi, itu kena fikir, baru muzium itu bukan sahaja tempat tengok barang lama, orang mati, manuskrip, bukan sahaja. Kena ada macam dipanggil pusat *one-stop center*, pusat sehenti. Itu yang saya hendak khabar. Itu penting.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cepat sangat Tuan Yang di-Pertua itu. Ketiga, saya juga hendak sebut bahawa pelbagai aktiviti boleh dilakukan. Contohnya, pusat teater untuk filem. Di negara lain, kita ada William Kelly Smith di sini, isterinya Agness. Jadi, Istana *Kellie*, Batu Gajah boleh dijadikan bahan muzium. Puteri Hang Lipo di negeri Datuk Ali Rustam ada. Bawalah ke mari. Perigi Hang Lipo, Kota Cornwallis di Pulau Pinang ada dan juga Che Siti Wan Kembang, Megat Panji Alam dan juga boleh dilakukan pahlawan-pahlawan negara seperti Hang Tuah, Tun Perak, Dol Said, Megat Panji Alam, Datuk Maharajalela, Tok Ku Paloh, Tok Ku Pulau Manis, Rosli Dhoby, Mat Salleh, Tok Gajah, Bahaman, Mat Kilau, macam-macam boleh dipamerkan.

Akan tetapi saya pergi muzium di Muzium Negara, cuma tokoh Hang Tuah sahaja pakai keris tembaga. Lain-lain tidak ada. Sedangkan banyak pahlawan kita di satu Malaysia. Kenapa tidak pameran? Jadi, bahan sejarah ini bagi saya amat penting. Jadi, kena adakan.

Satu lagi saya lihat macam-macam nilai-nilai eksport budaya. Kita boleh buat filem berdasarkan nilai-nilai kita. Contohnya, kita tertarik dengan nilai-nilai budaya Barat, dan Korea sekarang negara timur-Jepun. Akan tetapi kita sedikit sangat sumbangan muzium kepada filem. Untuk itu, saya fikir hendak adakan filem macam *Bukit Kepong*, *Tanda Putera* atau *Putera Malaya*. Lain kali minta dengan muzium. Ini hendak pinjam pun susah sebab muzium itu ada- bukan ada hantu. Satu *copy* sahaja. Oleh sebab itu saya hendak semua bahan-bahan ada *copy*. Contoh *copy* keris Taming Sari. Contoh lain, Serban Tok Ku Paloh. Jadi, ada *copy*. Jadi, filem-filem hendak dibuat berdasarkan sejarah boleh pinjam. Untuk itu, saya

fikir kalau hendak buat filem macam *Sarjan Hassan, Hati Malaya, Bukit Kepong* dan seumpamanya, boleh dipinjam, dirujuk kepada muzium.

Satu lagi saya hendak minta piawai antarabangsa kena juga buat supaya filem-filem kita standard *Hollywood*, standard pecah *box-office*. Sekarang, mana ada filem sejarah Malaysia yang pecah *box-office* kecuali satu lagi hendak pecah. Tidak pecah lagi, hendak sahaja pecah, *Hikayat Merong Mahawangsa*. Tidak pecah lagi. Jadi, kita jadikan muzium sebagai tempat *feeder* sokongan kepada pengusaha-pengusaha filem yang berbentuk sejarah. Guna untuk mencetuskan semangat patriotik di kalangan anak-anak muda sekarang. Anak-anak muda sekarang banyak khayal, kebanyakan tidak sayang bangsa dan negara. Akibat satu, pengajian sejarah sedikit sangat, bukan wajib. Jadi, peranan muzium bagi mencetuskan semangat sayangkan negara, patriotik boleh dimainkan oleh muzium-muzium di Malaysia.

Satu lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat. Kalau dapat, gulung ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ha, hendak gulunglah. Satu lagi saya hendak syorkan. Di negara-negara asing seperti Belanda ada lukisan-lukisan yang mahal, berkualiti. Contoh, Pablo Picasso, Vincent Van Gogh, Andy Warhol, Claude Monet, dilaporkan hilang di muzium mereka. Sebab apa? Sebab bahan-bahan itu, lukisan-lukisan itu ada kualiti dan bernilai. Di sini semua tidak hairan.

Bukan saya hendak khabar bahan-bahan di Malaysia tidak bernilai tetapi saya hendak puji, *so far so good*. Bahan-bahan lukisan tidak dicuri. Oleh itu, saya anggap ini satu kejadian. Apa pun kena jaga betul-betul supaya jangan hilang, jangan dicerobohi. Apa yang saya hendak timbulkan iaitu mungkin orang tidak berminat jadi muzium. Jangan sekali-kali dijadikan 'gajah putih'. Kalau orang tidak pergi, kalau orang tidak cium, kalau orang tidak suka, disifatkan sebagai 'gajah putih'.

Saya juga hendak sebut satu jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Last* sekali, *last* sekali. Satu Jawatankuasa Lembaga Muzium kena tubuhkan, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Bukan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Manusia. Saya hendak cadangkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar tambahkan satu- 'dan Warisan'. Anggotanya terdiri daripada pakar sejarah, Kementerian Kewangan, profesor-profesor bidang ekologi, *researcher* dan Senator. Senator itu bukan Senator sekarang. Senator yang pencen, dapat gaji. Oleh sebab Senator kalau pencen dia tahap miskin, layak terima BR1M kalau pencen Senator sekarang. Gaji mereka sekarang RM4,500, kalau pencen bawah pada RM3,000. *So*, saya syorkan Senator yang pencen jadi anggota Lembaga Muzium Negara [*Ketawa*] Boleh terima BR1M. Faham, fikir-fikirlah.

Jadi, saya sokong supaya lembaga ini diwujudkan segera. Saya syorkan semua cadangan ini terutama fasal 21 disetujui dan disahkan. Saya sokong, terima kasih. Masa pun sudah cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

**5.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya dua orang ini yang sememangnya berminat di dalam bidang permuziuman.

**■1800**

Pertamanya Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, apabila saya pergi ke Tenom dahulu saya melawat tempatnya iaitu Pusat Kebudayaan Murut dan di situ juga banyak artifak-artifak yang dipamerkan di dalam pusat itu. Sememangnya saya faham minat Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul dalam bidang permuziuman.

Cadangan beliau supaya dibenarkan mengambil gambar di muzium. Orang ramai dibenarkan mengambil gambar di dalam muzium, mengambil gambar artifak-artifak yang tertentu tetapi dengan satu syarat iaitu tidak menggunakan *flash* sebab *flash* boleh memberikan kesan negatif terhadap artifak yang tertentu. Oleh itu pekerja-pekerja muzium sentiasa memastikan bahawa walaupun gambar boleh diambil tetapi dengan tidak menggunakan *flash*.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas juga mencadangkan supaya mengadakan kerjasama dengan universiti untuk menganjurkan permuziuman. Sehingga kini Jabatan Muzium Malaysia telah pun mengadakan kerjasama strategik dengan beberapa universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, UPSI khususnya dalam bidang permuziuman dan kerjaya di muzium.

Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, rang undang-undang ini bukannya di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Saya cuma diberi tanggungjawab untuk membuat penggulungan atas pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman mengatakan bahawa muzium ketandusan idea dan seharusnya mengadakan pameran bertema yang berkualiti.

Jabatan Muzium Malaysia sentiasa berusaha untuk mengadakan pelbagai pameran yang mempunyai tema-tema tertentu yang mampu menarik ramai pengunjung. Antara tema pameran tersebut adalah Raja Kita, Muzium dan Kenangan. Darurat Sentuhan Sejarah daripada tahun 1948 hingga 1960, Merentasi Samudera, Demonstrasi Berparlimen dan sebagainya. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Jabatan Muzium perlu menyimpan salinan filem-filem sejarah negara. Jabatan Muzium Malaysia tidak menyimpan salinan filem-filem sejarah negara kerana peranan tersebut adalah di bawah tanggungjawab FINAS di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Oleh itu Jabatan Muzium...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mencilah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencilah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ada yang hendak mencilah?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hanya minta *confirmation* atau penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa FINAS ada menyimpan filem-filem sejarah. Saya rasa mungkin FINAS ada menyimpan salinan-salinan filem yang pernah diterbitkan. Akan tetapi saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi ialah filem-filem sejarah yang ada kaitan dengan patriotisme. Tidak semua filem.

Jadi untuk itu barangkali perlu ada satu seksyen khas, ruang khas di Muzium Negara malah di muzium setiap negeri sebab dari satu segi, filem ini kerana mudah ditonton begitu. Dengan demikian peranan muzium untuk melestarikan budaya dan sejarah kita akan lebih berkesan. Jadi saya rasa janganlah beban ini diserahkan kepada FINAS sahaja. Kalau FINAS sudah buat, *alhamdulillah*.

Akan tetapi di samping itu perlu juga apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman supaya muzium negara dan muzium-muzium negeri mengadakan satu ruangan khas, satu seksyen khas untuk menyimpan filem-filem patriotik termasuk perumpamaannya filem Hang Tuah tahun 50 berapa itu, masa saya budak-budak. Penting saya rasa.

Oleh sebab dalam filem Hang Tuah itu saya rasa macam-macam, bukan sahaja lagu-lagunya sudah semakin kekal sampai sekarang. Kalau tuan-tuan mahu tahu lagu Joget Pahang itu bermula dari filem Hang Tuah dan sekarang semakin popular. Ini di antara perkara-perkara yang patut dilestarikan dan tugas melestarikan bahan-bahan budaya seperti ini saya rasa terpikul oleh muzium. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas cadangan itu. Saya memang secara peribadi pun memikirkan yang begitu juga. Itu adalah cara yang terbaik. Oleh sebab filem-filem yang berunsur sejarah yang memberi maklumat-maklumat tentang sejarah. Yang penting adalah kalaulah ada dua agensi yang boleh menyimpan dan melestarikan filem-filem seperti itu, itu adalah satu cara yang terbaiklah di dalam negara kita. Oleh sebab kita tidak tahu apa yang boleh berlaku di dalam satu bangunan organisasi. Kalau satu insiden yang tidak diingini seperti pembakaran berlaku di bangunan FINAS umpamanya, maka di manakah salinan filem-filem itu berada lagi? Jadi ini amatlah terbaik cadangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Satu *point* tambahan kecil, kalau boleh? Dua ayat, satu ayat sahaja. Boleh?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya tambah? Cuma satu *point* tambahan sahaja yang perlu diambil kira juga. Walaupun FINAS ada menyimpan tetapi fungsi FINAS untuk memasyarakatkan filem itu tidak ada. Sedangkan muzium berfungsi untuk memasyarakatkan artifak dia. Sedangkan FINAS hanya sebagai, minta maaf *storehouse* barangkali. Sebagai gudang sahaja [*Disampuk*] *Storehouse*, gudang.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya mohon. Saya rasa menyimpan itu satu fungsi, tetapi soalnya untuk merakamkan dokumentari tersebut. [*Tepuk*] Saya telah pernah melawat beberapa muzium di luar negara dan salah satu muzium seperti di Surabaya. Dia ada satu muzium yang khusus didedikasikan berkaitan dengan kemerdekaan Indonesia. Dia ada beberapa muzium di situ tetapi yang ini khusus untuk sejarah kemerdekaan. Kalau kita bandingkan dari segi persembahan muzium itu, peralatannya dan lain-lain saya rasa muzium kita lebih hebat.

#### ■1810

Akan tetapi yang saya rasa sangat teruja. Dia memainkan filem lamanya hitam putih mengenai bagaimana Indonesia mendapat kemerdekaan melalui kebangkitan semangat patriotik dan semangat juang mereka. Mereka melawan Belanda dengan hanya peralatan-peralatan seperti buluh runcing, kapak



beliung dan dengan senjata api yang diperoleh oleh Belanda. Apa yang sangat teruja, wayang itu dimainkan berterusan dan sentiasa ada rakyat Indonesia yang datang singgah untuk melihatnya.

Ini mungkin salah satu cara untuk kita menyemarakkan semangat patriotisme kerana generasi muda hari ini tidak begitu berpeluang untuk melihat perjuangan-perjuangan yang lampau ini. Saya rasa pendekatan audio visual dan lain-lain pendekatan teknologi moden patut sentiasa digunakan untuk menarik rakyat umum untuk melihat bahan-bahan ini. Saya setuju dan menyokong apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bahawa fungsi mempersembahkan artifak ini caranya, kekerapannya patut dilaksanakan seluas-luasnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi saya satu minit?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ada lagi sebelah sana?

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Satu minit? Saya ucapkan terima kasih kerana banyak juga menyentuh sejarah-sejarah negara berasal dari Hang Tuah. Bahkan sebelum itu juga, saya melihat muzium ini boleh dijadikan satu industri untuk membangunkan ekonomi negara. Kita melihat macam di Eropah, mereka mengumpul semua artifak yang lama hingga negara asal tidak ada bukti dan kalau hendak bukti kita kena pergi ke Amerika atau pun ke London.

Macam sejarah Melaka, semua kena pergi ke negara Belanda atau pun ke Portugal. Sekarang kita melihat Singapura sedang memainkan peranan penting mengumpul sejarah-sejarah Asia. Rakyat Singapura telah belanja lebih SGD1 bilion. Jika kita tidak ambil peranan, saya fikir masa depan sejarah-sejarah Asia semua akan pergi ke Singapura. Kerana itu saya mencadangkan kerajaan mengadakan satu pelaburan besar dalam permuziuman sebagai satu industri yang boleh membawa banyak pulangan ekonomi kepada negara di samping mempertahankan sejarah negara kita sendiri untuk perkongsian generasi akan datang bahkan juga untuk rakyat di seluruh dunia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil maklum cadangan-cadangan tiga rakan Ahli Yang Berhormat Senator itu tadi. Secara peribadi, cadangan itu sememangnya baik. Oleh itu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia seharusnya mengambil maklum cadangan mereka ini. Oleh kerana kita tidak mahu kehilangan sejarah seperti mana yang disebutkan tadi macam di Indonesia. Akan tetapi bukan sahaja di Indonesia, yang ada main wayang tentang sejarah negara mereka. Negara-negara lain juga seperti di Perancis, di United Kingdom dan sebagainya, sentiasa ada main wayang tentang sejarah mereka atau pun macam manakah mereka melawan kolonialisme dulu. Jadi semuanya memang ada.

Di muzium kita, memang banyak juga peralatan ICT termasuk juga kita boleh menggunakan jari kita untuk *touch screen*. Apa yang perlu kita lihat, apa yang kita perlu tahu di dalam muzium itu, *exhibits* dan sebagainya dan maklumat-maklumat tentang sejarah. Akan tetapi yang wayang itu, saya juga tertarik dengan wayang sebegitu. Kalau sentiasa dimainkan di dalam hitam putih, *in black and white*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman juga mengatakan muzium jangan jumud dengan artifak di Malaysia sahaja, mengesyorkan supaya muzium mengambil bahan-bahan dari luar. Jabatan Muzium Malaysia tidak hanya mengumpul artifak Malaysia

malah turut mengumpul artifak daripada negara serantau khususnya artifak dari negara Indonesia, Thailand, Brunei, Myanmar dan Filipina bagi tujuan kajian membangunkan dan penyelidikan kebudayaan serantau. Namun begitu, keutamaan adalah diberi terhadap pengumpulan artifak negara kita. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman juga mengesyorkan supaya muzium menambah dan mengumpul pelbagai fasiliti di muzium. Jabatan Muzium Malaysia menerima baik cadangan ini dan akan mempelbagaikan fasiliti dan kemudahan kepada para pengunjung di muzium itu.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman juga mengesyorkan supaya satu Jawatankuasa Lembaga Muzium yang dipengerusikan oleh bukan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli Yang Berhormat. Sebabnya muzium bukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [*Ketawa*] Saya bertanggungjawab sekarang untuk dua kementerian sahaja, penggulungan sebab Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan tidak ada di dalam negara setakat ini...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Mana dia pergi?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya pun tidak tahu. Saya diberi tugas untuk membuat penggulungan. Pada masa ini, tiada Jawatankuasa Lembaga Muzium yang dipengerusikan oleh mana-mana Yang Berhormat Menteri. Jadi walaupun demikian, cadangan ini akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan untuk pembentukan jawatankuasa seperti ini. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman juga mengesyorkan supaya tahap keselamatan artifak-artifak yang dipamerkan di muzium dipertingkatkan. Jabatan Muzium Malaysia secara berterusan sememangnya meningkatkan tahap keselamatan dengan menambah sistem kawalan CCTV di muzium-muzium dan di galeri-galeri di seluruh 21 buah muzium di bawah kawalan Jabatan Muzium Negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Maznah tadi di dalam pencelahan beliau mengesyorkan pendekatan audio visual digunakan di muzium untuk menarik minat pengunjung. Jabatan Muzium Malaysia telah pun menggunakan kaedah interaktif seperti hologram, *info kiosk* dan video interaktif di muzium utama seperti di Muzium Negara, Muzium Perak, Muzium Adat, Muzium Tekstil Negara dan Galeria Perdana.

#### ■1820

Terakhir sekali daripada rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman mengesyorkan supaya muzium mengadakan lebih banyak pameran tokoh dan pahlawan penting negara. Jabatan Muzium Malaysia sentiasa menganjurkan pameran berkaitan dengan tokoh dan pahlawan penting negara kita antaranya ialah pameran Raja Kita, Pameran Wira dan tokoh-tokoh kemerdekaan, pameran Tun Ghaffar Baba dan pameran anugerah tokoh negara, seperti Syed Alwi Syed Hassan.

Saya menyokong cadangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Negara. Memanglah harapan saya juga sebagai seorang wakil rakyat sentiasa ingin mengetahui apakah kandungan sejarah yang ada di muzium kita supaya anak-anak belia kita boleh mempelajari apa yang berkaitan dengan sejarah kita dan memahaminya untuk selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2013**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **6.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 ialah suatu akta yang memperuntukkan pindaan bagi memberi kuasa kepada pegawai sains yang diambil bekerja oleh kerajaan untuk mengambil dan menganalisis sampel biologi bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A, akta yang sama, serta menyediakan peruntukan bagi membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai sesuatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama, dengan apa-apa anggapan yang lain, diperuntukkan di bawah Akta 234, atau mana-mana undang-undang yang tertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 diwujudkan bertujuan untuk meminda seksyen 31A, Akta Dadah Berbahaya 1952 *[Akta 234]* dengan memasukkan subseksyen (1AA). Penomboran semula seksyen 37A kepada seksyen 37B, dan memasukkan seksyen 37A yang baru. Keperluan subseksyen (1AA) dimasukkan adalah bagi membenarkan seseorang pegawai sains yang diambil kerja oleh kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A.

Keperluan memasukkan seksyen 37A ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak pendakwa untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada, atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234, atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 *[Akta 234]* mula berkuat kuasa pada 1 November 1952 bagi Semenanjung Malaysia, dan 1 Jun 1978 bagi Sabah dan Sarawak. Ia bertujuan untuk mengawal pengimportan, pengeksportan, penghasilan, penjualan, penggunaan dan pemilikan dadah berbahaya dan bahan-bahan lainnya.

Kedua, memberi peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta 234.

Seksyen 31A, Akta 234 membenarkan Pegawai Perubatan kerajaan termasuk ahli kimia kerajaan menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana suspek bagi mendapatkan bukti apabila berlakunya kesalahan di bawah akta ini. Peruntukan tersebut menetapkan beberapa prosedur yang perlu dipatuhi ketika menjalankan pemeriksaan ke atas suspek antaranya ialah pemeriksaan suspek hendaklah dilakukan oleh pegawai perubatan atau mana-mana orang yang bertindak membantu Pegawai Perubatan, dan di bawah arahnya.

Di bawah seksyen 31A, Pegawai Perubatan termasuklah setiap orang yang diambil bekerja oleh kerajaan atau badan berkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai Pegawai Perubatan atau ahli kimia.

Pemeriksaan yang terlibat adalah pemeriksaan perubatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan, dan pemeriksaan ke atas sampel urin yang dibuat oleh Pegawai Sains dan Kimia dan Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan.

Walau bagaimanapun, semenjak akta ini dikuatkuasakan, kebanyakan aktiviti pemeriksaan sampel urin dilakukan oleh pegawai sains kimia hayat di hospital kerajaan.

#### ■1830

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Perkhidmatan analisis sampel urin bagi pengesanan dadah berbahaya di hospital telah dibangunkan semenjak tahun 1970-an lagi. Kini terdapat 105 hospital kerajaan di seluruh negara menawarkan perkhidmatan tersebut dan lebih dari 100 orang Pegawai Sains Kimia Hayat telah ditugaskan untuk menjalankan analisis dadah berbahaya. Pada masa kini, antara masalah yang dihadapi semasa pendakwaan kes-kes dadah berbahaya adalah Pegawai Sains Kimia Hayat hospital kerajaan tidak tergolong di bawah mana-mana kategori orang yang disebutkan di dalam seksyen 31A.

Oleh itu, pihak pendakwaan menghadapi masalah kesukaran untuk memanggil seseorang Pegawai Perubatan memberi keterangan kerana Pegawai Sains Kimia Hayat hanya menjalankan tugas secara sendiri tanpa penyeliaan atau pemeriksaan seorang pegawai perubatan. Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes- *Yusri bin Yahaya vs Pendakwa Raya*, nombor kes P068082012/2011 pada 28 Jun 2013 telah memutuskan bahawa pemeriksaan di bawah seksyen 31A hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan.

Pegawai Perubatan yang dimaksudkan dalam seksyen ini termasuk ahli kimia. Pegawai Sains tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen tersebut. Jadi susulan daripada keputusan ini, Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan supaya pihak tertuduh dalam kes-kes pendakwaan di bawah seksyen 51A yang telah didaftarkan di mahkamah yang mana analisis sampel urin telah dijalankan oleh pegawai sains kimia hayat di hospital kerajaan agar dilepaskan tanpa dibebaskan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang meminda seksyen 31A untuk dimasukkan Pegawai Sains dalam perkhidmatan kerajaan bagi menjalankan analisis ke atas sampel

biologi bagi kes dadah berbahaya. Sampel biologi bagi tujuan pengesanan dadah berbahaya akan merangkumi semua sampel seperti darah, air liur, rambut dan lain-lain serta tidak hanya terhad untuk sampel urin sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini analisis sampel urin bagi pengesanan dadah berbahaya dilakukan oleh beberapa kategori Pegawai Sains Seperti Pegawai Sains Kimia Hayat, Pegawai Sains Forensik, selain daripada ahli kimia. Melalui pindaan terhadap seksyen 31A di bawah Akta 234, Laporan Analisis Sampel Biologi termasuk sampel urin yang dihasilkan oleh Pegawai Sains tersebut boleh diterima oleh mahkamah. Pegawai Sains Kimia Hayat dan Pegawai Sains Forensik yang berkhidmat di hospital kerajaan mempunyai pengalaman dan terlatih dalam menjalankan analisis sampel biologi bagi pengesanan dadah berbahaya.

Pegawai-pegawai ini telah memperoleh latihan lanjutan dan kursus dalam analisa dadah seperti Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran dan kursus lanjutan dari dalam dan luar negara. Hospital-hospital kerajaan telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan terkini yang bersesuaian dengan analisis sampel biologi bagi pengesanan dadah berbahaya. Antara perkembangan dan pencapaian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, perkhidmatan tersebut ialah:

- (i) makmal hospital yang dibangunkan telah dilengkapi dengan peralatan terkini seperti *tandem mass spectrometry, gas chromatography, chemistry analyzer* dan sebagainya yang berharga lebih daripada RM10 juta;
- (ii) makmal hospital berkemampuan untuk menjalankan analisis bilangan sampel yang banyak. Bilangan sampel yang diterima dalam analisis ini telah bertambah dari tahun ke tahun pada kadar 10% hingga 20%. Pada tahun 2011, bilangan ujian yang dilakukan oleh makmal hospital adalah lebih kurang 655,000 sampel;
- (iii) bangunan fasiliti baru dan makmal khas khusus untuk perkhidmatan dadah berbahaya;
- (iv) peruntukan kewangan sebanyak lebih kurang RM3 juta setahun telah dibekalkan sebagai perbelanjaan makmal hospital yang dikhususkan untuk memberikan perkhidmatan analisis dan pengesanan dadah berbahaya;
- (v) kaedah-kaedah analisis telah dibangunkan bukan saja untuk memenuhi keperluan semasa tetapi untuk juga mengesan dadah-dadah baru dalam pasaran; dan
- (vi) pada tahun 2011, lebih kurang 60 orang Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan terlibat secara sepenuh masa dalam menjalankan analisis dadah berbahaya dan 45 Orang Pegawai Sains Kimia Hayat terlibat secara separuh masa. Pada tahun 2011, Pegawai Sains Kimia Hayat telah memberi keterangan dalam 424 kes dadah berbahaya.

Tanpa pindaan yang dicadangkan ini, pelaburan dan sumber yang telah dilaksanakan akan menjadi suatu pembaziran kepada kerajaan kerana keterangan analisis daripada Pegawai Sains di hospital kerajaan tidak diterima sebagai bahan bukti atau pun *evidence* oleh mahkamah yang membuatkan orang kena tuduh (OKT) dibebaskan.

Selaras dengan keputusan mesyuarat yang dijalankan di Jabatan Peguam Negara pada 9 Julai 2013, semua sampel urin bagi kes-kes di bawah seksyen 15(1)(a) telah disalurkan kepada Jabatan Kimia Malaysia. Tindakan ini telah membebankan Jabatan Kimia Malaysia memandangkan bilangan kes yang banyak serta jumlah ahli kimia dalam peruntukkan yang terhad. Menerusi cadangan pindaan ini, bebanan tersebut diharap dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Akta 234 juga merupakan akta yang diguna pakai untuk pendakwaan kes-kes dadah. Secara khususnya, pendakwaan bagi kes pengedaran dadah adalah di bawah seksyen 39B, Akta 234. Bagi menentukan pengenalan, terdapat dua inti pati-inti pati kesalahan yang perlu dibuktikan iaitu pemilikan dan pengetahuan, kedua ialah berat dadah atau kualiti minimum yang statutori. Bagi membuktikan elemen pemilikan dan pengetahuan, anggapan yang diguna pakai terdapat di dalam seksyen 37D, Akta 234 .

Manakala untuk mengguna pakai anggapan mengedar, seksyen 37DA menetapkan kualiti minimum dadah dalam milikan seseorang tertuduh. Sebelum ini pihak pendakwaan telah dengan jayanya menggunakan kedua-dua anggapan ini bagi membuktikan kes pengedaran di bawah seksyen 39B [Akta 234] yang jika disabitkan kesalahan membawa hukuman gantung mandatori.

Walau bagaimanapun, sejak keputusan kes mahkamah- *Pendakwa Raya vs Muhammad bin Hassan* [1998] 2 CLJ 170, pendakwaan tidak lagi boleh menggunakan kedua-dua anggapan ini bersekali. Ini telah menyebabkan kegagalan pihak pendakwaan membuktikan pengedaran seperti mana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2, Akta 234 . Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini maka Kementerian Kesihatan Malaysia mencadangkan peruntukan baru dimasukkan ke dalam Akta 234.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan peruntukan menomborkan semula seksyen 37A sebagai seksyen 37B dan masukkan seksyen 37A yang baru dan bertujuan untuk menjelaskan pemakaian seksyen 37D dan 37DA Akta Dadah Berbahaya 1992. Bilangan ini diperlukan ekoran daripada beberapa keputusan mahkamah yang diputuskan termasuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes- *Muhammad bin Hassan vs Pendakwa Raya*.

Di dalam kes ini Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa seksyen 37D dan seksyen 37DA [Akta 234] tidak boleh diguna pakai secara bersekali. Mahkamah telah mengambil pendirian bahawa seksyen 37D dan seksyen 37DA Akta Dadah Berbahaya 1992, masing-masing adalah seksyen yang membangkitkan anggapan terhadap seseorang tertuduh.

Oleh yang demikian Mahkamah Persekutuan berpendirian bahawa kedua-dua seksyen tersebut tidak boleh diguna pakai secara bersekali kerana ia terjumlah sebagai anggapan berganda atau pun *double presumption* dan akibatnya ia akan menzalimi dan menekan hak tertuduh. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan di muka surat 171 perenggan 8 telah memutuskan seperti berikut. Berdasarkan kata bahasa seksyen 37DA sebagaimana adanya untuk menerapkan anggapan pemilikan yakni pemilikan seperti yang difahami dalam undang-undang jenayah dengan pengetahuan yang terdapat dalam seksyen 37D ke dalam seksyen 37DA agar anggapan mengedar yang selanjutnya boleh dikenakan terhadap seseorang tertuduh yakni anggapan atas anggapan. Samalah seperti memberikan kepada perkataan didapati di dalam pemilikannya dalam seksyen 37DA.

**■1840**

Satu makna yang lari daripada maksud biasa peruntukan tersebut. Ia juga adalah bertentangan dengan prinsip yang lama, terpakai berhubung pentafsiran statut hukuman dan adalah sangat zalim dan menekan tertuduh.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 ini bertujuan membuat pindaan kepada Akta 234 bagi:

- (i) memperuntukkan kuasa kepada pegawai sains yang berkhidmat dengan kerajaan untuk menganalisis sampel biologi bagi pengesanan dadah berbahaya; dan,
- (ii) membolehkan pihak pendakwaan mengguna pakai anggapan di bawah seksyen 37D bersekali dengan seksyen 37DA, Akta Dadah Berbahaya 1952 agar anggapan mengedar yang selalunya boleh dikenakan terhadap seseorang tertuduh.

Peruntukan-peruntukan substantif yang dicadangkan adalah seperti berikut ini.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 31A, Akta 234 untuk membenarkan seorang Pegawai Sains yang diambil bekerja oleh kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 37A yang sedia ada sebagai seksyen 37B.

Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen 37A baru ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Depan saya ada tujuh orang yang berhasrat hendak berucap kerana saya harap kalau boleh *concentrate* ataupun tumpukan kepada pindaan rang undang-undang yang berkenaan. Tanpa buang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam.

**6.42 ptg.**

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Akta Dadah Berbahaya berkaitan dengan bukti-bukti biologi. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan juga mengiktiraf pegawai sains universiti supaya bahan bukti boleh diguna pakai dalam mahkamah selain pegawai sains kerajaan.

Kedua, *double presumption* apabila pesalah ditangkap bersama dengan bahan bukti akan sertamerta didakwa bersalah. Bukan seperti sekarang, pesalah yang ditangkap perlu dibuktikan dahulu kesalahan oleh pihak polis sebelum penahanan.

Ketiga soalan saya, jika tangkapan pesalah mengguna dadah dan dadah ciptaan baru *ice* atau syabu, apakah langkah-langkah khas yang akan diambil oleh KDN dan Kementerian Kesihatan. Ini kerana pesalah guna *ice* atau syabu mengalami gangguan mental atau skizofrenia. Yang mana pada waktu sekarang, pesalah guna dadah ini tidak dapat dihantar ke pusat pemulihan seperti Pusat Serenti, "Cure & Care". Pada waktu ini pesalah guna dadah ciptaan *designer drugs- ice* atau syabu tidak diterima masuk kerana gangguan mental. Jadi, mereka yang ini akan terlepas.

Perkara keempat yang ingin saya bangkitkan ialah selama ini mereka yang ditangkap kebanyakannya penghisap dadah dan juga pengedar. Akan tetapi tauke-tauke besar ini terlepas. Saya hendak minta Menteri menjelaskan juga, berapakah tauke dadah yang telah ditangkap setakat ini? Berapa orang pengedar dan berapa orang pula penghisap supaya kita hendak bandingkan bagaimana beza antara tauke, pengedar dan juga penghisap? Ini kerana yang selalunya yang kena tangkap adalah penghisap.

Kelima, saya ingin mencadangkan supaya dalam akta tambahan, bukan sahaja contoh biologi tetapi juga *non-biology* seperti gambar. Termasuk gambar yang diambil oleh kamera biasa ataupun yang dicetak di dalam akhbar ataupun video, boleh digunakan sebagai bukti. Ini kerana kadang-kadang pengedar dadah ini dia *pass through* di tempat-tempat tertentu. Jadi, kita boleh ambil gambar dari jauh. Sekarang ini bahan-bahan bukti seperti ini tidak boleh guna dalam mahkamah. Ada kata video ini besi, tidak boleh bercakap. Jadi, ada juga skandal-skandal seks terlepas. Saya harap ini perlu diberikan perhatian yang serius supaya video boleh diguna pakai dalam kes dadah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

**6.46 ptg.**

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk sama-sama berbahas dalam Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dapat berjaya mengadakan usul ini.



Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] yang mana pesalahnya ada yang boleh dikenakan hukuman sampai mati. Akan tetapi hukuman ini seolah-olah tidak ditakuti dan tidak dipedulikan oleh pengedar-pengedar dadah dan sebagainya. Kita dapati Tuan Yang di-Pertua, lebih 74,000 kes tangkapan dadah jenis *methamphetamine* yang telah berjaya dilakukan dan ia dianggap tertinggi di Asia Tenggara.

Baru-baru ini kita dikejutkan dalam surat khabar, di dalam televisyen bahawa pegawai penguat kuasa sendiri yang diperkatakan oleh 'Dr. Syukri' tadi- 'Dr Syukri' kah?... [Bertanya kepada seorang Ahli] Yang Berhormat Dr. Johari tadi. Empat orang pegawai penguat kuasa kita ditangkap di KLIA- harapkan pagar, pagar makan padi. Ini yang berlaku. Seolah-olah mereka tidak mempedulikan akta yang telah kita wujudkan selama ini dan nilainya lebih kurang 14 juta Yang Berhormat Senator Dr. Ini satu angka yang tinggi yang dibuat oleh penguat kuasa kita sendiri.

Persoalannya, saya hendak bertanya. Mengapa kadar penyeludupan dadah ini tinggi terutamanya di pintu-pintu masuk utama ke dalam negara kita? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah penguatkuasaan kita yang ada hari ini terlalu longgar yang menyebabkan boleh pembolosan itu berlaku? Saya berharap dalam soal ini, kita harus memainkan peranan yang lebih supaya negara kita bebas daripada perkara macam itu.

Seksyen 39B Akta 234 memperuntukkan hukuman mati jika seseorang itu didapati memiliki dadah secara haram melebihi kadar yang ditetapkan. Ini adalah hukuman serius dan amat berat, saya kira. Di sini, saya memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kes di mana seseorang itu ditangkap sebagai keldai dadah. Di mana mereka ini diperalatkan untuk membawa beg berisi dadah yang pernah berlaku kepada ibu tunggal dan kanak-kanak. Adakah dakwaan ini layak dikenakan terhadap mereka? Walhal mereka tidak tahu kandungan beg tersebut tetapi telah diupah untuk membawa beg tersebut dari 'A' ke 'B'.

■1850

Jadi di dalam keadaan tersebut, adakah mereka ini didapati bersalah di bawah seksyen ini bagi membuktikan kesalahan, terdapat dua inti pati kesalahan perlu dibuktikan iaitu:

- (i) pemilikan dan pengetahuan; dan
- (ii) berat dadah dan kuantiti minimum.

Jadi bagaimana dapat didakwa seorang ibu dan kanak-kanak yang tidak tahu tentang kewujudan dadah tersebut? Jika mereka didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati sudah pasti hukuman mati yang dikenakan merupakan suatu penganiayaan. Dalam soal ini, bagaimana pegawai sains dapat membuat pengesahan tersebut?

Selain daripada itu, saya juga memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan penggunaan istilah pegawai sains seperti mana termaktub dalam rang undang-undang ini. Saya memohon penjelasan ini kerana di hospital-hospital terdapat pelbagai pegawai sains, pegawai sains kimia, pegawai sains kimia biologi, pegawai sains makanan, pegawai sains fizik. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat lebih spesifik lagi dalam perkara ini bagi mengelak timbul lagi kesulitan dalam proses pendakwaan.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu apakah kelayakan akademik minimum bagi mentakrifkan seseorang itu sebagai pegawai sains? Memandangkan jumlah sempal dadah yang perlu diuji, sebanyak lebih 655,000 Tuan Yang di-Pertua, setahun. Saya memohon penjelasan adakah bilangan pegawai sains yang ada sekarang cukup untuk melaksanakan tugas tersebut? Saya juga mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan metode, ujian terhadap sampel-sampel dadah. Saya difahamkan ada dua cara untuk menguji sempal dadah iaitu melalui penggunaan peralatan saintifik berkomputer dan satu lagi secara manual.

Jika diambil kira, ujian turut melalui penggunaan peralatan saintifik berkomputer dapat memberikan keputusan yang lebih tepat berbanding dengan ujian secara manual. Ujian manual tadi keputusannya agak kurang tepat. Bagi ujian yang dijalankan di hospital luar bandar. Ujian pada biasanya hanya dapat dilakukan secara manual. Jadi apakah, adakah keputusan ujian ini dapat diguna pakai dalam mahkamah? Jadi itu sahaja, saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri yang ada di sini tentang soal-soal apa yang telah saya bangkitkan sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

#### 6.53 ptg.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam antidadah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan untuk saya sekali lagi mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] iaitu bagi meminda seksyen 31A dengan memasukkan subseksyen (1AA). Penomboran semula seksyen 37A kepada seksyen 37B dan memasukkan seksyen 37A yang baru.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan memasukkan subseksyen (1AA) ke dalam seksyen 31A bagi membenarkan seorang pegawai sains yang diambil kerja oleh kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A. Pada masa kini terdapat 100 orang pegawai sains kimia hayat ditugaskan untuk menjalankan analisis dadah berbahaya namun Pegawai Sains ini tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 31A tersebut. Mahkamah telah memutuskan dalam kes Yusri Yahaya (2013) bahawa hanya pegawai perubatan dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen berkenaan.

Oleh itu langkah kerajaan untuk meminda akta ini adalah penting dan wajar bagi memastikan pendakwaan dapat dijalankan dengan adil dan berkesan. Sehubungan dengan itu, Laporan Analisis Sampel Biologi termasuk sampel urin oleh Pegawai Sains yang terdiri dari Pegawai Sains Kimia Hayat dan Pegawai Sains Forensik akan diterima mahkamah. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan khas bagi pegawai-pegawai sains ini seperti badan ahli farmasi dan Pegawai Perubatan bagi memastikan profesionalisme pegawai-pegawai sains yang terlibat dengan tugas pemeriksaan sampel biologi dan urin ini.

Apakah langkah kerajaan bagi menambah bilangan pegawai sains seperti pegawai sains kimia hayat dan pegawai sains forensik memandangkan kini telah terdapat 105 buah hospital negara ini yang mempunyai peralatan dan kemudahan yang lengkap untuk menjalankan analisis sampel biologi dan urin. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Kimia Malaysia yang dibebankan dengan tugas khususnya dari segi analisis sampel biologi bagi mengesan dadah berbahaya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan ahli kimia sedia ada khususnya yang terlibat secara langsung dalam analisis sampel biologi bagi pengesanan dadah. Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan cadangan menomborkan seksyen 37A sebagai seksyen 37B dan memasukkan seksyen 37A yang baru bagi membolehkan pendakwaan mengguna pakai anggapan seksyen 37D bersekali dengan anggapan seksyen 37A Akta Dadah Berbahaya 1952.

Memandangkan sebelum ini Mahkamah Persekutuan dalam kes Muhammad Hassan 1998 telah memutuskan seksyen 37D dan seksyen 37DA [Akta 234] tidak boleh diguna pakai secara bersekali. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan kerajaan, sejauh manakah pindaan akta ini tidak akan menekan dan menzalimi pihak tertuduh serta seterusnya keadilan dapat ditegakkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat?

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Maaf Tuan Yang di-Pertua, terjatuh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dadah ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang telah ditubuhkan pada 1996 dengan menggabungkan Pasukan Petugas Antidadah (PPAD) dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan (BRPD) sebagai organisasi di bawah Kementerian Dalam Negeri, AADK juga ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah. AADK berperanan untuk menentukan segala usaha negara memerangi ancaman dadah berjalan secara terancang, berarah dan selaras demi mewujudkan satu masyarakat yang bebas daripada dadah.

AADK bertanggungjawab bagi melaksanakan program pencegahan, melaksanakan program rawatan dan pemulihan, meningkatkan sistem maklumat dadah dan menilai keberkesanan program antidadah negara, meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam usaha memerangi ancaman dadah serta memberi khidmat urus setia kepada Majlis Dadah Kebangsaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah AADK telah berjaya memainkan peranannya terutama dari segi pencegahan dan rawatan dadah. Apakah langkah kerajaan bagi memperkasakan AADK supaya ancaman dadah kepada negara ini dapat dikurangkan? Saya difahamkan kesudahannya akan berlaku sebagaimana biasa dipraktikkan, di mana yang kena membuat operasi adalah pihak keselamatan.

#### ■1900

Maka berlakulah lambakan tugas kepada pihak polis. Saya pohon tugas ini dikaji semula supaya tidak berlaku pertembungan tanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Dengan ini saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

**7.00 mlm.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang juga dari Pulau Pinang yang telah membentangkan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya.

Jadi memandangkan masa yang agak cemburu terhadap kita, saya akan lebihkan untuk bertanyakan soalan kepada kementerian. Jadi saya ingin menyentuh yang pertama pindaan seksyen 31A yang bertujuan memasukkan pegawai sains dalam kerajaan bagi menjalankan analisis ke atas sampel biologi bagi kes dadah berbahaya dan sampel biologi bagi tujuan pengesanan dadah berbahaya. Soalan saya kepada kementerian, apakah prosedur terhadap laporan analisis sampel biologi itu yang dihasilkan oleh pegawai sains boleh diterima di peringkat mahkamah.

Perkara ini penting kerana ada kalanya kita lihat sebelum-sebelum ini kes tangkapan yang melibatkan suspek-suspek yang sangat dikehendaki pihak berkuasa secara tiba-tiba boleh terlepas begitu sahaja disebabkan kesilapan teknikal mahupun kelonggaran laporan terhadap laporan sampel biologi. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya soalan saya kepada kementerian, sebaik pindaan ini diluluskan kelak, adakah hospital-hospital kerajaan telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan terkini yang sesuai dengan analisis sampel biologi bagi pengesanan dadah berbahaya.

Seterusnya saya juga ingin tahu setakat manakah makmal hospital berkemampuan untuk menjalankan analisis sampel yang banyak. Saya difahamkan bilangan sampel yang diterima dalam analisis ini telah bertambah daripada tahun ke tahun pada kadar 10% hingga 20%. Pada tahun 2011 sahaja, bilangan ujian yang dilakukan oleh makmal hospital adalah lebih daripada 655,000 ujian. Begitu banyak, jadi kita ingin tahun sama ada kementerian mempunyai pegawai-pegawai yang mencukupi untuk mengendalikan sampel-sampel tersebut.

Akhir sekali kepada kementerian, saya ingin tahu mengenai kaedah-kaedah analisis yang telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan semasa? Akan tetapi adakah kita juga mempunyai kemampuan untuk juga mengesan dadah baru dalam pasaran sebab dadah ini pun dia makin *advance*. Kadang-kadang dia keluar yang kita tak dapat tahu. Jadi sekarang ini, pihak penjenayah atau mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah semakin pintar dan sofistikated. Jadi mereka mempunyai banyak helah dan juga adakah pegawai-pegawai sains kita ini bersedia untuk menghadapi situasi hal-hal yang sedemikian? Juga adakah kementerian akan menyediakan latihan daripada semasa ke semasa khusus kepada pegawai-pegawai sains ini untuk memastikan bahawa segala helah ini dapat kita kenal pasti dan dapat kita tangani dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahitaufik wal widayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

**7.03 mlm.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya pada malam ini, saya lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan saya yang setia lagi menunggu. Saya ingat hari ini tak ada ramai yang bahas Tuan Yang di-Pertua, rupanya ada tujuh orang. Ini satu semangat yang baiklah kepada rakan-rakan saya, tahniah. Kalau tadi Yang Berhormat Norliza tahniah kepada Menteri dia, orang Pulau Pinang, saya juga tahniah kepada Menteri saya datang dari Johor, Datuk Halimah. Terima kasih [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, ini hari dah malam Tuan Yang di-Pertua. Hari pun penghabisan, sejuk sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 pada petang ini. Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 dibentangkan di sini adalah bertujuan untuk meminda seksyen 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dengan dimasukkan subseksyen (1AA) dan juga penomboran semula seksyen 37A kepada seksyen 37B dan memasukkan seksyen 37A yang baru.

Rang undang-undang ini memperuntukkan pindaan bagi memasukkan subseksyen (1AA) dengan memberi kuasa kepada pegawai sains yang diambil bekerja oleh kerajaan untuk mengambil dan menganalisis sampel biologi bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A akta yang sama serta menyediakan peruntukan bagi membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai satu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Pindaan ini berikutan dengan beberapa isu tentang status dan kedudukan pegawai sains yang menjalankan pemeriksaan dalam kes melibatkan akta ini sebagaimana yang dimaklumkan oleh Menteri di Dewan yang mulia ini. Di dalam kes rayuan terkini iaitu kes Yusri Yahaya di mana mahkamah memutuskan bahawa pemeriksaan di bawah seksyen 31A hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan. Pegawai perubatan yang dimaksudkan dalam seksyen ini termasuklah ahli kimia. Pegawai sains tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen tersebut.

Ekoran daripada kes tersebut, banyak kes yang didakwa di bawah seksyen 15(1)(a) yang telah didaftarkan di bawah mahkamah yang mana analisis sampel urin telah dijalankan oleh pegawai sains kimia hayat di hospital kerajaan terpaksa dilepaskan tanpa dibebaskan. Bagi memenuhi kehendak undang-undang dan matlamat untuk mencegah jenayah dan mewujudkan keamanan dalam masyarakat, maka pindaan ini perlu bagi mengiktiraf pegawai sains ini dan membolehkan laporan analisis sampel biologi termasuk sampel urin yang dihasilkan oleh pegawai sains tersebut boleh diterima mahkamah.

Isunya di sini adalah berkaitan pegawai perubatan dan ahli kimia ini. Mohon penjelasan daripada pihak Menteri kerana Pegawai Sains ini hanya dirujuk kepada pegawai perubatan dan ahli kimia sahaja. Kalau dirujuk kepada Pegawai Sains, ia juga meliputi Pegawai Sains Kimia Hayat, sains kimia, biologi dan sebagainya. Jadi kita minta Menteri bagi penjelasan tentang siapa yang dimaksudkan dengan "Pegawai Sains" itu? Adakah ia *strict*, dengan izin, atau menjerus hanya kepada Pegawai Perubatan dan

ahli kimia sahaja? Bagaimana dengan pegawai-pegawai sains yang berkaitan lain seperti Pegawai Sains Biokimia dan lain-lain? Merujuk kepada seksyen 31A, Akta 234 yang membenarkan pegawai perubatan kerajaan termasuklah ahli kimia kerajaan menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana suspek bagi mendapatkan bukti apabila berlakunya kesalahan di bawah akta ini.

Peruntukan tersebut menetapkan beberapa prosedur yang perlu dipatuhi ketika menjalankan pemeriksaan ke atas suspek. Antaranya adalah pemeriksaan suspek hendaklah dilakukan oleh pegawai perubatan atau mana-mana orang yang bertindak membantu pegawai perubatan dan di bawah arahnya. Kita berharap agar pemeriksaan terhadap suspek dapat dilakukan dengan sewajarnya. Kita minta kalau suspek itu lelaki, pegawai yang memeriksa itu lelaki dan sekiranya perempuan, pegawai yang memeriksa itu mestilah perempuan. Ini mengikut syarak dan lebih beradab dan janganlah sebaliknya.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu berkaitan prasarana bagi membantu Pegawai Sains menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 31A. Pengambilan sampel perlu dilakukan oleh pegawai perubatan termasuklah setiap orang yang diambil bekerja dan kerajaan atau badan-badan berkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai pegawai perubatan atau ahli kimia seperti mana yang diterangkan oleh Menteri, ada menyebut sebanyak 655,000 sampel. Agak terkejut sebenarnya mendengar jumlah yang agak banyak. Jadi berapa jumlah profesional daripada segi jumlah ahli kimia atau pegawai sains yang kita ada untuk melaksanakan pemeriksaan tersebut?

#### ■1910

Menteri ada juga menyebut tentang perkembangan dan pencapaian yang dilakukan oleh kementerian, terutama makmal hospital yang dibangunkan telah dilengkapi dengan peralatan terkini seperti *gas chromatography mass spectrometry*. Minta maaf. Saya ini makan belacan- ayat tidak berapa ini Tuan Yang di-Pertua. *Chemistry analyzer* dan sebagainya. Kedua, makmal hospital berkemampuan untuk menjalankan analisis sampel yang banyak, bilangan sampel yang diterima dalam analisis ini telah ditambah dari tahun ke tahun pada kadar 10% hingga 20%.

Pada tahun 2011 bilangan ujian yang dilakukan oleh makmal hospital adalah lebih daripada 650,000. Pengguna fasilitet baru dan makmal khas khusus untuk perkhidmatan dadah berbahaya. Keempat, peruntukan kewangan sebanyak lebih kurang RM3 juta setahun telah dibekalkan kepada perbelanjaan makmal hospital yang dikhususkan untuk memberi perkhidmatan analisis dan pengesanan dadah berbahaya.

Kaedah-kaedah analisis telah dibangunkan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan semasa tetapi untuk mengesan dadah baru dalam pasaran. Keenam, Pegawai Sains telah memperoleh pelbagai latihan lanjutan dalam analisis dadah dan ada di antara mereka yang telah mempunyai Ijazah Sarjana dan sebagainya. Akhirnya, pada tahun 2011 terdapat 60 Pegawai Sains Kimia Hayat di sektor kerajaan terlibat kepada sepenuh masa dalam menjalankan analisis dadah berbahaya dan 45 orang pegawai sains kimia hanya terlibat secara separuh masa.

Tahniah kerajaan atas langkah yang begitu proaktif dalam memastikan negara kita juga maju dalam aspek memerangi jenayah dan memastikan negara harmoni dan rakyat hidup aman damai. Bagaimanapun saya ingin bertanya, adakah pada masa ini kita mempunyai kepakaran yang mencukupi

dan adakah kita terpaksa mendapatkan pegawai sains dari luar negara bagi memastikan kita mempunyai cukup tenaga insani dalam bidang ini.

Selain profesional yang mencukupi, kita juga ingin bertanya, apakah prasarana yang disediakan ini mencukupi bagi Pegawai Sains ini melaksanakan tugas mereka menyelidik sampel atau bukti jenayah yang diberikan, terutamanya di kawasan luar bandar. Mereka dikatakan perlu melakukan pemeriksaan secara manual. Kita sedar kekangan lain yang dihadapi oleh kerajaan bagi menyediakan alat teknologi semasa terutamanya di kawasan luar bandar seperti kekangan kewangan dan lain-lain.

Namun, dari segi teknologi dan peralatan pemeriksaan kita kena lebih *advance* dan terkini bagi menangani jenayah ini dan juga perlu memastikan Pegawai Sains ini cukup terlatih dalam mengendalikan alatan baru dalam keadaan tersebut. Jadi, apakah langkah kerajaan dalam menangani isu yang disebutkan ini Yang Berhormat Menteri. Dengan demikian, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pindaan yang dicadangkan ini dapat dilaksanakan bagi memastikan negara kita bebas daripada jenayah dan menjadi contoh kepada negara lain dalam menangani isu jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja perbahasan saya pada petang ini. Sebelum itu, akhir kata sebuah pantun kepada Tuan Yang di-Pertua, ini sudah malam Tuan Yang di-Pertua.

*Makan malam bersama mentua,*

*Mentua datang bersama mak uda,*

*Ikutlah amalan Tuan Yang di-Pertua*

*Selalu senyum nampak muda...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan Yang Berhormat [*Ketawa*] Terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** ...

*Bunga mawar, bunga selasih,*

*Sekian, terima kasih.*

Selamat Tahun Baru, selamat menyambut Hari Krismas dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Kalau boleh agaknya pendekkan juga, ringkaskan. Terima kasih.

#### 7.14 mlm.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya di kesempatan ini untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi memberi kuasa kepada pegawai sains untuk mengambil dan untuk menganalisis sampel biologi bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A Akta 234 berkenaan.

Pindaan itu juga bagi menyatakan satu dokumen yang dikatakan laporan yang dibuat oleh pegawai sains itu boleh diberikan sebagai keterangan dalam perbicaraan satu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebelum ini hanya pegawai perubatan dan pegawai kimia kerajaan sahaja yang dibenarkan atau diberikan kuasa untuk menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana suspek bagi mendapatkan sebarang bukti.

Pindaan peruntukan ini akan memperluaskan lagi kepada pegawai sains Jabatan Kimia dan pegawai sains kimia hayat termasuk pegawai sains forensik di hospital kerajaan yang sebelum ini tidak tergolong di bawah mana-mana kategori orang yang disebut dalam seksyen 31A. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan pegawai sains ini bukan sahaja mempunyai kelulusan yang tinggi sehingga ijazah kedoktoran tetapi juga telah menjalani latihan lanjut di dalam dan di luar negara.

Oleh kerana itu kepakaran mereka tidak diragui sama sekali. Selain itu, kita juga amat berbangga dengan kemampuan Kementerian Kesihatan yang telah menyediakan segala peralatan yang terkini bagi mengesan dan menganalisis pelbagai jenis dadah baru dalam pasaran. Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah keterangan pegawai sains kimia hayat ini telah memberikan sebanyak 424 keterangan pada tahun 2011 ini telah diterima oleh mahkamah.

Apakah implikasi dari segi undang-undang terhadap kes-kes yang melibatkan dadah pada masa kini? Saya menganggap keadaan ini sungguh kritikal, khususnya bagi perbicaraan yang melibatkan jenayah dadah. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bilangan kes jenayah dadah bagi tahun 2012 dan juga 2013 terkini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh aspek kedua pindaan akta ini iaitu berhubung dengan seksyen 37D tentang mengedar dadah dan 37DA berhubung dengan kuantiti dadah milik seseorang tertuduh umpamanya dalam kes 39B, Akta 234 yang memerlukan pembuktian dari segi pemilikan dan pengetahuan dan keduanya dari segi berat dadah atau kuantiti minimum dadah. Sebelum ini mahkamah boleh menggunakan kedua-dua anggapan ini bersekali. Bagaimanapun kes Mohamad Hassan 1998, mahkamah memutuskan kedua anggapan ini tidak boleh sekali. Pindaan ini adalah bertujuan untuk memperkasakan Akta Dadah Berbahaya 1992.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak akhir-akhir ini kita dapati trend pengedaran dadah sudah berubah. Sebelum ini dadah dibawa masuk ke negara ini dalam jumlah yang sederhana banyak. Akan tetapi kemudian dadah diseludupi masuk dalam kuantiti yang amat banyak sehingga bernilai jutaan ringgit terutama dari negara jiran Thailand dan juga dari Iran. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bahagian Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana telah berjaya menangkap dan membanteras pengedaran dadah ini.

Bagaimana pun semenjak akhir-akhir ini trend ini sudah agak berubah. Dadah telah kurang diseludupi kerana kawalan yang agak ketat di semua pintu masuk negara. Keadaan ini lebih membimbangkan kerana dadah walaupun berkurangan diseludupi masuk tetapi dadah diproses dalam negara. Kepakaran memproses dadah dari China dan Iran dibawa masuk ke negara ini bukan sahaja untuk pasaran Malaysia tetapi juga menjadikan Malaysia sebagai pangkalan pengedaran dadah di rantau



ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan kes pemprosesan dadah di dalam negara ini bagi tempoh 2012 dan 2013 terkini.

Akhirnya, saya ingin pendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan kerajaan mempunyai bilangan pegawai sains dan pegawai hayat kimia yang mencukupi bagi menjalankan pemeriksaan dan penganalisan sampel biologi dan juga urin suspek supaya tidak berlaku kelewatan dan menjejaskan hak individu. Akhirnya, saya ingin mengucapkan *Merry Christmas* kepada sesiapa yang menyambut Krismas dan juga Selamat Tahun Baru kepada sesiapa yang berada di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali, saya mempersilakan Yang Berhormat Saiful yang biasanya dia jarang sampai akhir ini. Tahniah Yang Berhormat, bagus sekali. So, sekarang ini Yang Berhormat sila.

#### 7.20 mlm.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Ini kena tengok rekod kehadiran baru betul, salah tafsiran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya sedikit ruang terlibat dalam membahaskan pindaan kecil kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.

#### ■1920

Saya hendak lebih memfokuskan kepada fasal 2 iaitu pindaan yang kecil tetapi penting kepada seksyen 31A dengan memasukkan subseksyen baru 1AA, berkaitan dengan penganalisan sampel biologi oleh Pegawai Sains yang diambil bekerja oleh kerajaan. Ayat yang diguna pakai untuk subseksyen ini ialah, "*Any biological sample collected for the purposes of any examination under this section may be analyze by a science officer employed by the government*".

Ada beberapa persoalan atau isu yang harus dipertimbangkan juga oleh pihak kementerian dalam kita melaksanakan pindaan kecil ini kerana secara umum kita tahu hanya ada beberapa seksyen yang terkenal di bawah Akta Dadah Berbahaya. Yang paling terkenal seksyen 39B kerana hukumnya gantung sampai mati. Yang kurang terkenal 39A, 12(1), 12(2), 12(3), 12(4) berkaitan dengan penggunaan. Ada banyak lagi. Harap-harapnya tidak ada kita yang terlibat dengan 39B Tuan Yang di-Pertua.

Isu pertama yang ingin saya kaitkan dibangkitkan tadi ialah tentang taraf kelayakan individu dan perjawatan pegawai sains yang dimasukkan di dalam subseksyen baru ini. Apa yang penting ialah, perlu pentafsiran yang jelas bagi mengelakkan sebarang penemuan atau dengan izin, *findings* oleh pegawai sains ini dari dicabar semula di mahkamah.

Saya meneliti keseluruhan [Akta 234] ini, dan juga tiga akta yang berkaitan iaitu Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340], Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316] dan kaedah-kaedahnya, serta akhirnya Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283].

Di bawah Akta Dadah Berbahaya [*Akta 234*] ini ada tiga seksyen yang berkaitan dengan tafsiran iaitu seksyen 2, seksyen 18 dan seksyen 26. Saya meneliti ketiga-tiga seksyen ini, dan tidak ada tafsiran sama sekali tentang individu yang dikatakan sebagai pegawai sains. Keperluan kita mentafsirkan individu ini ialah untuk memastikan ianya atau sebarang penemuan atau penganalisan yang dilakukan oleh pegawai sains ini dari dicabar lagi di mahkamah.

Kes disebut tadi, kes rayuan di mahkamah- kes *Yusri Yahaya lawan Pendakwa Raya*. Itu membuktikan bagaimana sedikit...

**Dato' Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Ya, sila.

**Dato' Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, sebab saya tidak berapa faham dengan undang-undang ini. Kita hendak lantik ahli sains atau apa- saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah kalau dia ditangkap bawa satu kilogram. Selepas itu sampel yang dianalisis ini mungkin satu gram. Kalau masuk ke mahkamah, yang mana kita hendak pakai? Yang satu kilogram yang ditangkap atau satu gram yang dianalisis? Apa selalunya yang berlaku? Tolong Yang Berhormat sebagai pengamal undang-undang. Maksudnya dia kena tangkap satu kilogram. Bawa masuk ke mahkamah tetapi sampel yang dianalisis mungkin satu gram sahaja. Jadi selalunya sebagai pengamal undang-undang, apa akan berlaku? Adakah mahkamah boleh terima satu gram itu ataupun hendak pakai yang satu kilogram? Mesti analisa satu kilogram sekali, baru kita hendak bercakap benda-benda lain itu senang. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih kerana mengganggu rentak saya yang terakhir pada malam ini tetapi sebenarnya ada saya hendak sebut tadi. Akan tetapi di peringkat akhir sebenarnya iaitu proses pengambilan sampel biologi. Tidak kiralah dadah, urin atau apa-apa sahaja berkaitan dengan dadah berbahaya. Ia berbeza antara dadah itu dan urin.

Selalunya secara umum sampel diambil. Kalau urin sepatutnya oleh Pegawai Perubatan. Ini hendak kena ajar undang-undang *criminal* ini lambat juga tetapi tak apalah Yang Berhormat.

Peringkat pertama ada pengambilan sampel ya, dan ada proses pemeteraian atau *proper sealing of the evidence* bahan itu. Kemudian proses penghantaran sampel itu ke Makmal Analisis Kerajaan. Selepas itu ada proses penganalisan dan penemuan sampel, dengan izin, *the findings of the sample*. Laporan bertulis selalunya dilakukan oleh pegawai analisa. Kemudian penghantaran laporan itu kepada pegawai penyiasat berserta dengan baki sampel.

Selalunya apa yang berlaku sefaham saya ialah, kalau katakan jumpa dalam satu beg, dia analisa sedikit sahaja. Yang lain itu dia tidak analisa. Jenuh dia hendak analisa. Takut dia pula mabuk atau *high* pula [*Ketawa*] Akan tetapi kalau ada beberapa bekas, dia akan ambil sampel dari setiap bekas takut nanti bekas ini memang dadah. Yang satu lagi mungkin ketum di bawah Akta Racun. Yang Berhormat Baharudin dia faham sangat [*Ketawa*] Mungkin juga satu lagi serbuk biasa. Jadi setiap bekas yang ditemui akan dianalisis melainkan kalau hanya satu bekas ditemui. Dia tidak analisa semua tetapi selalunya kita akan mencabar proses pengambilan bukti dan penganalisan.

Oleh sebab itu saya sambung balik yang tadi, perlu pentafsiran yang jelas tentang status pegawai sains ini. Kalau dahulu Pegawai Perubatan ada tafsirannya di bawah seksyen 2. pegawai polis

dan pegawai kastam pun ada pentafsirannya yang jelas. Jadi kena ada tafsiran jelas dan sepatutnya dilakukan bersekali dengan kemasukan subseksyen yang baru ini dan tidak dibuat berasingan.

Isu kedua yang ingin saya sentuh berkaitan ialah di bawah seksyen 31A(1)(a) ada peruntukan pengambilan sampel urin oleh anggota polis atau pegawai polis sekurang-kurangnya berpangkat sarjan dan juga pegawai kastam yang berkaitan. Ada kes kastam, ada kes polis.

Persoalan kita ialah, adakah pegawai polis yang ditafsirkan di bawah seksyen 31A(1)(a) ini layak dikategorikan sebagai pegawai sains sekiranya dia punya kelayakan? Pertama itu atau orang-orang yang bertindak di bawahnya? Bertindak di bawahnya maksudnya bertindak di bawah pegawai sains itu, adakah boleh dikategorikan sebagai orang yang dibenarkan mengambil sampel sekiranya berlaku ketiadaan pegawai perubatan sewaktu pengambilan sampel? Ini terkandung di bawah seksyen 31A(1)(a). Ini juga penting untuk kita lihat kerana kita tidak mahu nanti sampel urin yang diambil dicabar di mahkamah.

Berlaku kes-kes terutamanya yang melibatkan seksyen 12(2), 12(3), 12(4), sampel urin yang diambil, kita cabar di mahkamah, dan didapati tercemar kerana pertama, diambil secara tidak betul. Keduanya, diambil oleh orang yang tidak betul. Ketiganya, proses pemeteraian atau *the sealing of the evidence*, dengan izin, juga berlaku dengan tidak betul hingga pencemaran kepada sampel biologi yang diambil. Ini penting kerana banyak kes pendakwaan yang gagal akibat kesalahan teknikal yang kecil ini.

Isu yang ketiga ialah perlukah kehadiran fizikal atau *physical presence* pegawai sains ini semasa proses sampel pengambilan biologi? Seksyen 31(1)(1)(a) ada memberikan peruntukan kuasa kepada pegawai polis di atas pangkat sarjan dan pegawai kastam untuk situasi di mana ketidakhadiran pegawai perubatan di waktu yang munasabah.

Saya bangkitkan perkara ini ialah bagi, sekali lagi, untuk mengelakkan isu-isu kecil dan bersifat teknikal seperti pencemaran bahan bukti atau *tampering with the evidence* berlaku.

#### ■1930

Peruntukan di bawah seksyen 31A(1)(a) sering dicabar oleh pasukan pembelaan kerana proses pengambilan sampel itu dilakukan secara sambil lewa. Dengan kemasukan seksyen baru ini mungkin boleh membantu, tetapi sekiranya tafsiran kepada pegawai sains itu tidak diberikan mungkin ianya akan terus menambah kekeliruan di dalam proses pendakwaan.

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya sudah sebut tadi terima kasih Yang Berhormat kerana tanya saya tentang proses. Saya tidak payah hendak sebut sekali lagi. Satu lagi perkara, isu yang kelima yang saya ingin sentuh ialah pindaan ini tidak menyentuh tentang kebolehterimaan keterangan lisan atau laporan bertulis dari pegawai sains yang dimasukkan di mahkamah.

Kalau pegawai perubatan ada peruntukan dia. Akan tetapi dalam kes ini, dalam peruntukan pindaan yang baru ini tidak ada. Sepatutnya satu seksyen atau *subparagraph* yang menyatakan bahawa sebarang keterangan yang diberikan oleh pegawai sains yang digaji oleh kerajaan ini boleh diterima

sebagai benar di mahkamah. Ini kena ada. Kalau dapat dipertimbangkan lagi oleh kementerian ataupun pegawai yang melakukan draf ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon penjelasan tentang pindaan yang terakhir ya, bukan yang tentang penomboran, tentang seksyen 37A baru ini, *application of presumption* atau dipanggil tanggapan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Peruntukan tentang anggapan terkandung di bawah seksyen 37, akta ini, Akta 234. Dia ada 11 subseksyen, 'A' hingga 'K'.

Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang sumber-sumber lain yang boleh dianggap sebagai anggapan di bawah undang-undang yang sama undang-undang 234 dan juga undang-undang bertulis yang lain seperti mana yang dinyatakan di bawah subseksyen baru ini. Saya rasa itu saja yang ingin saya sentuh. Saya mohon sedikit penjelasan supaya bila dilakukan pindaan ini ianya tidak terus menyebabkan banyak kes-kes kerajaan sama ada tertangguh ataupun tewas di mahkamah kerana isu-isu teknikal. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat minta maaf saya ada satu soalan. Izinkan saya. Tadi ada kaitan dengan proses tadi. Saya tidak hendak ganggu tadi. Yang Berhormat, ini isu keselamatan bahan bukti dan juga ketahanan bahan bukti. Ini kerana pada praktikalnya ujian ini dibuat di satu hospital macam di tempat saya di Hospital Muadzam Shah, itu dibuat rapid ujian yang cepat, *rapid test*. Kemudian untuk pengesahan dihantar ke Hospital Besar Kuantan, jaraknya dalam 100 kilometer. Jadi, soalan saya adakah bahan ini ada kemungkinan apabila perlu dibawa begitu jauh untuk pengesahan tertakluk kepada syarat-syarat? Ataupun adakah bahan bukti itu ada kemungkinan berlaku perubahan dan lain-lainnya yang mungkin menjejaskan bahan bukti tersebut? Kedua dari segi keselamatan bahan bukti yang tertakluk pada perjalanan yang begitu jauh.

Jadi, soalan saya adakah perkara ini sudah diambil kira dan bagaimana tempat-tempat di mana lebih jauh makmal itu lebih jauh daripada kes-kes itu. Adakah aspek ini juga boleh memberi kesan kepada bahan bukti tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya rasa soalan ini patut ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bukan Menteri.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Soalan itu kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Okey, okey. Itu betul.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Cuma saya tumpang dalam proses tadi. *Thank you*.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Cuma yang kedua, tentang proses penghantaran itu saya faham sebab saya pun tidak terlibat dengan anggota polis. Di tempat-tempat yang okey, yang baik, proses penghantaran berjalan dengan baik. Jadi tidak berlaku pencemaran bahan tetapi berlaku juga di beberapa tempat yang agak jauh. Bahan sampel biologi itu tercemar. Kalau urin tidak apa, tapi kalau dadah itu kadang-kadang tercemar. Dia tercampur-campur. Jadi mungkin perkara itu patut dipertimbangkan oleh pihak kementerian, bagaimana memastikan di kawasan yang agak pendalaman. Bahan-bahan bukti yang diperoleh itu dapat dijaga dengan baik supaya tidak tercemar dan seterusnya menjejaskan kes-kes pendakwaan di mahkamah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 7.35 mlm.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menjawab ataupun boleh menjawab hanya yang kena mengena dengan pindaan. Yang lain itu tentang contohnya macam berapa kes dadah yang kena tangkap dan sebagainya itu sebenarnya itu saya tidak ada maklumat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Akan saya jawab melalui bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam mengenai dengan pegawai sains universiti. Dia mahu mencadangkan supaya dihijrahkan dalam kategori pegawai sains yang dicadangkan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada pegawai sains kaji hayat, pegawai sains forensik dan ahli kimia yang mereka ini memang dilatih untuk tujuan kerja itu. Kerja menganalisis sampel. Pegawai sains universiti tidak dilatih dalam bidang ini. Jadi kita setakat ini belum boleh diterima lagi kecuali pada masa akan datang mereka boleh, kalau dia ada latihan boleh digazet sebagai pegawai sains. Setakat ini belum lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang dadah yang baru ini macam ais, syabu dan sebagainya, memanglah dia melibatkan masalah psikosis bila mereka memakan ais ini. Jadi mereka, kalau mereka tertangkap mereka akan letakkan di hospital dulu, akan dibantu oleh Pegawai-pegawai Psikiatri bila sudah selesai, sudah elok balik, barulah mereka boleh dikenakan tuduhan. Tentang hendak guna gambar, guna video, yang ini adalah tugas polis. Ini adalah sebahagian daripada *evidence* yang saya kira boleh diterima oleh pihak mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, tentang keldai dadah. Ini memanglah kadang-kadang kita dengar berita-berita yang menyedihkan ibu tunggal digunakan sebagai keldai dadah. Kanak-kanak digunakan untuk membawa dadah dan sebagainya.

Dalam hal ini dalam mahkamah pegawai pendakwa raya ada budi bicara sama ada hendak mengenakan anggapan, *presumption* itu boleh digunakan sekali ataupun diguna berasingan. Mengikut *merit of the case* Tuan Yang di-Pertua, pendakwa raya boleh menggunakan *less of charge*, dengan izin tentang perkara ini. Tidak semestinya dia akan terus kepada 39B. Dia boleh digunakan *less of charge*. Polis akan siasat dan didapati memang kes ini adalah kes penganiayaan jadi pendakwa raya ada budi bicara untuk hal ini. Bukan mesti dihukum gantung, tidak.

Tentang adakah mencukupi pegawai-pegawai? Memang sekarang ini mencukupi ini dalam *workload* yang 655,000 mencukupi dengan perkara yang ada dan sekarang ini mereka telah menggunakan kaedah-kaedah moden, menggunakan komputer dan sebagainya. Ini mempercepatkan proses kerja mereka. Mengenai kes-kes yang diperiksa secara manual terutama sekali di luar bandar, selepas didapati dibuat saringan positif, dihantar kepada hospital yang ada kelengkapan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, yang mana tentang sampel yang dibangkit oleh Yang Berhormat Dato' Dato' Maznah, adakah akan rosak bila dalam perjalanan? Ini adalah tugas polis. Mereka ada prosedur dan prosedur hendak bawa, hendak ambil sampel, hendak bawa sampel, mereka ada prosedur.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun cadangkan badan khas untuk pegawai-pegawai sains. Yang ini dalam pertimbangan kementerian Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Kimia adalah merupakan beban kepada Jabatan Kimia berat. Memang setakat ini selepas kes Yahya itu, apabila pegawai sains tidak diiktiraf dalam mahkamah, memang beban Jabatan Kimia menjadi berat kerana semua sampel dihantar kepada Jabatan Kimia.

#### ■1940

Akan tetapi selepas Dewan ini meluluskan rang undang-undang ini, maka *sample* itu akan dipulangkan balik ataupun mulai sekarang pegawai sains yang dilantik dan mereka boleh menjalankan tugas menganalisis sampel ini. Bermakna bukan ahli kimia sahaja yang boleh membuat analisa, tetapi ahli kaji hayat dan forensik juga boleh menjalankan tugas ini.

Tentang sama ada pindaan 37A dan 37DA ini adakah akan menzalimi. Saya sebut pagi tadi adalah kes yg dibangkitkan oleh Datuk Yahaya tadi bahawa tidak akan berlaku kezaliman kerana pihak pendakwa raya ada pilihan sama ada hendak *charge* di bawah, hendak buat *double presumption* atau *single presumption*, bermakna dia ada pilihan. Terpulang kepada merit kes masing-masing. Kalau memang sah dia itu ada banyak kes, memang dia mengedar dadah, memang boleh digunakan *double presumption* tadi Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Norliza, orang *Penang* ini, terima kasihlah kerana menyokong kementerian. Nanti saya belanja. Hospital kita memang lengkap, kemudahan-kemudahan yang ada memang lengkap. Kita ada lebih daripada 100 hospital yang ada kelengkapan yang boleh mengenakan analisa sampel-sampel biologi tadi. Kalau berlaku pertambahan sampel yang perlu analisa, pihak kementerian akan melengkapkan lebih banyak perkakasan dan menambahkan lagi pegawai-pegawai kita Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah, Yang Berhormat juga bangkitkan perkara yang hampir sama dengan yang lain. Memang kerajaan membelanjakan lebih kurang RM3 juta setahun untuk pegawai-pegawai sains ini untuk latihan, kelengkapan dan sebagainya. Jadi tidak timbul masalah kekurangan pegawai yang terlatih. Mereka mempunyai *basic degree* mereka, sarjana muda dan ada yang mendapat sarjana dan ada yang mendapat PhD dalam bidang ini. Saya kira setakat ini mencukupi Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Puan Roslin, berkenaan kes dadah ini saya tidak ada maklumat, akan dijawab secara bertulis. Tentang pegawai sains, ini *insya-Allah* kita akan berterusan menambah pegawai-pegawai sains kita jika perlu.

Yang Berhormat Tuan Saiful, pegawai sains ya mencukupi dan kelayakan macam saya sebut tadi, memang mereka ada *basic degree* mereka dan ada yang ada *Masters*, ada yang ada PhD dan sebagainya. Setelah kita gazetkan undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, maka kerja-kerja yang dijalankan atau pun sampel yang telah dijalankan oleh pegawai sains akan dapat diterima oleh mahkamah. Sebelum ini tidak dapat terima kerana mereka ini tidak digazetkan dalam akta. Selepas

undang-undang ini digazetkan, maka mahkamah tidak boleh sabar tentang affidavit yang mereka bawa ke mahkamah. Saya ingat ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya dapat jawab dalam konteks pindaan ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua lagi persoalan yang saya bangkitkan tadi belum terjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah berkenaan pindaan ini ataupun...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Ya, tentang pindaan. Satu tentang tafsiran yang jelas pegawai sains dan kedua, sumber anggapan yang lain seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen yang baru, yang terakhir itu. Dua perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat Menteri jawapannya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang takrifan pegawai sains ini, setakat ini kita takrifkan termasuk dalam pegawai sains, setakat ini ialah pegawai sains kaji hayat, forensik dan juga ahli kimia termasuk dalam bidang ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Akan tetapi kita tidak bercadang hendak beri takrifan yang tepat dalam pindaan sekarang kerana ia akan berubah. Maknanya kelulusan yang boleh diterima sekarang mungkin berbeza pada masa akan datang. Jadi kita tidak mahu setiap kali ada perubahan, kita bawa ke Dewan Negara untuk buat pindaan. Oleh sebab itu pihak kementerian tidak bercadang untuk memberi definisi kepada pegawai sains buat masa sekarang. Jadi yang ada, itu sahaja. Oleh kerana apabila ada keperluan, Menteri boleh cadang dan gazet yang baru.

Tadi tentang penganiayaan, tentang *double presumption*...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Bukan, tentang anggapan, ada satu...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tanggapan, *presumption*lah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Ya, *presumption*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini saya sebut tadi bahawa dalam pindaan ini, sebelum pindaan pihak pendakwa raya pernah kalah kes kerana *double presumption*. Apabila *double presumption* makna ada dua *presumption*, mahkamah buat keputusan bahawa tidak boleh diterima *double presumption* ini kerana menzalimi pihak yang kena tuduh. Apabila ada pindaan ini, maka mahkamah terutama sekali pendakwa raya ada dua pilihan sama ada dia hendak gunakan satu *presumption* ataupun dua *presumption*. Maknanya dalam kes-kes macam disebutkan tadi tentang *drug mule* misalnya, memang disahkan membuat siasatan dan didapati memang kes penganiayaan, kes *drug mule* bukan pengedar dadah. Jadi pihak pendakwa raya boleh menggunakan satu *presumption* sahaja. Akan tetapi kalau kes berat, jenayah, pihak pendakwa raya boleh mengekalkan *double presumption* tadi. Makna, tidak timbul masalah mahkamah akan tolak kerana masalah kelemahan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang Undang-undang.]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

#### ■1950

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali saya mengambil kesempatanlah mewakili Timbalan saya, Yang Berhormat Datuk Doris Sophia ak Brodi kerana jam menunjukkan tepat 19:50 malam, maknanya 7.50 malam. Saya ingin menyatakan di sini saya berasa amat gembira sekali kerana kehadiran Yang Berhormat. Cukup menggalakkan *[Tepuk]* Sungguhpun kita ada ahli baru, ahli OKU tetapi dia masih berada bersama dengan kita dan juga dua orang Timbalan Menteri yang saya rasa masih ada juga bersama dengan kita selain daripada Menteri daripada Kementerian Kesihatan. Saya juga ingin menyatakan di sini sebelah kiri sana iaitu tujuh per lapan hadir malam ini *[Tepuk]* Orang yang tidak ada, ketuanya sahaja. Ia tidak mengapa asal dia percaya kepada sahabat dia.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat semua saya berasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana kita telah dapat menunaikan tanggungjawab kita dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas, Dewan Negara 2013. Yang Berhormat, saya berasa amat sukacita juga menyatakan menampakkan kematangan dan penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat cukup bersungguh-sungguh. Kalau pun ada yang tidak hadir itu sebenarnya mereka telah menulis kepada saya dan mohon izin. Ini satu perubahan yang saya rasa amat berasa gembira sekali kecuali ada seoranglah dia tulis surat hantar memo dekat saya mengatakan bahawa dia minta kenapa soalan dia yang bertulis tidak diterima hingga sekarang.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat yang berkenaan bahawa kementerian-kementerian akan mengambil perhatian dan akan menghantar jawapan itu kemudian. Akan tetapi saya harap jugalah semua kementerian tentukan jawapan bertulis itu dihantar. Jangan ambil, *take for granted* dan tidak dihantar. *In next session*, dengan izin, sesi yang akan datang saya akan bertanya dengan Yang Berhormat, terima atau tidak jawapan bertulis yang dijanjikan oleh Menteri-Menteri yang berkenaan.



Seterusnya saya ingin merakamkan banyak-banyak terima kasih jugalah kerana kehadiran beberapa orang Menteri. Segelintir sahaja. Kalau boleh lagi ramai lagi baik. Ini menunjukkan bahawa Dewan ini ialah satu Dewan yang sama juga pentingnya dengan Dewan Rakyat. Setiap undang-undang atau pun rang undang-undang yang kita luluskan tadi mesti diluluskan oleh Dewan Negara, kalau tidak dia tidak boleh menjadi rang undang-undang ataupun undang-undang negara.

Seterusnya Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim yang begitu peka dan prihatin. Bila sambung sampai malam, makan beres. Itu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana rasanya belum pernah berlaku macam ini. Agaknya satu perubahan juga, biar dia tanggung semua kepada semua.

Saya juga tertarik sungguh telah adakan, berkesannya dan kesungguhannya semua Ahli Dewan, *participate* ataupun mengambil bahagian tanpa mengira tidak banyak perkara-perkara yang tidak sepatutnya dikeluarkan, menampakkan kematangan semua. Saya melihat kumpulan sebelah kiri pun sama juga baiknya. Inilah dia contoh yang saya hendak lakukan supaya Dewan Senat ini tidak ada dua Senator atau puak-puak sahaja. Semua Senator belaka.

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan juga di sini, bila kita sudah tamat ini kita akan balik ke kampung, balik ke rumah tangga masing-masing. Pada tanggal 25 hari bulan kita akan merayakan Hari Krismas.

Saya mengambil kesempatan mewakili semua Ahli Yang Berhormat di sini mengucapkan Hari Natal ataupun Hari Krismas kepada yang beragama Kristian, dan juga Selamat Tahun Baru yang akan tamat tidak berapa hari lagi. Menjelang sahaja tahun baru kita berdoa kepada Allah SWT, dipanjangkan umur, kesihatan badan dan dapat kita hadir dalam sesi yang akan datang, *insya-Allah*.

Dengan itu, saya mengucapkan kepada Ahli Yang Berhormat semua, Mesyuarat Dewan Negara hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.55 malam.]***